



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Cuti Y.B. Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud—Kebenaran
[Ruangan 3865]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3865]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1985)—
Jawatankuasa [Ruangan 3940]

Rang Undang-undang Telekomunikasi (Pindaan) [Ruangan 3952]

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1984—
Jawatankuasa [Ruangan 3943]

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1985—
Jawatankuasa [Ruangan 3943]

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 4010]

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:

Lori Yang Melebihi Muatan Maksima/Kebisingan [Ruangan 4010]

Akta Kawalan Sewa 1966—Semakan [Ruangan 4011]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N., (Sungai Siput).

Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.C.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Waiayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).

Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

„ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).

Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).

„ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).

„ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).

Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).

„ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).

Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).

„ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

„ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., J.M.N. (Paloh).

Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).

Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S..B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N, P.J.K. (Selayang).
- Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- Timbalan Menteri Kerajaan, DATO ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- Timbalan Yang di-Pertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN Au How CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).

Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N. P.L.S., B.S.I. (Sri Gading).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat)

„ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).

DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).

DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).

TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).

TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).

TAN SRI DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, P.M.N., D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).

TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).

TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).

TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).

TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).

TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).

TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).

DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).

TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).

Yang Berhormat DR CHEN MAN HIN (Seremban).

DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).

TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).

DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).

DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupa).

TUAN FUNG KET WING (Sandakan).

„ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).

TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).

„ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).

DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).

„ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).

TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).

DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).

„ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).

„ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).

TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).

„ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).

TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).

„ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).

TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).

TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).

„ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).

„ TUAN MARK KODING (Kinabalu).

„ DR KOH TSU KOON (Tanjong).

DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).

TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).

DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).

DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).

„ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).

TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).

Yang Berhormat TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).

TUAN LING SIE MING (Sibu).

- " TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ DATO MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
TUAN OUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).

Yang Berhormat DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Padang Rengas).
TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.
(Baling).
TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N.; P.K.T., J.P. (Balik
Pulau).
„ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
„ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
„ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
„ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
TUAN HAJI WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S.,
K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita:

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak,

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Selasa, 23hb Julai, 1985

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

**PENGUMUMAN TIMBALAN
YANG DI-PERTUA**

**CUTI Y.B. DATUK DR
SULAIMAN BIN HAJI DAUD—
KEBENARAN**

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak memberitahu Dewan iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud, Ahli Dewan Rakyat bagi kawasan Santubong, dari 15hb Julai, 1985 hingga 26hb Julai, 1985.

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Haji Seroji bin Haji Haron.

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat sedikit pembedulan iaitu barisan yang kedua "untuk

menyatakan" ialah "untuk menyatukan". Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama.

Timbalan Yang di-Pertua: "Untuk menyatukan" silakan Yang Berhormat Menteri.

SISTEM ZAKAT

1. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Perdana Menteri menyatakan adakah pihak Kerajaan Pusat sedang mengusaha untuk menyatukan sistem zakat supaya sama dalam cara penerimaan dan harga dan bilakah sistem ini dapat dijalankan di seluruh Malaysia.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor): Tuan Yang di-Pertua, setelah mengambil ingatan tentang pembedulan yang dibuat maka jawapan bagi soalan yang dikemukakan adalah seperti berikut:

Kerajaan memang sedang berusaha mengemaskan Pentadbiran Zakat di Malaysia. Sebagai langkah menuju maksud itu maka pada 26hb Oktober, 1983 Kerajaan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa di Peringkat Kebangsaan untuk mengkaji perkara yang berkaitan zakat dan mengemukakan cadangan-cadangan kepada Kerajaan. Jawatankuasa ini dikenali dengan Jawatankuasa Pemandu Pentadbiran Zakat Kebangsaan.

Berikutan dengan itu dua buah Jawatankuasa Kecil pula diwujudkan iaitu Jawatankuasa Pentafsiran Hukum dan Jawatankuasa Undang-undang Zakat. Kedua-dua Jawatankuasa ini sedang menyediakan draf panduan dan Akta zakat yang diperlukan.

Tujuan utama usaha Kerajaan ini ialah untuk memperkemas lagi pentadbiran zakat menggunakan sistem yang teratur dan kemas. Ia dijangka dapat dijalankan dari peringkat ke peringkat. Untuk peringkat awal akan dijalankan di Wilayah Persekutuan dan di peringkat kedua ialah Negeri-negeri. Mengenai tarikh pelaksanaan, belum dapat dipastikan di peringkat ini.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Suka saya bertanya kepada Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, pada tahun ini umat Islam khususnya di negeri Perak telah mengeluarkan zakat dan fitrah yang berlainan. Ingin saya bertanya adakah penyalaraan di antara Bahagian Agama di Jabatan Perdana Menteri ini dengan Jabatan-jabatan Agama Negeri untuk menyalarkan bukan sahaja zakat tetapi fitrah juga yang mana pada tahun ini mereka yang dikenakan fitrah mengikut gred beras yang dimakan. Kalau beras itu segantang \$2.50 dikenakan zakat \$2.50, kalau sekiranya mereka makan beras nombor 3—\$1.70 dikenakan fitrah \$1.70. Jadi saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Tuan Yang di-Pertua, memang betul bahawa jawatankuasa yang membincangkan hal penyalaraan ini meliputi hal-hal fitrah kerana fitrah sebenarnya adalah sebahagian daripada zakat juga. Dan mengenai dengan beras maka ia akan

terkandung dalam masalah penentuan kadar harga bagi setiap beras yang ditetapkan oleh pihak Jabatan Agama.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin membuat soalan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri ataupun bagi pihak Kerajaan membuat satu peraturan iaitu setiap umat Islam yang menjelaskan zakat harta ataupun pendapatan yang terkumpul untuk dikecualikan daripada membayar cukai iaitu dengan cara memotong bayaran yang dikenakan melalui zakat. Jadi ertinya pihak yang menerima zakat akan mengeluarkan resit supaya mengurangkan pembayaran cukai pendapatan kerana kalau sekiranya ini tidak dibuat akan terpaksa orang-orang Islam membayar cukai dua kali.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini memang jumlah bayaran zakat akan dikecualikan daripada jumlah keseluruhan yang dikenakan bayaran cukai pendapatan.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah Kerajaan sedar bahawa dalam pelaksanaan kutipan fitrah yang baru lalu ini, ada ahli-ahli daripada sebuah parti Pembangkang yang mengutip fitrah secara bersendirian dan tidak mahu membayar kepada pihak Amil yang dilantik oleh Kerajaan. Jadi sekiranya perkara ini berlaku apakah langkah-langkah sedang dan akan diambil oleh pihak Kerajaan bagi membenteraskan perkara-perkara seperti ini.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Tuan Yang di-Pertua, memang pihak pentadbiran di Bahagian Hal Ehwal Agama Islam di Jabatan Perdana Menteri menerima laporan tentang peristiwa ini.

Bagi menghadapi kes-kes yang seperti ini, sebagaimana yang diketahui oleh semua orang sebenarnya, pihak pentadbiran Jabatan Agama Islam Negeri-negeri adalah bertanggungjawab untuk memastikan supaya perkara ini tidak berlaku. Dalam peruntukan pentadbiran Hukum Syarak di negeri-negeri memang kuasa untuk mengambil tindakan ini telah diperuntukkan dan langkah-langkah baru saya fikir di peringkat ini tidaklah perlu difikirkan, cuma hanya dari segi pelaksanaannya sahaja.

PERNIAGAAN RESTORAN

2. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar kebanyakan restoran mengalami pukulan teruk akibat kemelesetan ekonomi;
- (b) adakah beliau sedar kadar cukai servis sebanyak 10% adalah satu beban yang menjejaskan perniagaan mereka juga; dan
- (c) adakah cukai servis akan dikaji semula.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Tan Tiong Hong): Tuan Yang di-Pertua, kemelesetan ekonomi hanyalah merupakan salah satu daripada faktor-faktor yang menyebabkan perniagaan restoran-restoran terjejas. Mungkin ada sebab-sebab lain seperti pertandingan, tempat perniagaan, perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan, makanan yang dihidang dan sebagainya telah menyebabkan kebanyakan dari restoran-restoran itu terjejas.

Keadaan ini bukan sahaja dihadapi oleh restoran-restoran tetapi khususnya juga dirasai oleh jenis-jenis perniagaan yang lain.

Seperti, yang saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa faktor yang lain yang telah menyebabkan penjejasan perniagaan restoran. Walau bagaimanapun, Kerajaan Malaysia sentiasa memberi perhatian keperluan-keperluan sektor swasta dan sentiasa akan membantu sektor swasta untuk mengatasi masalah-masalah dari semasa ke semasa.

Mengenai soalan ketiga, saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian saya dari masa ke semasa akan mengkaji cukai perkhidmatan dan akan melakukan perubahan sekiranya perlu.

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini:

- (a) bilangan restoran yang masih wujud;
- (b) bilangan restoran yang sudah gulung tikar pada tahun 1983 dan 1984.

Timbalan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat perlu notis kepada soalan yang sedemikian rupa?

Dato' Dr Tan Tiong Hong: Perlu notis,

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan bahawa ada beberapa sebab yang menjejaskan perniagaan restoran.

Di sini suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa di antara sebab-sebab itu cukai perkhidmatan 10% merupakan sebab yang utama, merupakan masalah yang utama yang menjejaskan perniagaan restoran-restoran ini dan di samping ini, suka juga saya mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri

sehingga hari ini berapa buah badan-badan ataupun persatuan-persatuan restoran yang telah mengemukakan memoranda kepada Kementerian yang berkenaan untuk merayu supaya cukai perkhidmatan ini dihapuskan ataupun sekurang-kurangnya dikurangkan?

Dato' Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, saya pun telah jelaskan tadi selain daripada masalah cukai perkhidmatan ada lain-lain faktor yang menyebabkan perniagaan restoran terjejas dan sebagai satu penjelasan walaupun restoran-restoran di tahun 1984 ada menghadapi masalah cukai perkhidmatan, yang ditutup pada tahun 1984, 12 buah restoran dalam hotel dan 71 buah restoran di luar hotel memberikan jumlah 83 tetapi restoran-restoran yang baru dibuka bagi masa yang sama, 18 dalam hotel dan 71 luar hotel memberi satu jumlah 89. Oleh sebab itu tidaklah benar jikalau kita kata satu sebab di mana restoran tutup ialah oleh kerana masalah cukai perkhidmatan.

Untuk menjawab soalan kedua, sekarang Kementerian Kewangan telah mulakan dialog dengan pihak swasta dan juga pihak profesional dan pendapat-pendapat yang telah diberi oleh sektor swasta ini akan diambil kira apabila Kementerian Kewangan menyediakan budget yang akan dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini dalam bulan Oktober, 1985 dan memorandum dari persatuan restoran dan hotel ada juga berbangkit masalah cukai perkhidmatan ini dan ini pun akan diberi pertimbangan yang sewajarnya.

BADAN PENCEGAH RASUAH— KAKITANGAN

3. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan kekuatan bilangan kakitangan Badan

Pencegah Rasuah sehingga 30hb Jun, 1985 dan kejayaan Badan tersebut dalam memerangi rasuah dalam tempoh tiga tahun terakhir dengan memberikan bilangan aduan yang diterima dan disiasat dan bilangan orang yang ditahan dan dijatuhkan hukuman Mahkamah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaacob):

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh bahagian pertama soalan Ahli Yang Berhormat itu, bilangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Badan Pencegah Rasuah Malaysia sehingga 30hb Julai, 1985 ialah 783 orang. Daripada jumlah tersebut 473 orang ialah pegawai-pegawai dan kakitangan daripada perkhidmatan Badan Pencegah Rasuah sendiri, yang lain-lainnya daripada perkhidmatan gunasama dan tenaga sokongan,

Menyentuh tentang bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat itu, sukalah saya nyatakan bahawa di antara kejayaan yang telah dicapai oleh Badan ini dalam usahanya untuk memerangi rasuah dalam konteks bilangan aduan yang diterima dan disiasat, bilangan orang yang "ditahan serta dijatuhkan hukuman Mahkamah bagi tempoh 3 tahun terakhir adalah berjumlah 30,144 aduan yang mana 6,003 siasatan dibuat.

Daripada sejumlah 6,003 kes yang disiasat itu Badan ini telah menangkap 898 orang kerana melakukan berbagai kesalahan rasuah dan pecahannya mengikut satu-satu tahun adalah:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan Ditangkap</i>
1982	257 orang
1983	220 orang
1984	302 orang
1985 (Januari-Mei) ..	119 orang

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh 1982 sehingga bulan Mei 1985 pihak Mahkamah telah pun menjatuhkan hukuman yang berkaitan ke atas 348 orang dan membebaskan seramai 138 orang lagi. Di samping itu, masih terdapat banyak lagi kes-kes rasuah yang sedang dibicarakan di Mahkamah dan belum diputuskan lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa harapan rakyat jelata bahawa Badan Pencegah Rasuah di bawah pentadbiran 2M akan lebih berkesan setelah rasa hampa tidak ditunaikan oleh kerana rasuah sekarang di semua peringkat lebih bermaharajalela dan adakah Kerajaan akan mengambil satu kajian yang baru mengenai masalah rasuah supaya tindakan yang lebih berkesan boleh diambil dan supaya harapan rakyat boleh ditunaikan.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soalan yang pertama daripada Ahli Yang Berhormat tadi, saya mengatakan dalam kedudukan sekarang ini Badan Pencegah Rasuah (BPR) berjalan lebih berkesan dengan ianya duduk terus di bawah Jabatan Perdana Menteri, khususnya di bawah Perdana Menteri dan saya tidak bersetuju bahawa rasuah adalah dalam keadaan bermaharajalela sekarang seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat.

Sama ada kajian baru perlu dibuat dalam rangka kita hendak melaksanakan tugas-tugas BPR ini, saya rasa ini tidak perlu oleh kerana dengan sedirinya dari masa ke semasa pihak Kerajaan sentiasa sahaja melihat perjalanan BPR itu sendiri khususnya dari segi kesannya terhadap tugas-tugas yang dilaksanakan dan juga untuk meningkatkan lagi keberkesanan tugas BPR ini, kita

memang sentiasa sahaja melaksanakan perkara-perkara seperti latihan yang lebih profesional yang diberikan kepada pegawai-pegawai kita. Umpamanya, akhir-akhir ini kita dapat menghantar pegawai-pegawai kita belajar ke luar negeri mengikuti kursus-kursus penyiasatan dengan maksud untuk memberikan kesan yang lebih terhadap tugas BPR ini. Dengan adanya perhatian dibuat dan dengan adanya strategi-strategi yang memang pun sudah diaturkan bagi BPR, kita berpuas hati dengan perjalanan BPR ini.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terlebih dahulu saya mengharapkan kepada Tuan Yang di-Pertua, kalaulah lari sedikit soalan saya daripada soalan asal harap dimaafkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, adakah bagi pihak Kerajaan telah menubuhkan satu jawatankuasa iaitu jawatankuasa yang ianya boleh mengintip terhadap pegawai-pegawai pencegah rasuah itu sendiri sebab boleh jadi ataupun harus pegawai pencegah rasuah itu, dia sendiri pula yang memakan rasuah. Itu soalan pertama.

Yang kedua, takrif rasuah, rasa saya mungkin betul atau tidak, saya tak tahulah—wallahualam. Takrif rasuah itu sendiri belum digariskan oleh pihak Kerajaan. Sebab jadi kesamaran pada hari ini, yang mana hadiah, yang mana rasuah, yang mana beri sahaja, yang mana mengenang jasa. Jadi tak tahu yang mana satu rasuah.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang mana diskaun.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Ya, yang mana diskaun.

(Ketawa) Jadi pernah disebut-sebut apabila sedikit \$10-\$20, itu rasuah. Selalu dapat ditangkap. Tetapi yang berjuta-juta, beribu-ribu, puluh-puluh ribu dan ratus-ratus ribu ringgit tak dapat ditangkap. (Seorang Ahli Yang Berhormat: Betul.)

Jadi adakah perkara seperti ini telah digariskan ataupun ada cadangan pihak Kerajaan untuk digariskan antara rasuah, hadiah, kerana dalam Islam sendiri, maaf, Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua: Adakah Ahli Yang Berhormat perlu huraikan soalan? Saya rasa soalan itu sudah jelas.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Sedikit sahaja. Dalam Islam sendiri ada juga dia punya perbezaan rasuah itu, maka itulah saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri adakah Kerajaan telah gariskan ataupun akan gariskan?

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama fasal menubuhkan Jawatankuasa untuk mengintip pegawai-pegawai BPR itu sendiri dan mengikut soalan seterusnya nampaknya Ahli Yang Berhormat itu merupakan seorang pakar juga dari segi memberi takrif rasuah. Sekiranya Kerajaan menubuhkan Jawatankuasa moleklah Ahli Yang Berhormat menjadi Pengerusi, tetapi malangnya Kerajaan memandangkan setakat ini Jawatankuasa sedemikian masih tidak perlu kerana kita mempunyai cara-cara untuk melihat perjalanan BPR itu sendiri,

Selain daripada itu Kerajaan juga merasa yakin bahawa pegawai-pegawai BPR kita dapat melaksanakan tugas-tugas mereka dengan mengikut dasar BCA (Bersih, Cekap dan Amanah). Jadi dengan itu, saya rasa kesangsian, sekurang-kurangnya secara terbuka tidaklah

perlu, tetapi dari segi pengesanan itu memang biasa sebagaimana mana-mana Kerajaan pun sudah tentu ada pihak, apatah lagi pihak Kerajaan sendiri memang memberikan perhatian.

Yang kedua, mengenai takrif rasuah tadi kerana ada kaitan dengan masalah undang-undang dan lain-lain, kalau saya hendak ceritakan agak panjang. Kalau Ahli Yang Berhormat ingin mengetahui, silalah ke Pejabat saya, kita bolehlah berbincang dengan panjang lebar mengenai bidang yang luas. Dan saya rasa setakat ini pun memang kita telah jelaskan apakah yang dimaksudkan dengan rasuah kerana perkara ini bukanlah satu perkara yang baru.

Fasal komen Ahli Yang Berhormat, kes yang kecil-kecil sahaja dapat ditangkap, seperti hadiah', diskau kata Tuan Yang di-Pertua dan sebagainya, ini saya rasa tak sampai begitulah.

Kes-kes yang besar-besar yang melibatkan berjuta-juta ringgit dalam erti kata rasuah, memerlukan penyiasatan yang teliti dan kita mesti mempunyai bukti-bukti yang cukup dan bagi pihak yang dituduh juga berhak untuk mempertahankan diri kerana akhirnya segala kes-kes tuduhan ini mesti dibawa ke mahkamah, bukan BPR yang menghukum, BPR hanya menyiasat dan hanya mahkamah sahaja yang boleh menghukum dan mana-mana pihak di bawah sistem demokrasi kita boleh mempertahankan diri.

Itulah sebab dia memerlukan masa dan memerlukan pengesanan dan bukti yang cukup. Ini yang memakan masa barangkali yang dirungutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu seolah-olah kes yang kecil sahaja yang nampak kerana ini kes-kes yang senang sahaja diambil tindakan.

Tuan Yew Foo Yeng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Menteri berkenaan, menurut jawapan beliau untuk soalan yang asal, beliau ada mengatakan bilangan kakitangan BPR sebanyak 783 dan sebahagian sahaja ialah kakitangan yang tetap dan bakinya ialah dari kakitangan sokongan.

Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Menteri apakah maksud orang yang menjadi pegawai sokongan dan pegawai kakitangan tetap, adakah mereka mempunyai kemahiran dari segi bidang yang disiasat atas kes rasuah dan adakah sebelum perlantikan pegawai-pegawai tetap itu, pihak Kerajaan menyiasat latar belakang mereka sebelum diterima memegang jawatan atau menjadi pegawai dalam BPR itu?

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, pegawai sokongan merupakan mereka yang terlibat dalam tugas-tugas biasa seperti pentadbiran dan tidak memerlukan kepakaran tertentu.

Bagi pegawai-pegawai tetap yang saya sebutkan tadi, ini adalah pegawai-pegawai yang telah kita pilih dan boleh diberi kepercayaan dari segi perwatakan dan sebagainya. Juga kita telah memberikan latihan-latihan awal dan juga seterusnya latihan-latihan khusus, latihan lanjut dan dari kalangan mereka yang mempunyai kelulusan yang tertentu untuk melaksanakan tugas ini. Jadi sama ada kita menyiasat dahulu latar belakang tiap pegawai BPR dari jumlah yang dianggap tetap tadi, memang kita berbuat demikian kerana pemilihan untuk bertugas di BPR adalah memakan proses yang sangat teliti sekali.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan. Di antara kes-kes

yang disiasat oleh Bacaan Pencegah Rasuah ini, sama ada pihak Badan Pencegah Rasuah ada menyiasat kes tentang skandal BMF dan sekiranya ada, suka saya mendapat tahu bilakah siasatan ini dijalankan dan sama ada pihak Badan Pencegah Rasuah ada hantar pegawai-pegawai ke Hong Kong untuk menyiasat kes ini? Di samping itu juga, saya ingin mendapat tahu dahpada Yang Berhormat Menteri berkenaan sama ada beliau sedar bahawa sungguhpun kesalahan ini mengenai skandal dilakukan di Hong Kong, akan tetapi di bawah Akta Pencegah Rasuah, pihak Badan Pencegah Rasuah ada hak untuk mendakwa pesalah yang berkenaan?

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, memang ada pihak Badan Pencegah Rasuah menyiasat kes yang ada kaitan dengan BMF dan ianya telah ditaksanakan semenjak beberapa masa lagi.

Yang kedua, sama ada kita menghantar pegawai Badan Pencegah Rasuah ke Hong Kong, setakat irri kita hanya menyelaraskan kes-kes ini di peringkat di sini oleh kerana undang-undang yang berkait dengan kes ini di Hong Kong barangkali tidak meliputi bidangkuasa kita yang ada di sini.

Yang ketiga, sama ada kita sedar Akta-akta di Hong Kong itu yang ada kaitan barangkali dengan Akta-akta yang ada di sini, walaupun secara langsung barangkali kita tidak boleh mencampuradukkan bidangkuasa Badan Pencegah Rasuah dengan pihak yang berwajib yang tertentu di Hong Kong, tetapi melalui usaha-usaha kerjasama ini boleh kita iaksanakan. Maksud Ahli Yang Berhormat barangkali sama ada Badan Pencegah Rasuah boleh menyiasat dengan secara efektif kes-kes yang berlaku di Hong Kong seperti BMF itu jawabnya memang Badan Pencegah Rasuah boleh melaksanakan tugas-tugas ini dengan berkesan melalui kita

mengadakan kerjasama yang erat dengan pihak-pihak yang berkuasa di Hong Kong.

KEMUDAHAN KESIHATAN DI PANTAI TIMUR SEMENANJUNG

4. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah kemudahan perubatan bagi rakyat dianggap satu hak atau satu "privilege". Adakah beliau sedar jurang kemudahan kesihatan di antara negeri-negeri Pantai Barat dan Pantai Timur. Adakah rancangan Kerajaan untuk meningkatkan kemudahan-kemudahan alat, pegawai-pegawai perubatan, dan doktor-doktor pakar di negeri-negeri Pantai Timur. Adakah tidak dan apakah rancangan Kerajaan hendak mewujudkan satu pusat rujukan perubatan yang lengkap di Pantai Timur Semenanjung.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju bahawa kesihatan adalah satu hak dan bukan satu "privilege", dengan izin, dan bagi rakyat yang tidak berkemampuan Kerajaan akan terus menyediakan kemudahan-kemudahan rawatan perubatan dengan memberi sepenuhnya atau sebahagian sahaja subsidi, setakat mana keadaan ekonomi negara mengizinkan. Tetapi golongan rakyat berpendapatan tinggi hendaklah membayar.

Kementerian Kesihatan memang sedar terdapat jurang kemudahan kesihatan di antara negeri-negeri di Pantai Barat dengan negeri-negeri di Pantai Timur dan juga Sabah dan Sarawak. Sebab itulah Kementerian memberi keutamaan kepada negeri-negeri termasuk dalam menyediakan kemudahan-kemudahan baru dan penempatan pegawai-pegawai tersebut doktor-doktor pakar.

Projek-projek baru yang telah diluluskan adalah tercatat secara ringkas di dalam dokumen Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat. Di antara projek-projek besar yang telah disiapkan atau masih dalam pembinaan di negeri-negeri Kelantan dan Terengganu adalah seperti berikut:

- (1) Hospital Universiti di Kubang Kerian. Ini sekarang digunakan sebagai Hospital Pengajar Universiti Sains Malaysia dengan kemudahan dan perkhidmatan pakar-pakar perubatan.
- (2) Hospital Besar Kota Bharu yang mempunyai kemudahan dan perkhidmatan pakar-pakar perubatan.
- (3) Beberapa Hospital Daerah di Tumpat, Pasir Mas, Tanah Merah dan Gua Musang.

Di Terengganu pula,

- (1) Hospital Besar Kuala Terengganu yang mempunyai kemudahan dan perkhidmatan pakar-pakar perubatan dan sedang juga diganti dengan bangunan yang baru.
- (2) Hospital-hospital Daerah di Besut, Dungun dan Kemaman.

Ada beberapa hospital baru telah pun dirancangan tetapi belum lagi dapat dilaksanakan kerana kekurangan peruntukan. Di antaranya termasuk hospital besar baru di Kuantan, hospital baru di Jengka, Raub, di Negeri Pahang dan hospital baru di Kuala Berang, di Terengganu.

Di Sabah dan Sarawak juga, beberapa hospital baru sedang dirancang. Hospital-hospital yang sedia ada juga diperbaiki dari masa ke semasa. Sementara alat-alat lama diganti atau ditambah.

Selain daripada itu, Kementerian adalah juga memberi keutamaan dalam menyediakan kemudahan-kemudahan bagi penduduk di luar bandar. Hospital-hospital besar yang sedia ada ataupun sedang atau akan dibina adalah pusat rujukan perubatan dengan perkhidmatan pakar-pakar perubatan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan yang telah berusaha untuk mempertingkatkan perkhidmatan kesihatan di Pantai Timur Malaysia Barat. Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah oleh kerana jurang perkhidmatan antara Pantai Barat dan Pantai Timur sudah lama diakui oleh Kementerian Kesihatan dan sehingga sekarang belum lagi dapat diselesaikan masalah jurang ini. Soalan saya ialah kenapa terlalu lama memakan masa untuk memperbaiki jurang perkhidmatan Kesihatan itu lebih-lebih lagi memandangkan bahawa kadar kematian bayi di negeri-negeri Pantai Timur, khususnya di Negeri Terengganu dan lebih khususnya di kawasan saya di Hulu Terengganu yang merupakan satu kawasan peratusan kematian bayi yang paling tinggi di seluruh Malaysia. Sungguhpun kita sudah mengakui ada masalah ini tetapi kenapa kita terlampau lama mengambil masa untuk membetulkan keadaan, sehingga hospital daerah Kuala Berang, Hulu Terengganu, sudah 10 tahun dirancang sampai sekarang tanah itu masih belum dibuat apa-apa? Kenapa untuk berdiri sebuah hospital memakan masa 10 tahun sedang projek-projek lain yang lebih besar daripada itu hanya mengambil tiga tahun untuk disiapkan?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih di atas soalan itu. Sebab beberapa

projek ini belum lagi dapat diselesaikan adalah "simple" sahaja untuk dijawab. Malangnya peruntukan tidak cukup untuk menjalankannya, termasuk hospital daerah yang baru di Kuala Berang di Hulu Terengganu, kawasan Ahli Yang Berhormat itu. Memang Kementerian telah pun merangkakan pelan-pelan untuk bangunan hospital Kuala Berang itu beberapa tahun dahulu, tetapi malangnya peruntukan untuknya tidak dapat diwujudkan untuk kita meneruskan dengan rancangan itu. Tetapi saya dapat memberi jaminan kepada beliau bahawa Hospital Daerah Kuala Berang adalah satu keutamaan tinggi di Kementerian dan harap dapat dimulakan pada peringkat awal Rancangan Malaysia Kelima.

Mengenai keadaan kematian bayi yang dikatakan tinggi di Pantai Timur, khususnya di Ulu Terengganu dan sebagainya, saya ingin menegaskan di sini bahawa keadaan kematian bayi yang tinggi itu bukanlah kerana tidak ada hospital, kerana di kawasan-kawasan yang berkenaan kita memang mempunyai liputan daripada pusat-pusat kesihatan, bidan, jururawat dan sebagainya yang memberi perkhidmatan ante-natal yang memuaskan. Tetapi, keadaan kematian bayi ini adalah lebih tertakluk kepada tahap kehidupan keluarga-keluarga, khususnya tahap zat makanan (nutritional level) dan bekalan air yang bersih dan tabiat-tabiat yang sihat di kalangan orang-orang yang berkenaan. Kementerian Kesihatan sedang memberi penumpuan yang khusus kepada kawasan-kawasan di mana purata atau tahap kematian bayi ini adalah tinggi dengan memilih kes-kes yang disifatkan sebagai "high risk" atau risiko tinggi, dan memberi kepada kes-kes risiko tinggi ini perhatian yang lebih dalam untuk kita dapat memberi kemudahan yang lebih memuaskan kepada kawasan-kawasan itu.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan walaupun beliau telah menerangkan ramai doktor-doktor telah ditempatkan di Pantai Timur, tetapi adakah beliau sedar bahawa angka-angka yang disebutkan tadi adalah jauh ataupun masih kekurangan lagi jika kita bandingkan dengan keperluan yang sebenar yang dikehendaki di Pantai Timur. Jadi, apakah pihak Kerajaan akan memohon ataupun meminta bantuan daripada doktor-doktor swasta untuk berkhidmat dengan Kerajaan, dengan cara sukarela bagi membantu, menolong atau memenuhi kekurangan yang ditanggung oleh Kerajaan setakat ini.

Yang kedua, apakah Kementerian ini mempunyai peruntukan yang diberi kepada doktor-doktor ataupun daerah-daerah ataupun pusat-pusat kesihatan jika sekiranya berlaku kekurangan ubat untuk doktor-doktor atau klinik-klinik itu membeli ubat di gedung-gedung perubatan luar supaya kekurangan ini tidak nanti mendapat kelulusan Kuala Lumpur baharulah ubat ini boleh dibeli dan sebagainya. Ataupun bolehkah doktor Kerajaan mengeluarkan misalnya kita kata subscription dan juga surat-surat yang membolehkan doktor itu mengarahkan supaya pesakit itu membeli ubat di luar, kerana setakat ini.....

Timbalan Yang di-Pertua: Bukan subscription, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Prescription, saya silap.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya pun bukan mengerti sangat tetapi yang itu saya tahulah. (*Ketawa*).

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya faham, Tuan Yang di-Pertua, kerana kerja Tuan

Yang di-Pertua, pun benda macam inilah. (*Ketawa*). Jadi, saya minta adakah benda ini boleh dikeluarkan oleh doktor Kerajaan. Sebabnya setakat ini ada doktor yang tidak berani mengeluarkan kerana katanya doktor ini terlibat dengan perniagaan dan sebagainya.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, panjang lebar soalan itu, saya cuba menjawabnya. Kekurangan tenaga doktor-doktor di kawasan Pantai Timur itu bukanlah sebegitu besar seperti dikatakan. Jika hendak dikira keadaan pakar-pakar perubatan di negeri Kelantan umpamanya, dengan wujudnya Hospital USM di Kubang Kerian, saya rasa Kelantan ini mempunyai lebih pakar-pakar perubatan per capita daripada negeri Kedah, negeri Perak, negeri Melaka, Negeri Sembilan, negeri Johor, negeri Pahang dan sebagainya. Sudah jadi johan atau johan kedua kepada Wilayah Persekutuan. Masalahnya adalah perkhidmatan yang memuaskan dalam bidang kesihatan. Dalam perkara ini tenaga doktor-doktor biasa yang hendak ditempatkan di kawasan-kawasan pendalaman, di kawasan-kawasan luar bandar, memangnya Kementerian menghadapi masalah untuk menempatkan tenaga doktor biasa yang cukup. Bukan sahaja di negeri-negeri Pantai Timur tetapi di negeri-negeri yang lain juga. Kerana negara kita masih membangun dan belum mempunyai tenaga doktor yang cukup, Kerajaan merancangkan pembesaran lagi kolej-kolej perubatan di negara kita. Kita harap ini akan memberi hasil dalam beberapa tahun yang akan datang. Tetapi kita sedang juga cuba dalam penempatan pegawai-pegawai di negeri-negeri, cuba mengadakan satu seimbangan di antara negeri-negeri dalam context keadaan kekurangan pada amnya.

Mengenai soal adakah doktor swasta boleh juga dibawa untuk memberi perkhidmatan sukarela, saya

rasa doktor-doktor biasanya kurang memberi perkhidmatan sukarela. Mereka keluar daripada Kerajaan kerana dapat lebih pendapatan luar. Jadi bukan begitu senang. Kerana apa yang kita berkehendakkan di kawasan-kawasan ini adalah satu perkhidmatan sepanjang masa atau sepenuh masa kerana penyakit itu bukan memberi notis untuk menyerang. Jika jatuh sakit terpaksa terus pergi jumpa doktor. Jadi.....

Timbalan Yang di-Pertua: Jawab soalan bolehlah beri notis.

Dato' K. Pathmanaban: Ya. Jadi kita sedang berusaha dalam perkara itu. Kementerian saya sudah pun bersedia untuk menjalankan satu pilot project untuk menggalak doktor-doktor swasta untuk berkhidmat juga dengan klinik-klinik atau hospital Kerajaan. Yang ditujukan ini ialah doktor biasa, bukan doktor-doktor pakar, untuk berkhidmat bagi tempoh masa yang tertentu di hospital-hospital Kerajaan. Kita harap dapat menjalankan satu pilot project untuk perkara ini di kawasan Kulim kerana dalam tinjauan yang kita buat kepada doktor-doktor swasta di beberapa tempat, nampaknya ada lebih ramai doktor swasta di Kulim yang sanggup memberi perkhidmatan. Kementerian sedia memberi bayaran bukan mencari "free labour", sedia membayar untuk tenaga mereka, jika tenaga ini dapat diberi secara regular dan bukan secara sambilan sahaja, dengan datang bila mereka suka sahaja. Kita kena jadualkan perkara ini dan pilot project di Kulim kita harap dapat memberi tunjuk ajar kepada kita tentang masa depan rancangan ini dan kerjasama yang boleh diwujudkan di antara sektor swasta dan sektor Kerajaan. Dalam bidang perkhidmatan pakar, kita sudah pun memulakan satu skim dengan sektor swasta dalam kepakaran anaesthesia, pakar bius. Pakar-pakar bius di beberapa negeri

sudah pun bersetuju untuk datang membantu kita di hospital-hospital secara "sessional",

Mengenai ubat-ubat, ini bukan satu perkara senang kerana pemberian ubat-ubat ini hendaklah terkawal, kalau tidak, peruntukan yang diluluskan oleh Parlimen ini akan sia-sia sahaja dan tidak mencukupi. Tetapi saya dapat memberi jaminan bahawa dasar, tindakan dan rancangan Kementerian adalah untuk menentukan bahawa ubat-ubat yang perlu di kawasan di seluruh tanah air kita adalah sentiasa mencukupi. Dalam keadaan-keadaan tertentu, mungkin boleh dapat kekurangan kerana bekalan tidak sampai dan sebagainya. Tetapi Kementerian sedang berusaha untuk menentukan bahawa bekalan ubat ini sentiasa terdapat di hospital dan klinik-klinik kita. Pengarah Kesihatan di Negeri-negeri telah pun diberi kuasa di mana perlu untuk membelikan ubat-ubat ini dari luar daripada stok Kerajaan, membelikannya daripada gudang-gudang ubat, farmasi-farmasi dan sebagainya. Mereka boleh membeli ubat yang perlu bagi menyelamatkan nyawa. Saya rasa cadangan Yang Berhormat untuk kita beri "chit" kepada pesakit untuk mereka beli ubat daripada kedai ubat ini mempunyai kerumitan yang agak banyak jika difikirkan sedalam-dalamnya. Saya rasa sistem yang dijalankan pada masa ini adalah satu sistem yang boleh dibaiki lagi dan kita sedang berusaha untuk membuat sedemikian dan untuk membawa hasil yang lebih memuaskan.

Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi? Saya harap Yang Berhormat tolong bantu kemukakan soalan dengan tepat dan saya minta kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab dengan ringkas sedikit

supaya kita boleh teruskan kepada soalan-soalan lain. Silakan Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat menyatakan bilangan doktor yang kurang sekarang sama ada di Pantai Timur ataupun Pantai Barat?

Yang kedua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa pembinaan bangunan hospital yang baru tidak semestinya menjamin perkhidmatan yang sempurna dan memuaskan dan adakah Yang Berhormat sedar di beberapa tempat di negara ini termasuk Kelang dan Ipoh di mana ada hospital bertingkat-tingkat dan pesakit-pesakit terutamanya pesakit "psychiatry" yang boleh lompat daripada tingkat tinggi ke bawah?

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan pertama dan kedua itu sudah elok, yang ketiga itu.....

Dr Tan Seng Giaw: Ya, masih ada kerana dia akan membina satu hospital bertingkat di Kuala Terengganu, kalau tidak silap saya, saya tidak mahu rekabentuk seperti ini diulangkan di Kuala Terengganu.

Timbalan Yang di-Pertua: Adakah jelas soalan yang ketiga itu, Yang Berhormat?

Dato' K. Pathmanaban: Jelas, mengenai orang gila! (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, suka saya ringkaskan jawapan tetapi dari dua Ahli Yang Berhormat tadi 4 soalan telah ditimbul, dan Yang Berhormat dari Kepong juga membangkitkan 3 soalan berkaitan dalam perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya sedar soalan itu luas bidangnya, Yang Berhormat.

Dato' K. Pathmanaban: Bilangan kekurangan doktor ini susah untuk saya menyebutkan secara tepat. Tetapi saya dapat mengatakan bahawa kekurangan adalah lebih kurang 30% kepada 40% di kalangan doktor pada masa ini. Saya sedar, saya memang sudah sebut tadi, bahawa bukan bangunannya yang akan membawa kesihatan tetapi perkhidmatan yang diberi melalui bangunan itu dan lebih-lebih lagi tahap kesihatan itu adalah tertakluk kepada kesedaran orang ramai juga dalam perkara kesihatan.

Mengenai pesakit yang lompat dari tingkat yang tinggi dan sebagainya, saya rasa jika orang hendak membunuh diri di mana pun boleh juga. Di klinik Yang Berhormat pun boleh juga dari tingkat dua! Jika mahu, saya boleh hantar beberapa orang ke sana (*Ketawa*).

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Cukuplah itu, Yang Berhormat, tidak boleh. (*Ketawa*)

FELCRA—CIRI UTAMA MEMAJUKAN KAWASAN

5. Tuan Mokhtaram bin Rabidin minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah ciri-ciri yang diberi keutamaan sesebuah kawasan untuk dimajukan oleh FELCRA.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, sebagai menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat mengenai ciri-ciri yang diberi keutamaan oleh FELCRA bagi memajukan sesebuah kawasan, maka sukacita saya memaklumkan bahawa datam melaksanakan tugasnya, FELCRA memberikan penekanan kepada soal-soal penyatuan dan pemulihan kepada

tanah yang terbiar yang ada pemilik yang terdapat di kampung-kampung tradisional.

Di antara ciri-ciri penting yang diberikan keutamaan dalam kedua-dua aspek ini, antara lainnya, tanah atau kawasan yang berkenaan mundur atau tidak diusahakan; keadaan fizikal tanah atau kawasan yang hendak dimajukan adakah ekonomik untuk dimajukan atau tidak. Ini dilihat juga dari segi kesesuaian tanah kerana kesesuaian tanah adalah merupakan salah satu faktor penting dalam menentukan bahawa projek yang dilaksanakan itu viable atau sesuai dari segi ekonominya.

Ketiga, ada persetujuan pemilik-pemiliknya supaya FELCRA memajukan tanah itu. Keempat, jika luas tanah itu kecil ada terdapat tanah-tanah lain di persekitarannya untuk dimajukan bersama.

Itulah ciri-ciri utama yang diperhitungkan bagi memajukan satu-satu kawasan dan setelah ini dikenalpasti, penelitian dibuat untuk perancangan dan pelaksanaan.

Datuk Edwin anak Tangkun: Setelah mendengar jawapan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya ingin tahu kerana untuk menentukan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan kita di masa hadapan, saya ingin tahu adakah Kerajaan Persekutuan telah bercadang untuk menubuhkan Jawatankuasa Khas untuk menyiasat kawasan-kawasan yang lebih luas dan subur untuk rancangan tanaman secara besar-besaran supaya pihak SALCRA dapat menjalankan atau dapat membelanjakan wang dengan lebih teratur di masa akan datang.

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham apakah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat yang berkenaan, FELCRA ataupun SALCRA?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila ulangi.

Datuk Edwin anak Tangkun: SALCRA.

Timbalan Yang di-Pertua: "S" for Singapore?

Datuk Edwin anak Tangkun: Ya.

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat yang berkenaan ialah agensi SALCRA di Sarawak. Sebenarnya.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa soalan itu terkeluar sedikit daripada konteks soalan asal sebab soalan asal itu begitu khusus menyentuh FELCRA semata-mata.

Datuk Edwin anak Tangkun: Saya ingin tahu SALCRA dengan FELCRA agensi Kerajaan juga di Sarawak.

Timbalan Yang di-Pertua: Bolehkah disatukan?

Datuk Edwin anak Tangkun: Boleh disatukan kerana di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada berkait itu, Yang Berhormat.

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Terima kasih. Sebenarnya SALCRA ini ialah agensi Perbadanan Kerajaan Negeri Sarawak, tetapi walau bagaimanapun kita mempunyai kerjasama dalam membangunkan tanah bagi penyatuan dan pemulihan tanah.

Tentang SALCRA ini memang penyiasatan, penyelidikan dan untuk mencari tanah-tanah yang sesuai untuk membantu SALCRA di Sarawak sedang diusahakan.

PEMBINAAN JALAN RAYA DI RESIDENSI KUDAT

6. Tuan Newman Gaban minta Menteri Kerjaraya menyatakan adakah benar bahawa tidak ada sebahagian pun daripada lebih kurang \$390 juta Kumpulanwang, bagi pembinaan jalan raya di Sabah dikhaskan untuk pembinaan jalan raya di Residensi Kudat. Jika ya, dan memandang Residensi Kudat ialah kawasan yang sangat mundur di Malaysia, bolehlah beliau memasukkan kerja untuk membaiki dan menurap yang sangat perlu bagi Jalan Langkon/Tandek di bawah projek berharga \$390 juta untuk Pembinaan Jalan Raya Persekutuan bagi Sabah yang bermula tahun ini.

Timbalan Menteri Kementerian Kerjaraya (Dato' Zainal Abidin bin Zin): Tuan Yang di-Pertua, adalah benar seperti apa yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat itu wang sebanyak \$390 juta itu tidak digunakan untuk pembinaan jalan-jalan di Residensi Kudat. Peruntukan sebanyak \$390 juta itu ialah untuk jalan-jalan Jalan Bukit Garam ke Telupid, Jalan Bukit Garam/Lahad Datu, Jambatan Kinabatangan, lambatan Segama, Jalan Tawau-Meroti, Jalan Lahat Datu-Bakapit, Jalan Sapi-Nangoh, Jalan Beaufort-Sindumin yang perbelanjaannya berjumlah sebanyak \$392.3 juta. Tetapi untuk makluman, Ahli Yang Berhormat' sungguhpun \$390 juta dibelanjakan di tempat lain, tidaklah bermakna lain-lain jalan di Residensi Kudat tidak diberi perhatian.

Dalam Rancangan Malaysia Keempat umpamanya, kita telah membelanjakan sebanyak \$8.4 juta untuk membaiki jalan raya Langkon/Tandek, jalan sejauh 6 batu dan baki sebanyak 7 batu lagi dijangka akan menelan belanja sebanyak \$11.4 juta. Kementerian telah mencadangkan untuk membaiki dalam Rancangan Malaysia Kelima. Walau bagaimanapun

pun semua ini akan bergantung dengan kedudukan kewangan negara kita. Kita telah mencadangkan sebanyak \$4 juta dari \$11.4 juta ini untuk tahun 1986. Selain daripada itu jalan raya Langkon/Tandek sebanyak \$5 juta lagi telah kita syorkan bagi membaiki keadaan jalan ini dalam tahun 1986.

Insyallah, Kementerian Kerjaraya sentiasa akan memberi perhatian kepada jalan-jalan Persekutuan (Federal) yang perlu diberi pertimbangan dari masa ke semasa seperti kawasan Residensi Kudat ini.

Tuan Mohamed Yusoff bin Haji Yakob: Soalan tambahan. Kalau tidak silap saya, pengumuman mengenai dengan peruntukan ini telah pun dibuat beberapa bulan yang lalu. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat berkenaan sama ada kerja pembinaan ini diberikan kepada sesiapa. Kalau sudah, kepada siapa? Dan kalau belum, bilakah pembinaan ini dapat dimulakan supaya pengguna-pengguna jalan raya terutama di luar bandar tidak lagi mengalami kesulitan dan tidak lagi mengalami kerosakan kenderaan mereka akibat daripada beberapa jalan raya yang kurang baik dan sangat menyedihkan.

Dato Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, saya menerangkan tadi di Residensi Kudat, yang lain-lain walaupun jalan raya di kawasan ini telah ada, tetapi kita terpaksa membuat satu study yang lengkap tentang pengubahsuaian, pengiktirafan dan sebagainya. Insyallah apabila kita menawarkan tender kita akan beri tahu kepada Yang Berhormat ini. Mudah-mudahan Yang Berhormat akan turut serta.

Tuan Newman Gaban: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin meminta Timbalan Menteri berkenaan menyatakan apakah sebab-sebab mengapa jalan Langkon/Tandek

tidak dimasukkan dalam rancangan yang disebutkan tadi ataupun apakah ciri-ciri yang diberi keutamaan untuk memberi tempat lain keistimewaan?

Dato Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya semua tempat kita beri keistimewaan dan sebab itulah dalam dasar kita hendak memberi kepuasan kepada semua rakyat, maka kita tidak boleh menumpukan kepada satu tempat sahaja dan bagi kawasan Residen Kudat merupakan satu kawasan yang sudah pun mendapat keutamaan ini dan kita akan teruskan pada tahun 1986, 1987, 1988, 1989, sekiranya keadaan ekonomi kita kukuh dan kuat.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 7 hingga 46 adalah diberi di bawah ini).

KERJA RUMAH (HOMEWORK) BAGI MURID SEKOLAH

7. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian betiau akan mengadakan suatu garis panduan kepada semua sekolah-sekolah rendah supaya guru-guru darjah tidak membebankan anak-anak murid mereka dengan terlalu banyak kerja rumah (homework) yang kadangkala menyebabkan murid-murid ini tidak ada masa di rumah untuk membelajar atau menghafal pelajaran terutamanya sebulan sebelum tarikh peperiksaan.

Timbalan Menteri Pelajaran (Datuk Dr Ling Liong Sik): Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk mengadakan satu garis panduan kepada semua sekolah rendah mengenai kerja rumah (homework). Biasanya kerja rumah diberi mengikut kemampuan murid-murid supaya

mereka dapat memahami pelajaran itu dengan lebih berkesan. Latihan seperti ini merupakan proses pengukuhan untuk mengekalkan dan mempertingkatkan pengetahuan yang dipelajari di bilik darjah, selain daripada menyediakan murid-murid untuk menghadapi peperiksaan.

SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (C) DI KUANTAN—PEMBINAAN

8. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementeriannya telah meluluskan pembinaan sebuah Sekolah Rendah jenis Kebangsaan Cina yang baru di Kuantan, dan jika ya, beri butir-butir lanjut mengenai kos sekolah tersebut, bilangan bilik-bilik darjah dan bilangan pelajar-pelajar yang ia akan menampung, tarikh kerja-kerja pembinaan akan bermula dan tarikh pembinaan dijangka siap.

Datuk Dr Ling Liong Sik: Kementerian Pelajaran telah pun meluluskan pembinaan sebuah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina yang baru di Kuantan dengan kemudahan-kemudahan seperti 12 bilik darjah, pejabat, bilik Guru Besar, bilik guru, 2 bilik pelbagai guna, perpustakaan, bilik TV, setor, tandas, kantin, padang, pagar, api dan bekalan air. Anggaran kos projek ini ialah \$850,000.

Pembinaan akan dimulakan pada akhir bulan Julai ini dan dijangka siap pada bulan Ogos, 1986. Apabila siap kelak sekolah ini dijangka akan dapat menampung 960 orang murid.

BAYARAN BIL AIR/LETRIK

9. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar bahawa banyak

bayaran-bayaran bil air dan elektrik, terutama di kawasan-kawasan luar bandar dibayar melalui Pejabat-pejabat Pos, tetapi apabila dalam masa beberapa lama kemudian pengguna-pengguna yang telah pun membayar bil-bil ini, misalnya bil air, pengguna-pengguna yang berkenaan akan menerima surat notis daripada pihak Jabatan Bekalan Air, mengarahkan supaya menjelaskan tunggakan mereka dalam masa 7 hari dengan alasan pengguna-pengguna ini tidak membayar bil-bil mereka sejak beberapa bulan kebelakangan, walhal pengguna-pengguna tersebut telah pun menjelaskannya di Pejabat-pejabat Pos. Jika sedar, kenapakah perkara-perkara seumpama ini berlaku? Dan apakah langkah-langkah serta tindakan-tindakan tersebut yang sedang dan akan diambil bagi mengatasinya?

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok); Untuk makluman Yang Berhormat, mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan untuk menerima bit bagi Agensi-agensi seperti Jabatan Bekalan Air, LLN dan sebagainya, keratan-keratan bil yang diterima bersama-sama dengan salinan pendua resit-resit yang dikeluarkan oleh Pejabat Pos akan dihantar bersama-sama dengan Penyata Kutipan Harian kepada Agensi yang berkenaan tiap-tiap hari ke Pusat-pusat yang ditentukan oleh Agensi itu. Penyata Kutipan Harian akan menunjukkan jumlah besar kutipan yang telah diterima pada hari berkenaan. Untuk mengakaunkan penerimaan wang tunai, Agensi berkenaan akan menyemak jumlah di keratan-keratan bil dan di salinan pendua resit-resit dengan jumlah besar kutipan di Penyata Harian. Sekiranya tidak seimbang, Agensi berkenaan akan memaklumkan kepada Ibu Pejabat Pos supaya pelarasan dilakukan. Agensi berkenaan juga akan mengimbangkan jumlah wang yang dihantar oleh Ibu Pejabat Pos

dengan jumlah wang yang sepatutnya diterima berdasarkan atas dokumen-dokumen yang telah diterima daripada Pejabat-pejabat Pos.

Dengan lain-lain perkataan, pihak Pejabat Pos hanya menerima wang bagi pihak Agensi-agensi tertentu, dan terpulanglah kepada Agensi yang berkenaan untuk mengemaskinikan (update) kira-kira dan akaun-akaun tiap-tiap pelanggan.

Bagaimanapun sekiranya perkara seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat berlaku, pengguna-pengguna berkenaan boleh menunjukkan resit pembayaran yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Pos sebagai bukti bahawa bayaran telah dibuat. Pihak Lembaga Letrik Negara dan Jabatan Bekalan Air akan menerima resit-resit ini sebagai bukti pembayaran. Pengaduan juga boleh dibuat kepada Jabatan Pos atau Agensi-agensi berkenaan dengan memberi maklumat-maklumat seperti tarikh, tempat pembayaran dan sebagainya supaya penyiasatan lanjut boleh dibuat untuk mengatasi masalah ini.

PELABUHAN MALAYSIA BAGI KAPAL MISC

10. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah benar kapal-kapal MISC tidak menggunakan pelabuhan-pelabuhan Malaysia sepenuhnya disebabkan oleh beberapa kelemahan seperti trade patterns, tataraca kastam shipping patterns dan kemudian perhubungan yang tidak memuaskan di Pelabuhan-pelabuhan Malaysia. Jika benar apakah langkah-langkah Kerajaan bagi memperbaiki perkara ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Pada amnya faktor utama yang menentukan kekerapan jadual persinggahan kapal-kapal di sesebuah pelabuhan bergantung kepada corak

perdagangan kapal tersebut serta jumlah kargo yang boleh diangkut dan dipunggah di pelabuhan tersebut. Dalam pada itu faktor seperti kemudahan perhubungan yang tidak memuaskan, kelewatan dan sebagainya boleh menyebabkan kapal tersebut enggan menggunakan sesebuah pelabuhan.

Berhubung dengan MISC, adalah tidak benar bahawa kapal-kapal MISC tidak menggunakan pelabuhan-pelabuhan Malaysia sepenuhnya atas sebab-sebab yang dinyatakan oleh Yang Berhormat. Kesemua Pelabuhan-pelabuhan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak termasuk dalam jadual persinggahan kapal-kapal MISC sama ada dalam perkhidmatan perkapalan antarabangsa mahupun perkhidmatan perkapalan dalam negeri. Bagi kapal MISC yang terlibat dalam perkapalan antarabangsa, khususnya kapal-kapal yang sebahagian besarnya menyertai dalam aktiviti "cross-trading" iaitu corak perdagangan yang tidak melibatkan langsung persinggahan di Pelabuhan dalam negeri (home port) maka kekerapan penggunaan pelabuhan Malaysia memanglah kurang.

PUSAT PERTANIAN YANG DITUBUHKAN

11. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Pertanian menyatakan berapa stesyen pertanian telah ditubuhkan di seluruh negara setakat ini. Nyatakan tempat mereka ditubuh, fungsi dan tujuan mereka dalam konteks Dasar Pertanian Negara yang berhasrat untuk memodenkan sektor pertanian. Memandangkan pentingnya pelaksanaan Dasar Pertanian Negara, nyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk meninggikan taraf (upgrade status) stesyen tersebut daripada kedudukan stesyen kepada pusat penyelidikan. Adakah Kerajaan

bercadang untuk mengkaji semula secara menyeluruh fungsi stesyen ini supaya mereka memainkan peranan yang lebih berkesan lagi dalam sektor pertanian negara.

Menteri Pertanian (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim): Bilangan stesyen atau pusat pertanian yang telah ditubuhkan di seluruh negara setakat ini adalah seperti berikut:

(a) Semenanjung Malaysia	129 buah
Perlis	3 buah
Kedah	8 buah
Pulau Pinang	8 buah
Perak	23 buah
Selangor	18 buah
N. Sembilan	14 buah
Melaka	3 buah
Johor	11 buah
Pahang	22 buah
Terengganu	12 buah
Kelantan	7 buah
(b) Sabah	25 buah
(c) Sarawak	12 buah

Pada keseluruhannya, fungsi dan tujuan Pusat Pertanian dalam konteks DPN adalah seperti berikut:

- (a) Mengadakan latihan bagi pegawai dan petani.
- (b) Mengadakan demonstrasi bagi tanaman-tanaman yang terbukti dan juga pemerhatian tanaman-tanaman.
- (c) Mengeluarkan bijih benih/bahan tanaman dan matatunas.
- (d) Bertanggungjawab dalam pengawalan musuh-musuh tanaman dan demonstrasi penggunaan racun makhtuk perosak.

- (e) Menjalankan penyiasatan tanah, penilaian gunatanah, pemulihan tanah dan kesuburan tanah.
- (f) Memberi perkhidmatan sokongan logistik dan kerja-kerja pembaikan kejenteraan.
- (g) Memberi khidmat nasihat dan pengembangan kepada petani.
- (h) Berfungsi sebagai tempat menyimpan bahan input pertanian.

Jabatan Pertanian tidak bercadang untuk menjadikan pusat-pusat pertanian sebagai pusat penyelidikan sebab pusat-pusat mempunyai fungsi-fungsi tertentu berbeza daripada pusat-pusat penyelidikan yang di bawah kelolaan MARDI.

Bagi Semenanjung Malaysia, Jabatan Pertanian telah pun mengkaji semula secara menyeluruh fungsi pusat-pusat Pertanian pada tahun 1984.

DEMAM DENGGI

12. Tuan Quah Wee Liam minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan kes-kes Demam Denggi di Negeri Johor adalah tertinggi sekali di seluruh Negara Malaysia, apakah langkah-langkah yang akan diambil supaya mencegah penyakit ini merebak di seluruh negara kita.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban); Sekarang Negeri Johor tidak mencatatkan bilangan kes Demam Denggi/Denggi Berdarah yang terbanyak sekali di Malaysia. Hingga 8hb Julai, 1985 cuma 9 kes Denggi sahaja dilaporkan di Negeri Johor.

Walau bagaimanapun, satu penilaian ke atas aktiviti anti Aedes pada bulan Mei 1985 menunjukkan negeri Johor mempunyai bilangan terbanyak lokaliti-lokaliti yang sensitif

terhadap Denggi. Lokaliti sensitif Denggi ditakrifkan sebagai satu kawasan di mana kepadatan pembiakan Nyamuk Aedes adalah tinggi dan dengan itu berkemungkinan mencetuskan wabak Denggi. Pengumuman yang dibuat adalah sebagai langkah berjaga dan mengingatkan orang ramai tentang bahaya yang berkenaan.

Tindakan-tindakan mengurangkan sumber pembiakan, kebersihan persekitaran, pelajaran kesihatan, kegunaan ubat pembunuh jentik-jentik yang sesuai dan menguatkuasakan undang-undang sedang dijalankan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

RACUN HERBA—PENGGUNAAN

13. Tuan Omar bin Abdullah minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kerajaan akan terus membenarkan penggunaan racun herba yang dibuat berasaskan paraquat dichloride memandangkan racun ini sangat membahayakan nyawa manusia. Jika terus dibenarkan adakah Kerajaan akan memperketatkan lagi peraturan dan kawalan pelaksanaan aturan supaya kesan-kesan negatif dari racun ini dapat dikurangkan.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Lembaga Racun Makhhluk Perosak telah pun mengkaji penggunaan racun paraquat dengan mendalam, dengan menimbangkan segala kebaikan dan keburukannya. Seterusnya Lembaga telah memutuskan bahawa pada masa sekarang racun ini perlu dibenarkan penggunaannya di negara ini. Di samping itu, Lembaga sedang aktif mencari racun alternatif kepada paraquat.

Di bawah Akta Racun Makhhluk Perosak 1974 terdapat peruntukan-peruntukan bagi melindungi

keselamatan pekerja-pekerja yang mengendalikan racun herba ini. Peraturan-peraturan bagi penguatkuasaan peruntukan ini sedang disediakan oleh Lembaga Racun Makhluk Perosak supaya memperketatkan lagi kawalan penggunaan racun ini dan akan dibawa ke Dewan Yang Mulia ini untuk dibentangkan.

Di samping itu, Jabatan Pertanian juga sedang giat mengadakan Kempen Keselamatan di dalam penggunaan racun perosak yang telah pun dilancarkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian pada bulan Ogos 1984 lalu. Kempen ini bertujuan melatih pengguna-pengguna mengenai bahaya racun perosak serta cara-cara pengendaliannya secara teratur dan selamat. Pada tahun 1985 ini, latihan seperti ini ditumpukan kepada pekerja-pekerja ladang, di mana kursus serta tunjukajar diadakan dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan, pihak pengurus ladang, persatuan pekerja ladang dan juga pihak swasta.

BEKALAN AIR DI JOHOR— KESULITAN

14. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada beliau sedar tentang kesulitan bekalan air di negeri Johor, di mana masyarakat muslim merayakan hari raya tanpa bekalan air. Di samping itu, pemotongan bekalan air kerap berlaku di negeri Johor. Apakah tindakan setakat ini diambil oleh Kementerian bagi menyelesaikan masalah ini khasnya di negeri Johor.

Dato Zainal Abidin bin Zin: Kementerian saya sedar akan beberapa kampung yang terletak di hujung-hujung sistem "water reticulation", terutamanya di daerah-daerah Batu Pahat, Pontian dan Keluang yang mengalami tekanan air

yang, rendah, dan juga gangguan perbekalan air. Keadaan ini menjadi lebih teruk semasa perayaan hari raya baru-baru ini kerana ramai orang balik ke kampung-kampung itu.

Untuk mengatasi masalah tersebut, Kerajaan sedang mengambil tindakan untuk melaksanakan skim-skim air yang baru bagi membekalkan air untuk daerah-daerah Batu Pahat dan Pontian. Umpamanya bagi daerah Batu Pahat, skim yang akan dibuat ialah bekalan air Yong Peng akan diperbesarkan untuk mendapat hasil sebanyak million litter sehari. Bekalan bagi Parit Raja akan ditambah dari 4.5 million litter kepada 60 million litter sehari. Bagi kawasan Pontian dan kawasan Machap akan dapat mengeluarkan 25 million litter sehari, dan kawasan ini tender akan dikeluarkan tidak lama lagi. Projek-projek tersebut dijangka siap pada tahun 1988. Untuk daerah Keluang Kerajaan telah memberi tanggungjawab kepada satu Badan Perunding di luar negeri untuk mengkaji keseluruhan sumber bekalan air yang sesuai untuk bekalan ini. Selain daripada kawasan Sembrong yang dapat mengeluarkan 80 million litter telah diserahkan untuk kajian oleh sebuah Syarikat Perunding negara ini. Selain daripada Sembrong Dam dari kawasan kampung akan dapat sumber air yang boleh membekal sebanyak 90 million litter sehari. Dan juga satu sumber air bawah tanah akan mengeluarkan sebanyak 10 million litter air sehari. Kajian ini dan pembinaan ini sekiranya siap nanti akan menelan belanja sebanyak \$60 juta. Dan dicadangkan akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kelima.

UNIVERSITI BERKEMBAR

15. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Pelajaran menerangkan konsep "Universiti Berkembar" dan

kemajuan melaksanakan konsep ini setakat ini. Apakah tujuan-tujuan utama konsep ini? Manakah universiti-universiti tempatan dan luar negeri yang akan terlibat, bilakah ianya akan dilaksanakan, dengan kemasukan berapa orang pelajar pada awalnya dan apakah kursus-kursus atau bidang-bidang pengajian yang akan ditawarkan? Apakah bahasa penghantar utama yang akan digunakan? Apakah masalah-masalah yang sedang dan akan dihadapi dan bagaimanakah Kerajaan bercadang untuk mengatasi masalah ini.

Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, konsep "Universiti Berkembar" pada asasnya, adalah merupakan cadangan kerjasama dua hala di antara universiti-universiti tempatan dengan universiti-universiti luar negeri dalam bidang tertentu termasuklah penghantaran pelajar, pertukaran tenaga pengajar dan sebagainya. Adalah dicadangkan bahawa pelajar-pelajar akan mengikuti pengajian ijazah mereka bagi tahun pertama dan kedua di universiti-universiti tempatan dan kemudian meneruskan pengajian mereka bagi tahun ketiga dan keempat di Universiti-universiti Luar Negeri.

Dengan cara begini jangkamasa pengajian di universiti luar negeri dapat dipendekkan dan ini akan menjimatkan perbelanjaan negara. Oleh kerana cadangan program ini masih di peringkat perancangan dan perundingan, soal tarikh pelaksanaan, bilangan kemasukan pelajar, bidang kursus dan penggunaan bahasa masih belum ditetapkan.

INDUSTRI KECIL-GALAKKAN

16. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kerajaan akan menggalakkan pembangunan industri

kecil memandangkan bahawa mereka ini bersifat berdikari dan tidak memerlukan pemindahan teknologi ataupun kandungan asing yang tinggi. Jika tidak, mengapa. Jika ya, apakah jenis industri yang akan dibangunkan dan di mana. Apakah galakan yang akan diberi kepada pengusaha-pengusaha tersebut. Berapa lamakah galakan tersebut akan dilanjutkan.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Adalah tidak tepat jika dikatakan bahawa industri kecil ini bersifat berdikari dan tidak memerlukan pemindahan teknologi yang tinggi. Sebaliknya dari fakta-fakta yang ada didapati bahawa industri ini sangat-sangat memerlukan bantuan khususnya dalam bidang kewangan, teknologi, pengurusan dan pemasaran di mana perkara-perkara ini pula saling kait-berkait di antara satu sama lain dan masalah-masalah yang dihadapi mengenainya memerlukan satu penyelesaian yang menyeluruh. Oleh yang demikian sememangnya Kerajaan menggalakkan pembangunan industri kecil di negara ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, jenis-jenis industri yang akan dibangunkan adalah terdiri dari industri-industri yang mempunyai ciri-ciri prospek pembesaran dan yang mempunyai "Captive market". Walau bagaimanapun empat jenis industri telah dikenalpasti setakat ini. iaitu:

- Industri makanan.
- Industri Perabot Kayu dan hasil-hasil hutan.
- Industri kejuruteraan ringan dan metal. -
- Industri bahan-bahan binaan.

Pembangunan industri tersebut adalah tidak terhad kepada sesuatu tempat, tetapi sebaliknya akan

dijalankan di mana-mana sahaja mengikut di mana terdapatnya pengusaha-pengusaha.

Dalam usaha membangunkan dan memajukan perusahaan kecil ini Kementerian saya dengan kerjasama lain-lain agensi Kerajaan telah menyediakan beberapa kemudahan. Kemudahan-kemudahan ini adalah merupakan galakan kepada pertumbuhan dan kemajuannya. Kemudahan-kemudahan tersebut ialah:

(i) *Kemudahan Kewangan*

Satu skim pinjaman untuk membangunkan perusahaan kecil telah dilaksanakan melalui pembiayaan Kerajaan dan pinjaman daripada Bank Dunia yang berjumlah sebanyak \$230 juta. Selain dari itu pinjaman-pinjaman kepada perusahaan kecil juga disediakan oleh institusi-institusi kewangan Kerajaan seperti Bank Pembangunan Malaysia Bhd, MIDF, MARA dan Bank Pertanian Malaysia. Sementara itu melalui arahan Bank Negara, Bank-bank Perdagangan juga ada menyediakan kemudahan-kemudahan pinjaman dengan mengenakan kadar bunga yang lebih rendah kepada pengusaha-pengusaha kecil dan ini adalah dibuat melalui Perbadanan Jaminan Kredit atau CGC.

(ii) *Kemudahan Infrastruktur*

Dari segi infrastruktur, ia itu pembangunan kawasan-kawasan perindustrian kecil, Kementerian saya telah mengadakan dua program atau skim pembinaan kilang-kilang iaitu skim Kilang Bimbingan dan Kilang yang sama ada untuk dijual atau

disewakan kepada pengusaha-pengusaha di atas kadar yang lebih rendah dari kadar biasa.

Sehingga sekarang, Skim Kilang Bimbingan ini telah pun dilaksanakan di Kelantan sementara satu lagi di Jengka, Pahang adalah di dalam peringkat persediaan untuk dibina.

Untuk kilang-kilang yang akan disewa atau dijual pula, setakat ini tiga kawasan telah dikenalpasti iaitu di Mukim Batu, Kuala Lumpur yang akan diswastakan; di Kuantan, Pahang yang akan dibina oleh Majlis Perbandarahan Kuantan tidak lama lagi dan satu lagi di Ipoh, Perak yang akan dibina oleh pihak MARA.

Sementara itu, bagi negeri-negeri lain pula Kementerian saya adalah sedang mengenalpasti dan berunding dengan Kerajaan-kerajaan negeri bagi mendapatkan kawasan-kawasan yang sesuai untuk tujuan pembangunan kedua-dua skim tersebut.

(iii) *Kemudahan Teknikal dan Teknologi*

Dari segi teknikal dan teknologi pengusaha-pengusaha kecil boleh mendapatkan khidmat nasihat dan bantuan dari agensi-agensi teknikal seperti MARDI, SIRIM, FRI dan sebagainya yang sentiasa bersedia memberikan bantuan-bantuan yang diperlukan. Sementara itu sebagai langkah untuk mendedahkan usahawan-usahawan kecil di bidang teknologi yang sesuai dan moden, Kementerian saya telah pun menubuhkan Pusat

Pameran dan Rujukan Teknologi untuk membantu Perusahaan Kecil mendapatkan maklumat berhubung dengan teknikal yang kemaskini khasnya mengenai projek yang boleh diceburi dan berpotensi.

(iv) *Kemudahan Pengurusan dan Latihan*

Bantuan-bantuan di bidang pengurusan dan latihan adalah disediakan oleh agensi-agensi seperti Pusat Daya Pengeluaran Negara dan Pusat Pembangunan Usahawan (MEDEC) di ITM, di samping latihan-latihan khusus yang disediakan oleh agensi-agensi teknikal untuk usahawan-usahawan kecil.

(v) *Kemudahan Pasaran*

Kerajaan juga cuba membantu pengusaha-pengusaha kecil memasarkan keluaran-keluaran mereka melalui "sub-contracting" yang mana sekarang Kementerian saya adalah di dalam proses untuk mengenalpasti barangan-barangan yang sesuai. Selain dari itu, pemasaran adalah juga dibuat melalui Skim Pembelian Kerajaan dan juga saluran-saluran pemasaran yang disediakan oleh PERNAS EDAR Sdn Bhd dan BESTA Sdn Bhd.

Mengenai jangka masa pelaksanaan program-program tersebut, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukacita dinyatakan di sini bahawa ianya akan dijalankan secara berterusan di mana susulan-susulan dan kajian-kajian semula mengenai akan dijalankan dari masa ke semasa bagi menentukan pembangunan dan kemajuan

perusahaan kecil di negara ini mencapai tahap seperti yang dikehendaki.

PELANCONG LUAR NEGERI— GALAKAN

17. Tuan Yahya bin Haji Zakaria minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan usaha yang dijalankan oleh Perbadanan Kemajuan Pelancongan untuk menarik minat pelancong-pelancong luar negeri terutama Amerika Syarikat, Kanada dan Amerika Latin, dan apakah usaha memperbaiki yang telah, sedang dan akan dibuat.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum satu daripada tugas-tugas dan fungsi-fungsi Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia ialah untuk menggalakkan lebih ramai lagi para pelancong luar negeri melawat negara ini.

Untuk mencapai matlamat ini berbagai langkah positif telah diambil dan akan diperhebatkan lagi untuk memastikan kejayaan industri pelancongan negara. Dari segi pemasaran, Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia telah meningkatkan tahap kesedaran mengenai Malaysia sebagai destinasi pelancongan melalui kempen pengiklanan di media pengguna dan perdagangan, melalui aktiviti-aktiviti perhubungan awam dan juga penyertaan dalam penggalakan antarabangsa.

Di Benua Amerika dan Kanada Perbadanan diwakili oleh pejabat cawangan di San Francisco dan dibantu oleh dua buah stesyen MAS di Los Angeles dan New York di mana Pengarah-pengarah Jualan MAS ini telah dilantik sebagai Pengarah Kehormat Perbadanan. Bagi memperhebatkan lagi langkah-langkah pemasaran sebuah agensi

perhubungan awam, The Marschalk Co. Inc, telah pun dilantik oleh Perbadanan untuk mengelolakan segala aktiviti berkaitan dengan perhubungan awam dan publisiti di benua Amerika Utara.

Usaha-usaha pemasaran penggalakan Perbadanan di benua Amerika termasuk:

- (i) Program keraian bagi ejen-ejen pelancongan dan ahli media terpilih.
- (ii) Penggalakan bersama penerbangan MAS, Northwest Orient dan JAL.
- (iii) Bantuan kepada agensi-agensi pelancongan untuk mengatur program percutian ke Malaysia.
- (iv) Pameran Pesta dan pertunjukan pelancongan.
- (v) Promosi perdagangan dan seminar.
- (vi) Pameran-pameran pengguna.
- (vii) Menerbitkan supplemen-supplemen Malaysia dalam akhbar dan majalah tempatan.

Pada tahun 1985, Perbadanan telah meraikan beberapa orang penulis dan juga wartawan dari Amerika dan Kanada, dan juga meraikan dua rombongan perfileman dari Amerika Syarikat—"The Children's Television Workshop, USA" penerbit program pendidikan "3-2-1 Contact" dan lawatan Persahabatan Majalah Forbes, Amerika Syarikat yang telah diberi liputan publisiti meluas. Perbadanan yakin kesemua program akan mendatangkan publisiti positif untuk Malaysia di benua Amerika.

Pada bulan Ogos tahun ini, Perbadanan akan mengembeling tenaga sekali lagi dengan Northwest Orient dan MAS untuk menghantar satu rombongan jualan pelancongan

ke luar negeri yang akan meliputi bandar-bandar Chicago, Los Angeles, New York dan Toronto. Wakil-wakil industri pelancongan Malaysia akan dijemput untuk menyertai misi jualan ini yang bertujuan juga untuk menarik lebih ramai dilegasi ke Persidangan Tahunan PATA 1986 yang akan diadakan di Kuala Lumpur April kelak.

Bagi sektor Amerika Selatan, Perbadanan sedang mengkaji potensi pasaran ini sebelum memutuskan sama ada sebuah lagi pejabat Perbadanan wajar ditempatkan di sana.

PEGAWAI KERAJAAN BERPOLITIK—PINDAAN PERINTAH AM

18. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah Kerajaan akan bertindak supaya Perintah Am Pegawai-pegawai Awam (Bab D) 1980 ceraihan 19 (1) (A) yang melarang Pegawai-pegawai Kerajaan Kategori "A" yang aktif dalam politik itu dipatuhi atau adakah Kerajaan akan meminda Perintah Am itu bagi membolehkan pegawai-pegawai tersebut meneruskan kegiatan mereka seperti sekarang ini.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Jabatan Perkhidmatan Awam akan bertindak apabila mendapat laporan ada pegawai Kerajaan dalam Kategori "A" mengambil bahagian aktif dalam politik. Peraturan dalam Perintah Am adalah untuk dipatuhi dan Kerajaan belum lagi ada cadangan meminda Perintah Am mengenai hal ini.

JUMAAH HAJI MELALUI SYARIKAT SWASTA

19. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan apakah sebab sebenarnya

bertambah ramai jumlah Jumaah Haji terutama dari Kelantan dan Terengganu yang pergi menunaikan Fardu Haji melalui syarikat-syarikat swasta dan apakah ikhtiar yang sedang dan akan dilakukan bagi mengatasi masalah ini. Sejauh manakah keberkesanan perundingan di antara Kerajaan Malaysia dengan Arab Saudi mengenai VISA Haji dan juga sistem muassassah.

Dalo' Mohamed Khalil bin Yaakob: Setakat ini tidak dapat dipastikan lagi sama ada bilangan Jumaah Haji yang pergi menunaikan Fardu Haji ke Tanah Suci secara swasta telah bertambah ramai kerana bilangan mereka yang sebenarnya hanya dapat diketahui selepas Wukuf apabila Kementerian Haji dan Wakaf Arab Saudi mengisytiharkan bilangan Jemaah Haji bagi setiap negara.

Yang diketahui ialah bilangan yang mendaftar dengan Tabung Haji bagi tahun ini sehingga sekarang ialah 24,100 orang merupakan anggaran yang tertinggi sekali, iaitu kira-kira 3% lebih ramai dari tahun lalu. Walau bagaimanapun, sebab utama mereka pergi menunaikan Haji secara bersendirian itu adalah untuk membolehkan mereka berpuasa bulan Ramadhan di Tanah Suci serta untuk tinggal lebih lama di sana. Untuk tujuan tersebut, mereka menggunakan Visa Umrah yang mana apabila luput tempohnya, visa itu ditukarkan kepada Visa Haji oleh pihak-pihak yang tertentu di sana. Urusan penukaran ini adalah dibuat secara tidak rasmi dan mempunyai risiko kerana tidak ada jaminan penukaran itu akan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Arab Saudi.

Bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan Arab Saudi telah diminta secara rasmi supaya membenarkan sebilangan Jumaah Haji Malaysia pada setiap tahun pergi ke Tanah Suci dengan menggunakan Visa Umrah

dan kemudiannya menukarkan visa-visa itu kepada Visa Haji secara rasmi. Sekiranya permohonan itu diluluskan kelak tidaklah perlu lagi Jumaah Haji yang hendak berpuasa di Tanah Suci serta tinggal lama di sana pergi secara bersendirian.

Mengenai keberkesanan perundingan di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Arab Saudi berkaitan dengan Sistem Muassassah pula, banyak kelonggaran telah diberi khasnya mengenai Sistem Pentadbiran Muassassah, perumahan Jumaah Haji di Mekah serta urusan Jumaah Haji di Arafah dan Mina. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, jawapan yang sama mengenai perkara telah pun saya beri dalam sidang Dewan ini pada 18hb Julai, 1985, iaitu semasa saya menjawab pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat Tuan Ibrahim Azmi Hassan.

BAHAN MENTAH MALAYSIA— PEMBELIAN

20. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah ekonomi Malaysia sudah kembali pulih 100% sekarang. Jika belum apakah sebabnya dan bilakah dijangka pulih sepenuhnya?
- (b) bagaimana sambutan dan penerimaan pembeli-pembeli negara-negara asing terhadap bahan-bahan mentah Malaysia.

Dato' Dr Tan Tiong Hong:

- (a) Ekonomi Malaysia adalah dalam proses pemulihan. Kesan-kesan kemerosotan ekonomi dunia yang dialami oleh Malaysia, juga dialami oleh negara-negara lain terutamanya negara-negara yang membangun. Ekonomi Malaysia ialah sistem ekonomi

terbuka di mana lebih 50% dari pendapatan negara adalah bergantung kepada pendapatan eksport. Oleh itu bermaknalah perkembangan ekonomi Malaysia adalah bergantung kepada perkembangan ekonomi antarabangsa khususnya tahap permintaan negara-negara perindustrian terhadap barangan-barangan eksport Malaysia.

Pada masa kini keadaan ekonomi dunia adalah sedang berkembang pada kadar yang sederhana. Negara-negara maju adalah dijangka berkembang pada kadar 3% dalam tahun 1985 dan 1986. Memandangkan keadaan ini bermaknalah perkembangan ekonomi Malaysia juga dijangka berkembang pada tahap yang sederhana. Walaupun pada tahun 1984 ekonomi negara telah berkembang pada kadar 7.3% berbanding dengan 5.9% bagi tahun 1983 adalah diramalkan pada tahun 1985 ini ekonomi Malaysia akan berkembang pada kadar 5.6% sahaja. Jika dibanding dengan negara-negara OECD dan negara-negara yang sedang maju, dapatlah dilihat prestasi yang diramalkan adalah memuaskan. Prestasi ini juga telah membuktikan kejayaan tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki kedudukan ekonomi negara.

Oleh itu soal sama ada ekonomi sudah pulih 100% adalah soal yang dianggap subjektif. Apa yang penting bagi kita ialah untuk menentukan ekonomi negara terus berkembang dari masa ke semasa. Kerajaan akan terus berusaha untuk menentukan

supaya pembangunan dasar-dasar disesuaikan dengan keperluan keadaan semasa supaya ekonomi Malaysia akan menjadi lebih dinamik dan responsif kepada suasana perkembangan ekonomi dunia.

(b) Eksport barangan utama Malaysia terus mendapat sambutan baik dari negara-negara asing. Jumlah eksport bagi beberapa barangan utama seperti getah, minyak kelapa sawit, minyak isirong kelapa sawit, kayu balak, koko dan minyak kelapa telah meningkat sejak 1980 sungguhpun ekonomi dunia mengalami keadaan kemelesetan mulai 1981 hingga 1983. Eksport getah telah meningkat dari 1.52 juta tonne pada tahun 1980 kepada 1.58 juta tonne pada tahun 1984. Bagi minyak kelapa sawit pula jumlah eksport telah meningkat dengan pesat iaitu dari 2.26 juta tonne pada tahun 1980 kepada 2.98 juta tonne pada tahun 1984 manakala minyak isirong kelapa sawit telah meningkat dari 219,000 tonne kepada 389,000 tonne dalam tempoh yang sama. Jumlah eksport koko juga telah meningkat dari 30.6 ribu tonne kepada 65.8 ribu tonne. Hakikat ini jelas menunjukkan bahawa negara-negara asing mempunyai keyakinan terhadap barangan utama eksport Malaysia. Keadaan ini disebabkan oleh antara lain ketinggian mutu, harga yang kompetitif, bekalan barangan yang terjamin dan usaha-usaha Kerajaan dan pengeksport-pengeksport untuk mengekalkan pasaran yang sedia ada dan menembusi pasaran baru.

Namun demikian usaha-usaha berterusan patutlah dibuat untuk memperbaiki keberkesanan pengeluaran (production efficiency), kecekapan kos dan peningkatan produktiviti sektor barangan utama Malaysia. Usaha-usaha ini adalah perlu untuk menentukan supaya barangan utama Malaysia dapat bersaing dengan berkesan dalam pasaran antarabangsa.

MAJLIS PERGURUAN— PENUBUHAN

21. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Pelajaran menyatakan benarkah pihak Kesatuan Guru di negara ini telah memohon supaya Kerajaan menubuhkan sebuah Majlis Perguruan, Malaysia dengan tujuan mempertingkatkan mutu pendidikan di negara ini, jika benar:

- (a) apakah pandangan Kerajaan di atas permohonan itu; dan
- (b) adakah lain-lain negara di rantau ini telah mengadakan Majlis yang seumpama itu dan apakah kesannya terhadap pendidikan di negara tersebut.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Penubuhan Majlis Perguruan telah dicadangkan dalam sebuah seminar baru-baru ini. Setakat ini belum ada mana-mana Kesatuan Guru memohon supaya Kerajaan menubuhkan Majlis tersebut. Oleh itu Kerajaan belum dapat membuat apa-apa pendirian mengenai perkara ini.

DEMONSTRASI NELAYAN DI KUALA KEDAH

22. Tuan Baharom bin Haji Bakar minta Menteri Pertanian Malaysia menyatakan bahawa adakah dengan berlakunya demonstrasi nelayan di Kuala Kedah baru-baru ini menunjukkan bahawa Akta Perikanan

Negara perlu diperbaiki atau adakah ianya diakibatkan oleh hasutan dari pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Jawapan kepada soalan ini telah pun diberikan di Dewan Yang Mulia ini kepada pertanyaan daripada Yang Berhormat dari Ulu Muda pada 17hb Julai, 1985.

MIKRO ELEKTRONIK SEKTOR SWASTA

23. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Kewangan menyatakan apakah insentif-insentif kewangan dan perdagangan Kerajaannya bercadang memberi kepada syarikat-syarikat mikro elektronik di sektor swasta jika mereka membuat usaha-usaha untuk mempergiatkan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang rekabentuk dan pengeluaran mikro-chip sebagai satu langkah ke arah berkecimpung di dalam pengilangan komputer robotik dan bionik demi kepentingan negara ini.

Dato Dr Tan Tiong Hong: Kerajaan telah pun menyediakan galakan untuk aktiviti penyelidikan dan pembangunan di mana syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti-aktiviti tersebut yang diluluskan adalah dibenarkan potongan sebanyak 11/3 kali ke atas perbelanjaan-perbelanjaan bagi maksud cukai pendapatan. Penyelidikan ini boleh dilakukan oleh syarikat berkenaan sendiri atau oleh mana-mana badan sains, universiti, kolej atau institusi penyelidikan bagi pihaknya. Galakan ini telah berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1984. Oleh yang demikian, syarikat-syarikat mikro-elektronik yang menjalankan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang rekabentuk dair pengeluaran mikro-chip bolehlah menikmati galakan tersebut bagi kegiatan-kegiatan yang diluluskan.

NAMA JAMBATAN PULAU PINANG

24. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada Kerajaan telah memilih nama bagi Jambatan Pulau Pinang.

Dato Zainal Abidin bin Zin: Kerajaan belum lagi memutuskan tentang nama yang akan diberikan kepada Jambatan Pulau Pinang yang akan siap pembinaannya tidak lama lagi. Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan bercadang kepada jemaah Menteri bahawa nama "Jambatan Pulau Pinang" digunakan kepada ramai penduduk negeri itu telah meminta Kementerian saya menamakan jambatan itu sedemikian.

PELAJAR DALAM TINGKATAN ENAM RENDAH

25. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah pelajar-pelajar yang berjaya memasuki Tingkatan Enam Rendah tahun ini dengan memberikan angka-angka pengasingan bagi pengambilan ke dalam aliran sains dan sastera.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Jumlah pelajar-pelajar yang ditawarkan tempat di Tingkatan Enam Rendah pada tahun ini ialah seramai 34,470 orang. Dari jumlah tersebut 18,141 orang di dalam jurusan sastera dan 16,329 orang di dalam jurusan sains.

PENUNTUT-PENUNTUT DI UNIVERSITI TEMPATAN— PENGAMBILAN

26. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Pelajaran menyatakan berkaitan dengan keenam-enam Universiti-universiti dalam negara ini berapakah jumlah pengambilan penuntut-penuntut untuk tahun 1985 dan 1986. Sila nyatakan mengikut kaum.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Urusan pengambilan pelajar-pelajar di enam buah Universiti tempatan bagi Sessi 1985/86 masih belum lagi selesai sepenuhnya memandangkan pihak Universiti masih lagi mengisi tempat-tempat yang dikosong oleh sebilangan pelajar-pelajar yang menolak tawaran dan menarik diri. Oleh yang demikian angka-angka pengambilan pelajar-pelajar bagi Sessi 1985/86 tidak dapat dibekkan sekarang.

RACUN SERANGGA— PENYEMBURAN UBAT

27. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa penyemburan ubat racun serangga di ladang-ladang kelapa sawit dan ladang getah, secara tidak langsung membawa kesan-kesan yang buruk terhadap kesihatan para pekerja-pekerja estet, memandangkan ini apakah tindakan serta langkah pihak Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Kementerian Pertanian memang sedar bahawa ada kejadian dan kesan buruk terhadap kesihatan para pekerja estet apabila menggunakan racun serangga akibat daripada kemalangan, kecuaiannya pengguna, kes-kes membunuh diri dan sebagainya.

Di bawah Akta Racun Mahluk Perosak 1974, tiap-tiap racun perosak mestilah didaftar oleh Lembaga Racun Mahluk Perosak. Seterusnya terdapat peruntukan-peruntukan bagi melindungi keselamatan pekerja-pekerja yang mengendalikan racun perosak dan peraturan bagi penguatkuasa peraturan-peraturan ini telah disediakan oleh Lembaga supaya kawalan penggunaan racun perosak dengan selamat dan diperketatkan lagi.

FELDA—SKIM PEMBANGUNAN TANAH DI SARAWAK

28. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah projek-projek yang dicadangkan di bawah Rancangan Malaysia Kelima untuk melaksanakan skim-skim pembangunan tanah di Sarawak oleh FELDA.

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Penglibatan FELDA di Sarawak masih lagi di peringkat perancangan dan perundingan terakhir. Kerajaan Negeri Sarawak telah pun meluluskan kawasan seluas 2,024 hektar tanah untuk dimajukan oleh FELDA. Adalah dijangkakan FELDA dapat beroperasi di Sarawak dalam Rancangan Malaysia Kelima (RML). Walau bagaimanapun ini bergantung kepada keluasan tanah yang secukupnya di perolehi supaya segala perkhidmatan sokongan dalam bidang pengurusan dan teknikal dapat disediakan.

Untuk memungkinan sesuatu unit pentadbiran di peringkat Negeri Sarawak dapat ditubuhkan secara ekonomi, perlulah ditentukan bahawa sekurang-kurangnya kawasan seluas 40,000 hektar (100,000 ekar) dapat disediakan untuk dimajukan oleh FELDA. Pembinaan sebuah kilang sawit pula memerlukan lebih kurang 6,000 hektar (\pm 15,000 ekar) kawasan ladang yang berada dalam persekitaran yang jaraknya tidak melebihi 80 km. (50 batu).

Projek-projek yang akan dilaksanakan di bawah Rancangan Mataysia Kelima oleh FELDA di Sarawak adalah banyak bergantung kepada sejauhmana hasil kajian yang dijalankan ke atas beberapa kawasan yang sesuai untuk dimajukan. Ini juga bergantung kepada sejauh mana hasil perundingan yang dijalankan. Buat permulaannya, hanya kawasan-kawasan milik Kerajaan Negeri iaitu di

bawah pihak Lembaga Simpanan dan Kemajuan Tanah Sarawak (Land Custody and Development Authority—LCDA) yang akan diberi tumpuan. Kawasan-kawasan atau tanah yang dalam status "Ntive Customary Land" masih mempunyai beberapa "issue" dan masalah yang perlu dipastikan.

FELDA akan memulakan operasinya di Sarawak sebaik-baik sahaja kawasan yang secukupnya dapat dikenalpasti dan masalah-masalah yang dinyatakan dapat diatasi.

KWSP—SIASATAN KELEBIHAN WANG

29. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada sebarang penyiasatan telah dijalankan untuk memastikan mengapa Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mempunyai kelebihan wang sebanyak \$100 juta yang tidak dapat diberikan penjelasannya. Jika ya, berikan hasil penyiasatan tersebut.

Dato' Dr Tan Tiong Hong: Jawapan kepada soalan yang lebih kurang sama telah saya beri pada hari semalam (22-7-85) iaitu semasa menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Sungei Besi. Saya tidak ada apa-apa tambahan lagi.

NUKLEAR DI PASIFIK SELATAN

30. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah pendirian Malaysia mengenai kempen "Pasifik Bebas Nuklear" dan sejauh mana kempen ini berjalan dan apakah prospek untuk mencapai objektif ini.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Hajj): Apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang

Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar ialah mengenai cadangan yang dikemukakan oleh negara-negara Pasifik Selatan untuk mengujudkan satu kawasan bebas dari nuklear di Pasifik Selatan.

Sejauh mana yang kita ketahui, cadangan negara-negara Pasifik Selatan tersebut telah mencapai beberapa kemajuan. Mereka kini sedang dalam proses menghalusi prinsip-prinsip dan objektif-objektif yang akan dimaktubkan ke dalam satu Perjanjian Deraf (Draft Treaty) yang mana akan dipertimbangkan oleh mereka di Mesyuarat Forum Pasifik Selatan pada bulan hadapan di Rarotonga.

Bagi Malaysia, sejajar dengan dasar ASEAN untuk menjadikan Asia Tenggara sebagai satu kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN), kita mengalu-alukan segala usaha-usaha oleh mana-mana pihak ke arah mengujudkan dunia yang bebas dari senjata-senjata nuklear demi kesejahteraan manusia sejagat.

TARIFF BAGI MINYAK KELAPA SAWIT

31. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) negara-negara asing yang mengenakan cukai "tariff" terhadap eksport minyak kelapa sawit dari Malaysia dan sebutkan kadarnya;
- (b) adakah kemungkinannya pada masa akan datang negara-negara maju memilih mengena atau menaikkan kedar cukai "tariff" terhadap komoditi ini akan menjejaskan ekonomi kita kelak; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menghindarkannya.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini "tariff" yang dikenakan oleh negara-negara pembeli utama minyak kelapa sawit dari Malaysia serta kadarnya adalah seperti berikut:

<i>Negara</i>	<i>Tariff</i>
Jepun	3% (kadar ini akan diturunkan kepada 0% sebelum awal tahun 1987)
Amerika Syarikat	0%
Kesatuan Ekonomi Eropah	4% (untuk minyak kelapa sawit mentah) 12% (untuk minyak kelapa sawit yang ditapis)
India	5% (untuk import oleh State Trading Companies (STC) India Hampir semua import dan Malaysia adalah melalui STC), 150% (import oleh syarikat-syarikat lain)
Pakistan	0% (import oleh Ghee Cooperation of Pakistan (GCP) Kebanyakan import dari Malaysia adalah melalui GCP). 10-70% (Import oleh syarikat-syarikat lain)

- (b) Mengenai keadaan masa akan datang, adalah sukar untuk membuat ramalan sama ada negara-negara maju akan menaikkan kadar cukai "tariff" terhadap komoditi ini atau tidak kerana perkara ini bergantung kepada dasar individu negara-negara tersebut.
- (c) Dalam hal ini sukalah saya menyatakan di dalam Dewan Yang Mulia ini bahawa Kerajaan telah dan akan mengambil beberapa langkah supaya bukan sahaja menghindarkan kenaikan kadar cukai "tariff" terhadap komoditi ini malahan juga supaya cukai "tariff" yang sedia ada diturunkan. Langkah-langkah yang diambil termasuk:
 - (i) Mengadakan rundingan secara dua hala dengan negara-negara berkenaan;
 - (ii) Mengambil tindakan secara bersama dengan rakan-rakan ASEAN.

Melalui dialog ASEAN dengan rakan-rakan perdagangan seperti Jepun, Australia, Amerika Syarikat, Kesatuan Ekonomi Eropah dan sebagainya, masalah berhubung dengan kemasukan barangan Malaysia ke pasaran negara-negara tersebut ditimbulkan. Ini telah menghasilkan beberapa kemajuan. Umpamanya, melalui perundingan peringkat Menteri Ekonomi ASEAN-Jepun baru-baru ini, negara Jepun telah bersetuju merendahkan "tariff untuk minyak kelapa sawit mentah dan juga yang ditapis daripada 3% kepada 0% sebelum awal tahun 1987.

- (iii) Diperingkat pelbagai hala pula, Malaysia telah dan akan membangkitkan masalah amatan perlindungan oleh negara-negara maju dalam mesyuarat-mesyuarat yang diadakan di bawah nahuhan General Agreement on Tariff ' and Trade (GATT) dan United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD). Jawatankuasa GATT mengenai perdagangan dan pembangunan juga memberi perhatian khusus kepada masalah yang dihadapi oleh negara-negara pengeluar barang-barang tropika termasuk minyak kelapa sawit dengan tujuan untuk memudahkan

kemasukan keluaran negara-negara membangun ke pasaran negara-negara maju.

PERSATUAN BAHASA TIONGHUA DI UNIVERSITI MALAYA

32. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada benar atau tidak Kementerian dalam Negeri dan Lembaga Perpaduan Negara telah membenarkan penubuhan Persatuan Bahasa Tionghua di Universiti Malaya; dan
- (b) bahawa hanya Kementerian Pelajaran yang belum memberikan kelulusannya. Jika ya, menyatakan sebab-sebabnya.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:

- (a) Kementerian Dalam Negeri dan Lembaga Perpaduan Negara tiada halangan bagi penubuhan Persatuan Bahasa Tionghua di Universiti Malaya.
- (b) Kementerian Pelajaran masih lagi mengkaji dan meneliti perkara ini sebelum keputusan diambil untuk membenarkan persatuan ini ditubuhkan semula, Perkara ini terpaksa dilakukan dengan lebih teliti untuk memastikan bahawa kajian yang berlaku dahulu tidak akan berulang lagi.

YURAN PENGALIRAN (DRAINAGE FEE)— PEMAJU PERUMAHAN

33. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pertanian menyatakan sejak bilakah yuran pengaliran (drainage fee) dikutip daripada pemaju-pemaju perumahan di Wilayah Persekutuan, Selangor dan negeri-negeri lain. Sejak permulaan skim ini, apakah jumlah yang dikutip.

Apakah anggaran kutipan tahunan. Bagaimanakah yuran ini telah dipergunakan setakat ini, berapakah daripada jumlah besar itu yang telah digunakan setakat ini. Bagaimana ianya digunakan dan berikan maklumat secara berasingan bagi setiap tahun dari skim dimulakan sehingga tahun 1984.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Dewan Bandaraya mula mengutip sumbangan saluran daripada pemaju-pemaju perumahan sejak tahun 1978. Jumlah yang dikutip setakat ini ialah kira-kira \$36,629,000, manakala jumlah peruntukan yang telah disediakan untuk mengadakan atau memperbaiki kemudahan-kemudahan saluran di Wilayah Persekutuan sejak masa itu ialah kira-kira \$90,303,000. Adalah difahamkan bahawa di beberapa buah negeri di Semenanjung Malaysia Kerajaan Negeri atau pun Majlis Perbandaran juga mengutip sumbangan saluran (drainage contribution) dari pemaju-pemaju perumahan. Maksudnya ialah menghendakkan pemaju-pemaju perumahan berkenaan membayar sedikit sebanyak sumbangan untuk tujuan pembaikan atau memajukan sistem-sistem saluran yang besar yang diperlukan akibat kemajuan perumahan. Adalah juga difahamkan, tidak ada keseragaman dalam kadar sumbangan yang dikenakan dan tarikh permulaan kutipan dibuat di antara negeri-negeri atau majlis-majlis perbandaran berkenaan. Tidak dapat dinyatakan di sini jumlah sumbangan yang telah dikumpul kerana maklumat-maklumat tersebut disimpan oleh Kerajaan Negeri ataupun Majlis Perbandaran masing-masing.

TERUSAN DI SEGENTING KRA

34. Tuan Tan Kok Hooi minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada benar ataupun tidak bahawa Kerajaan

Thailand berhasrat membina sebuah terusan di Segenting Kra. Jika benar maka dari segi politik dan ekonomi negara kita pasti mengalami kerugian yang besar. Memandangkan ini, adakah beliau berhasrat berunding dengan Kerajaan Thailand supaya membatalkan rancangan ini.

Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Saya mohon izin memaklumkan bahawa jawapan kepada soalan ini telah pun diberi semasa Y.B.M. Menteri Luar menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching pada 22hb Julai, 1985. Saya tidak ada sebarang tambahan kepada jawapan tersebut.

PEGAWAI KERAJAAN BERPOUTIK—TINDAKAN

35. Tuan Chan Kok Kit minta Perdana Menteri menyatakan jumlah pegawai, pegawai Kerajaan yang telah mohon untuk berkecimpung dengan giatnya dalam politik setakat ini dengan menyatakan parti yang mereka anggotai dan sama ada beliau sedar ramai pegawai-pegawai Kerajaan memegang jawatan di peringkat cawangan negeri dan pusat dalam parti komponen Barisan Nasional yang jelas bertentangan dengan Perintah Am Kerajaan, jika sedar, apakah tindakan yang akan diambil terhadap mereka oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Jabatan Perkhidmatan Awam tidak mempunyai maklumat yang lengkap mengenai jumlah sebenar bilangan pegawai-pegawai awam yang telah memohon untuk bergiat dalam politik kerana kuasa untuk menimbang permohonan-permohonan tersebut diwakilkan kepada Ketua-ketua Jabatan bagi pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Am Persekutuan.

• Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut Perintah Am 19 Bab "D" 1980 pegawai dalam

Kumpulan "A" dilarang daripada melibatkan diri secara aktif dalam politik. Pegawai-pegawai awam dalam Kumpulan "B" boleh melibatkan diri secara aktif dalam politik dengan syarat mereka mendapat kebenaran terlebih dahulu. Oleh kerana penapisan dibuat diperingkat Ketua Jabatan masing-masing yang luas taburan di pelbagai Jabatan dan Agensi maka maklumat tersebut tidak dikumpulkan.

BUKIT TINGGI SEBAGAI WILAYAH PERSEKUTUAN

36. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada keputusan untuk menjadikan Bukit Tinggi sebagai Wilayah Persekutuan telah dibuat; jika ya, beri butir-butir lanjut mengenai tema-tema berhubung dengan pengambilan alih tersebut dan sama ada pampasan akan dibayar kepada Kerajaan negeri Pahang, akibat pengambilan alih itu, jika ya, nyatakan amaunnya dan sebab-sebab mengapa Janda Baik tidak dapat diambil alih untuk dijadikan Wilayah Persekutuan.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato Shahrir bin Abdul Samad): Jawapan Kementerian saya terhadap soalan Yang Berhormat dari Sg. Besi adalah sama dengan jawapan saya di Persidangan Dewan yang mulia ini pada 22hb Julai 1985 apabila menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Oleh itu saya tiada apa-apa tambahan kepada jawapan yang telah diberi itu.

TENAGA BURUH PENDATANG HARAM

37. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri dalam Negeri menyatakan sama ada betiau mengakui bahawa masalah tenaga buruh pendatang

haram boleh menjadi satu isu yang meletup dari segi sosial dan ekonomi dan jika ya,

(a) kenapa tidak Kementeriannya mengambil satu gerakan untuk menentukan saiz tenaga buruh pendatang haram ini yang tertumpu dalam industri pembinaan, sektor perladangan dan sektor perkhidmatan yang kebanyakannya menjadi penjaja-penjaja; dan

(b) adakah beliau ingin memperakui kepada kabinet bahawa seperti setengah negara-negara jiran kita harus berusaha bagi satu dasar, bagi faedah masa jangka panjang untuk mengurangkan tanggungan atas pekerja-pekerja asing mahu pun sampai ke tahap memberi insentif-insentif kewangan yang bermurah hati kepada sektor perladangan untuk menjalankan kaji selidik dan pembangunan untuk memakai buruh secara mekanik dalam perladangan; dan satu program yang pasti dengan insentif-insentif untuk membawa pekerja-pekerja pembinaan Malaysia kita balik ke tanahair daripada negara-negara jiran.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Semua warganegara asing yang memasuki negara ini secara haram adalah menyalahi Undang-undang Imigresen, tanpa mengira asal atau tujuan mereka berada di sini. Mereka tetap akan ditangkap, didakwa dan dihantar ke negara asal masing-masing, jika mereka dikesan.

Pada masa ini, pihak Kementerian Dalam Negeri dapat mengatasi keadaan ini dan ianya tidak menjejaskan keselamatan negara dan ketenteraman awam.

Kementerian Dalam Negeri tidak mempunyai statistik pendatang haram kerana termasuk mereka adalah secara haram dan mereka melarikan diri daripada pegawai dari Jabatan Imigresen Malaysia atau Polis Diraja Malaysia. Pihak majikan juga tidak sanggup tampil oleh kerana mereka sedar bahawa perbuatan mereka itu adalah menyalahi Undang-undang Imigresen.

Kerajaan telah mengadakan perjanjian pengambilan buruh dengan Kerajaan Indonesia dengan bertujuan untuk mendapatkan tenaga kerja yang sesuai dalam industri perladangan dan pembinaan. Tenaga pekerja asing ini bukan bertujuan untuk mengambil tempat atau merebut peluang-peluang pekerjaan rakyat tempatan. Sebaliknya perjanjian ini dibuat semata-mata dengan tujuan untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga pekerja yang dihadapi negara pada masa ini.

KEMPEN BELILAH BARANGAN BUATAN MALAYSIA

38. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan kejayaan yang dicapai dalam kempen "Belilah Barangan Buatan Malaysia".

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia dilancarkan dengan tujuan menyedarkan dan menarik perhatian pengguna-pengguna sama ada orang persendirian, atau pengguna industri kepada wujudnya barang-barang dan perkhidmatan yang dibuat atau dibekal oleh pengeluar-pengeluar dalam negeri. Ia juga bertujuan menyedar dan menggalakkan pengusaha atau pekilang-pekilang tempatan supaya meningkatkan mutu keluaran masing-masing dan menjualnya dengan harga yang berpatutan.

Untuk mencapai objektif ini, beberapa aktiviti telah disusun dan dijalankan, seperti aktiviti-aktiviti penerangan, publisiti, pameran, pendidikan dan peningkatan mutu. Kesemua aktiviti itu mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Melalui aktiviti seranta yang dijalankan menerusi media massa kita telah disedarkan tentang kempen ini, seperti yang dapat dilihat daripada laporan-laporan berita, rencana-rencana khas dalam akhbar. Kementerian saya juga menerima maklum balas berupa pandangan, ulasan dan cadangan dari pelbagai pihak tentang kempen ini dan bagaimana mereka dapat memberi sumbangan menjayakan kempen ini.

Pekilang-pekilang tempatan juga telah memberikan sambutan positif kepada seruan supaya meningkat mutu keluaran masing-masing. Suatu usaha ke arah menggalakkan pekilang-pekilang tempatan meningkatkan mutu barangan dan menggunakan bahan dan teknologi tempatan berupa pertandingan untuk merebut gelaran "Anugerah Barangan Cemerlang" mendapat sambutan dan penyertaan yang baik daripada pihak pekilang. Sementara itu, pasaraya-pasaraya atau "supermarket" di seluruh negara mengadakan promosi dan pameran barangan buatan Malaysia.

Manakala, dari segi pendidikan pula yakni membentuk nilai-nilai kepenggunaan dan semangat kebanggaan terhadap barangan tempatan, usaha-usaha ditumpukan kepada penuntut-penuntut sekolah. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan seperti pertandingan melukis poster, mengarang essei dan syarahan telah membangkitkan kesedaran pada penuntut sekolah mengenai Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia ini.

Oleh yang demikian, setakat ini saya berpuas hati bahawa berdasarkan "response" yang kita terima, objektif

kita menimbulkan kesedaran tentang perlunya membeli barangan buatan Malaysia tercapai.

FELCRA—PEMULIHAN TANAH TERBIAR

39. Tuan Omar bin Abdullah minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan setakat hari ini berapa hektar tanah telah pun dimajukan oleh FELCRA dalam projek pemulihan tanah terbiarnya. Bagaimanakah sambutan orang ramai terhadap projek ini dan apakah masalah yang dialami oleh agensi ini dalam melaksanakan projek tersebut.

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga bulan Jun 1985 seluas 25,605 atau 63,270 ekar tanah telah dimajukan oleh FELCRA di bawah program pemulihan tanah terbiar ini. Sambutan yang diterima dari orang ramai terhadap projek atau program ini setakat hari ini adalah menggalakkan. Ke arah mendapatkan sambutan itu FELCRA sedang melakukan usaha bagi menyebarkan dan memperolehi maklumat mengenai program ini dari semua golongan masyarakat terutamanya melalui golongan-golongan yang berpengaruh dalam masyarakat luar bandar supaya lebih banyak kawasan dapat dimajukan. Mengenai masalah yang dialami, seperti lazim dalam setiap perkara yang dilakukan sedikit sebanyak masalah tentu akan dihadapi, tetapi dalam melaksanakan program tanah terbiar ini tidak terdapat masalah besar yang dihadapi oleh FELCRA yang boleh menghalang atau mengeciwakan projek. Setakat hari ini masalah yang timbul adalah masalah kecilan yang dapat disetesaikan dari semasa ke semasa.

Satu lagi ciri penting dalam pembangunan FELCRA ialah penyusunan semula kampung. Penyusunan semula kampung ini tidaklah mudah kerana ianya perlu mendapat persetujuan peserta untuk berpindah ke kawasan yang baru. Setakat ini, FELCRA telah dapat memulih dan menyusun 3 buah kampung iaitu:

- (i) Kampung Teratak Batu di Kelantan,
- (ii) Kampung Ulu Brang di Terengganu,
- (iii) Kampung Kok, Langkawi di Kedah.

PEKERJA MALAYSIA DI SINGAPURA

40. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Buruh menyatakan bilangan pekerja-pekerja Malaysia yang telah diberhentikan kerja di Singapura dan yang teiah balik ke Malaysia dalam tempoh 1/2 tahun kebelakangan ini. Berapakah di antara mereka ini masih menganggur sekarang dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk membantu mereka ini, termasuk berikhtiar untuk mendapatkan batik sumbangan CPF (Central Providence Fund) mereka dari Singapura supaya dipindah masuk ke dalam akaun KWSP mereka di Malaysia.

Menteri Buruh (Dato' Mak Hon Kam): Kementerian saya sedang berusaha untuk mengesan serta mengawasi pekerja-pekerja yang kembali ke tanahair dari bekerja di Singapura. Salah satu daripada usaha yang dijalankan ialah dengan menggalakkan mereka mendaftarkan diri di Jabatan Tenaga Rakyat di seluruh negara. Tujuan seruan pendaftaran ini adalah untuk membantu menempatkan mereka dalam pekerjaan-pekerjaan. Adalah

diharapkan mereka tidak pula terlalu memilih sekiranya ada kerja kosong. Penempatan mereka ini dijangka tidak membawa kesulitan, walau bagaimanapun kerjasama majikan memberitahu peluang-peluang pekerjaan kepada Jabatan Tenaga Rakyat akan memudahkan lagi penempatan mereka.

Sehingga akhir bulan Jun, 1985, mereka yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat berjumlah 717 orang. Seramai 114 daripada mereka telah dapat ditempatkan dalam pekerjaan. Saya percaya angka penempatan ini akan bertambah jika majikan-majikan terus memberi maklumat berkenaan kekosongan jawatan kepada Jabatan Tenaga Rakyat di bawah Kementerian saya.

Berkenaan dengan perpindahan caruman pekerja Malaysia di akaun CPF, usaha sedang dijalankan untuk mendapat kerjasama pihak Singapura supaya caruman mereka dapat dipindahkan ke akaun KWSP mereka di Malaysia.

KUIL HINDU DI PADUMA ESTATE

41. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada pihak Polis Pulau Pinang telah menyelesaikan penyiasatan terhadap pemusnahan dua buah kuil Hindu di Paduma Estate, Seberang Jaya, Pulau Pinang pada 11hb Jun, 1985; dan
- (b) sama ada Pegawai Daerah yang bertanggungjawab bagi pemusnahan kedua-dua buah kuil Hindu itu akan dituduh di bawah Seksyen 295 Kanun Jenayah.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:

- (a) Pihak Polis Pulau Pinang telah pun selesai menjalankan penyiasatan terhadap kes

pemusnahan dua buah kuil di Paduma Estate, Seberang Jaya, Pulau Pinang dan kertas penyiasatan kes tersebut telah pun dirujuk kepada Y.A. Timbalan Pendakwaraya Pulau Pinang pada 25hb Jun, 1985 untuk arahan selanjutnya.

- (b) Setelah mengkaji ke atas siasatan itu dengan teliti maka Y.A. Timbalan Pendakwaraya berpendapat bahawa tiada bukti-bukti yang menunjukkan Pegawai Daerah itu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 295 Kanun Kesiksaan.

PELABURAN LUAR NEGERI

42. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan jumlah lawatan dan negara yang dilawati sejak menjadi Perdana Menteri; apakah benar sekiranya Perdana Menteri terpaksa melawat negara-negara asing untuk menarik pelaburan ini menunjukkan Menteri Perdagangan dan Perindustrian tidak upaya menjalankan tugasnya untuk menarik pelaburan.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Dengan hormatnya saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bagi pihak Y.A.B. Perdana Menteri. Sejak beliau menjadi Perdana Menteri, Y.A.B. Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad telah melakukan lawatan rasmi ke negara-negara berikut:

1. Indonesia .. 13-14 pgos 1981
2. Thailand .. 23-24 Ogos 1981
3. Singapura .. 18-18 Disember 1981
4. Bahrin .. 27 Februari-1 Mac 1982
5. United Arab Emmirates 1-3 Mac 1982
6. Oman .. 3-5 Mac 1982
7. Suva . . 3-7 Jun 1982
8. Tonga . . 7 Jun 1982

9. Western Sami
10. Thailand . . . 8-9 Disember 1982
11. Jepun 23-29 Januari 1983
12. Bangladesh 18-21 April 1983
13. Sri Lanka . . . 21-24 April 1983
14. Maldives . . . 24-25 April 1983
15. Yugoslavia 10-12 Mei 1983
16. Turki 13-16 Mei 1983
17. Romania . . . 16-18 Mei 1983
18. Korea Selatan 8-14 Ogos 1983
19. Kanada 12-15 Januari 1984
20. Amerika Syarikat 15-22 Januari 1984
22-25 Januari 1984
21. Perancis . . . 26-27 Januari 1984
22. Switzerland 22-26 Mac 1984
23. Pakistan . . .
24. Papua New Guinea 8-9 Ogos 1984
9-14 Ogos 1984
25. Australia . . . 14-17 Ogos 1984
26. New Zealand 24-26 September 1984
27. Itali 8-11 Disember 1984
28. Libya 11-15 Disember 1984
29. Mesir 15-18 Disember 1984
30. Mali 18-19 Mac 1985
31. Indonesia . . . 9-11 April 1985
32. Sweden 11-14 April 1985
33. Austria 15-17 April 1985
34. Finland 22-25 April 1985
35. Norway 25-28 April 1985
36. Denmark . . .
37. Thailand 16-17 Mei 1985
(Phuket/Songkhla)

Lawatan Y.A.B. Perdana Menteri ke negara-negara asing bukanlah hanya untuk menarik pelaburan asing ke negara kita sahaja. Antara tujuan utama lawatan-lawatan tersebut ialah untuk memupuk hubungan yang lebih rapat dengan pemimpin-pemimpin negara-negara asing. Pada hakikatnya, Malaysia mempunyai dasar luar negeri yang aktif dan dinamik, dan ini sedia

ternyata dalam penglibatan kita dalam berbagai isu-isu antarabangsa, sama ada dalam bidang politik ataupun dalam bidang ekonomi. Malaysia juga mengutamakan pertaliannya dengan negara-negara ASEAN, negara-negara Islam yang lain, serta negara-negara membangun, demi untuk mempertingkatkan lagi kerjasama Selatan-selatan. Oleh itu, adalah penting untuk Y.A.B. Perdana Menteri mempereratkan hubungan peribadi antara beliau dan rakan sejawatnya di negara-negara tersebut, iaitu negara-negara yang paling rapat dengan kita.

Selain dari itu, sebilangan dari negara-negara yang telah dilawati oleh Y.A.B. Perdana Menteri adalah negara-negara maju yang mempunyai hubungan ekonomi yang penting bagi Malaysia, dari segi perdagangan serta pelaburan. Umpamanya, negara-negara di Eropah Barat mempunyai potensi sebagai pasaran bagi barangan buatan Malaysia yang masih belum dieksploitasi dengan sepenuhnya oleh kita. Mereka juga sedang dalam proses memperluaskan hubungan ekonomi mereka dengan negara-negara selain dari rakan-rakan perdagangan tradisional mereka. Dalam hal ini, rantau Asia Tenggara dan khususnya Malaysia, telah dikenalpasti sebagai mempunyai potensi sebagai pusat untuk pelaburan mereka bagi pasaran di rantau Asia Tenggara dan Pasifik. Oleh itu, lawatan Y.A.B. Perdana Menteri ke negara-negara tersebut memberi peluang untuk kita menggalakkan lagi minat mereka. Memang ternyata juga bahawa sesebuah negara itu akan menaruh lebih perhatian serta minat kepada lawatan seorang Perdana Menteri ke negara mereka.

Ingin juga saya menyatakan bahawa pada masa ini, lawatan-lawatan seperti yang dilakukan oleh Y.A.B. Perdana Menteri adalah suatu amalan yang biasa dilakukan oleh Ketua-ketua

Kerajaan negara-negara di dunia. Pertemuan antara Ketua-ketua Kerajaan pada masa ini sering diadakan, sama ada di peringkat dua hala atau di peringkat multilateral.

GURU BAHASA IBUNDA DI SEKOLAH MENENGAH

43. Tuan Tan Kok Hooi minta Menteri Pelajaran menjelaskan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian Pelajaran untuk mengatasi masalah kekurangan guru-guru bahasa ibunda di sekolah-sekolah menengah.

Datuk Dr Ling Liong Sik: Kementerian Pelajaran telah dan akan mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masalah kekurangan guru-guru bahasa ibunda di sekolah-sekolah menengah. Ini dilaksanakan dengan menempatkan guru-guru Bahasa Cina dan Tamil yang terlatih mengajar bahasa tersebut secara sepenuh masa di sekolah menengah. Di samping itu Kementerian Pelajaran juga menggunakan guru-guru mengajar bahasa tersebut di sekolah menengah yang kekurangan guru bahasa ibunda. Kementerian ini juga bercadang menambahkan bilangan pengambilan guru-guru bahasa Cina dan Tamil dari masa ke semasa untuk mengikuti kursus latihan perguruan di Maktab Perguruan Bahasa dan Universiti Malaya.

JEMAAH HAJI—KEMUDAHAN PERKHIDMATAN

44. Tuan Mamat Ghazalee bin Abd. Rahman minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) apakah langkah-langkah pasti untuk memperbaiki dan memberi kemudahan yang lebih baik kepada Jemaah Haji tahun ini.

- (ii) berapa ramai Jemaah Haji yang menggunakan kemudahan perkhidmatan swasta tahun ini.

Dato' Mohamad Khalil bin Yaakob:

- (i) Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa jawapan kepada soalan mengenai langkah-langkah yang akan diambil tahun ini untuk memperbaiki dan memberi kemudahan yang lebih baik kepada Jemaah Haji telah pun diberi semasa saya menjawab soalan yang telah dikemukakan oleh Y.B. Tuan Ibrahim Azmi Hassan dalam Sidang Dewan ini pada 18hb Julai, 1985.
- (ii) Mengenai bilangan Jemaah Haji yang pergi ke Tanah suci secara swasta tahun ini, perangkaannya belum diketahui lagi pada masa ini. Biasanya perangkaan itu akan diketahui hanya selepas wukuf apabila bilangan Jemaah Haji mengikut setiap negeri diedarkan oleh Kementerian Haji dan Wakaf Arab Saudi.

PENGELUARAN MINYAK/GAS—KONSEP PERKONGSIAN

45. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Perdana Menteri menyatakan sehingga setakat ini apakah pandangan balas daripada Thailand atas perkara yang dikemukakan oleh Y.A.B. Perdana Menteri baru-baru ini mengenai konsep Perkongsian pengeiuran sumber minyak dan gas yang boleh dimajukan di kawasan laut kepunyaan bersama-sama dan apakah tindakan susulan yang dilakukan oleh Kerajaan berhubung dengan saranan Y.A.B. Perdana Menteri itu.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Or James P. Ongkili): Cadangan Y.A.B. Perdana Menteri kepada Thailand untuk mengguna konsep perkongsian pengeluaran bersama sumber minyak dan gas di kawasan perairan Malaysia—Thailand disambut baik oleh pihak Thailand kerana difikirkan cara ini akan dapat mengatasi beberapa masalah yang dihadapi oleh Thailand dalam menyelesaikan masalah-masalah berkaitan dengan pemegang-pemegang "concession" yang telah dikeluarkan oleh Thailand dalam kawasan yang terlibat.

Tindakan susulan yang telah diambil ialah kedua-dua pihak, iaitu Malaysia dan Thailand, telah pun mengemukakan cadangan konsep ini kepada pemegang-pemegang "concession" Thailand yang terdiri daripada syarikat-syarikat minyak asing. Perbincangan-perbincangan sedang diadakan seterusnya untuk menentukan tindakan-tindakan terperinci dalam melaksanakan konsep ini. Adalah dipercayai bahawa cadangan Y.A.B. Perdana Menteri ini boleh dilaksanakan dan suatu Badan, iaitu Pihak Berkuasa Bersama Malaysia—Thailand, akan dapat ditubuhkan segera untuk memajukan konsep perkongsian pengeluaran gas di kawasan laut bersama itu.

POLITIK WANG

46. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan betapa seriuskah kesan politik wang yang membabitkan rakyat Malaysia dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menghapuskan politik wang di negara ini, dan sama ada benar pengisytiharan aset oleh Menteri-menteri kepada Perdana Menteri secara sulit merupakan salah satu sebab mengapa berlakunya politik wang yang memomokkan cogankata bersih, cekap dan amanah.

Dato' Mohamad Khalil bin Yaakob: Apa yang dikata Politik wang telah berlaku dalam perkembangan politik parti antaranya akibat perebutan jawatan-jawatan dalam parti. Dengan itu tindakan-tindakan yang diambil untuk mengatasinya adalah terserah kepada parti-parti politik yang berkenaan sendiri.

Adalah tidak benar pengisytiharan aset oleh Menteri-menteri kepada Perdana Menteri secara sulit merupakan salah satu sebab mengapa berlakunya politik wang. Pengisytiharan aset oleh Menteri-menteri merupakan syarat perkhidmatan Menteri-menteri.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG-UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1985)

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 3), 1984

DAN

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 1), 1985

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat di-bacakan bagi menyambung semula pertimbangan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (DR 14/85) dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1984 (Kertas Perintah 18 Tahun 1985) dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1985 (Kertas Perintah 20 Tahun 1985) dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Fasal 1 dan 2 dijadikan sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa Usul atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$399,981,810 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan:

- (1) bagi tahun kewangan 1984, untuk menampung sejumlah \$173,006,980 bagi Maksud-maksud dan butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1984 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18 Tahun 1985 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut; dan
- (2) bagi tahun kewangan 1985, untuk menampung sejumlah \$226,974,830 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran

(Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1985 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 20 tahun 1985 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Bacaan Kali Yang Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1985) telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1985) ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$399,981,810 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan:

- (1) bagi tahun kewangan 1984, untuk menampung sejumlah \$173,006,980 bagi Maksud-maksud dan butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1984 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18 Tahun 1985 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut; dan
- (2) bagi tahun kewangan 1985, untuk menampung sejumlah \$226,974,830 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1985 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 20 tahun 1985 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek)

dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut.

Disetujukan.

Tuan Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul yang dikemukakan di atas nama Timbalan Menteri Kewangan hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$399,981,810 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan:

- (1) bagi tahun kewangan 1984, untuk menampung sejumlah \$173,006,980 bagi Maksud-maksud dan butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1984 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18 Tahun 1985 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut; dan
- (2) bagi tahun kewangan 1985, untuk menampung sejumlah \$226,974,830 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama

1985 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 20 Tahun 1985 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan duabelas penyata tersebut.

4,43 ptg.

Setiausaha: Rang Undang-undang Telekomunikasi (Pindaan)—Bacaan Kali Yang Kedua.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri on a point of order di bawah Peraturan Mesyuarat 37 sebelum Yang Berhormat Menteri terus kemukakan bacaan kali yang kedua mengenai Rang Undang-undang Telekomunikasi untuk mengeluarkan teguran berkenaan perkara tatatertib mengenai Peraturan 53 meminta Tuan Yang di-Pertua buat satu ruling bahawa Yang Berhormat Menteri datam hari ini untuk terus kemukakan bacaan kali yang kedua Rang Undang-undang Telekomunikasi ialah ada melanggar Peraturan Mesyuarat atas 4 sebab yang akan dikemukakan.

Sebab yang pertama ialah Peraturan Mesyuarat 53 (1) yang berbunyi:

"53 (1) Jika hendak dibincangkan Rang Undang-undang itu dalam persidangan xx xx xx"

dan persidangan hendaklah dapat satu interpretasi di dalam Peraturan Mesyuarat 98 ialah mesyuarat harian bererti bahawa hari ini oleh kerana Rang Undang-undang ini dibaca kali

yang pertama semalam seperti dalam *Hansard* ini Rang Undang-undang Telekomunikasi; 53 (1) yang berbunyi:

"53 (1) Jika hendak dibincangkan Rang Undang-undang itu dalam persidangan atau mesyuarat yang akan datang, maka pemberitahu hendak dibacakan kali yang kedua mestilah dikeluarkan sebaik-baik sahaja selepas bacaan kali yang pertama".

Dan semalam Yang Berhormat Menteri tidak ada memberitahu bahawa bacaan kali yang kedua akan diadakan hari ini dan saya rasa dalam bahasa Inggeris mungkin lebih jelas lagi, dengan izin:

"53 (1) If it is intended to proceed with the Bill at the next sitting or meeting, notice of a second reading must be given immediately after its first reading."

The next sitting ialah oleh kerana first reading semalam, next sitting hari ini dan ini tidak diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri semalam, dia kata sahaja akan dibaca kali yang kedua pada mesyuarat kali ini. This meeting not this sitting. The sitting masa yang mustahak, supaya masa yang cukup diberi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membuat persiapan ambil bahagian dalam perbahasan. Itulah sebabnya yang pertama bahawa telah melanggar Standing Order bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua hari ini.

Sebab yang kedua ialah 53 (4) yang berbunyi:

"53 (4) Apabila sesuatu Rang Undang-undang itu dibacakan kali yang kedua, maka boleh dicadangkan pindaan yang mana telah diberi pemberitahu

dengan bersurat sekurang-kurangnya satu hari kepada masalah, "lattu Rang Undang-undang ini di-bacakan kali yang kedua sekarang" itu dengan ditinggalkan perkataan "sekarang" dan tambah di hujung masalah itu, "enam bulan dari hari ini", xx xx xx xx xx"

bahawa pindaan kepada Usul bacaan kali yang pertama boleh dipinda baca enam bulan daripada sekarang. Tetapi notis satu hari perlu diberi sungguhpun hari ini saya ada beri notis oleh kerana baru hari ini dalam Aturan Urusan Mesyuarat itu baru keluar notis bahawa bacaan kali yang kedua akan diadakan hari ini.

Semalam sungguhpun ada bacaan kali yang pertama belum timbul keluar dalam Standing Order bahawa akan mengadakan atau menetapkan bacaan kali yang kedua. Dan tidak ada sesiapa yang boleh kemukakan cadangan pindaan kepada Usul yang tidak ada dalam Peraturan Mesyuarat ke hari yang terawal iaitu hari ini.

Kalau diberi seperti yang saya pun ada beri notis, saya akan kemukakan pindaan, tetapi tidak cukup satu hari dan saya minta Tuan Yang di-Pertua, buat satu ruling bahawa kalau kita teruskan kepada bacaan kali yang kedua kita telah melanggar Peraturan 53 (4) oleh kerana ini tidak bererti lagi. Itulah sebab yang kedua.

Tujuan 53 (4) ialah untuk membolehkan Ahli Yang Berhormat ada masa baca, kaji Rang Undang-undang dan kemukakan pindaan kepada Usul untuk menambahkan bacaan kali yang kedua. Itulah sebab yang kedua bahawa kalau kita teruskan bacaan kali yang kedua Rang Undang-undang Telekomunikasi, sebab yang kedua kita melanggar Peraturan Mesyuarat.

Sebab yang ketiga, ialah kita akan melanggar Peraturan Mesyuarat 90 (1) yang berbunyi:

"90 (1) Kecuali dengan persetujuan Tuan Yang di-Pertua, Majlis tidak boleh membincangkan apa-apa Rang Undang-undang, pindaan, usul atau rayuan yang difikirkan oleh Tuan Yang di-Pertua akan merentikan kuatkuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat atau mana-mana jua daripadanya".

Dalam bahasa Inggerisnya:

"Will have the effect of suspending the Standing Order"

Dan, Tuan Yang di-Pertua, tidak pun memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Tuan Yang di-Pertua sudah memberi persetujuan dalam perenggan atau Peraturan 90 (1). Itulah sebab ketiga bahawa kita akan melanggar Peraturan Mesyuarat.

Sebab keempat, ialah kita pun akan melanggar Peraturan 26 (1) yang berbunyi:

"26 (1). Kecuali jika ada syarat-syarat lain dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat ini, usul-usul yang hendak dibawa ke dalam mesyuarat hendaklah didahulukan dengan pemberitahu kecuali usul-usul yang tersebut di bawah ini:

26 (1) (m). Usul hendak menggantung kuatkuasa sesuatu Peraturan Mesyuarat yang dicadangkan menurut Peraturan Mesyuarat 90 setelah mendapat izin daripada Tuan Yang di-Pertua".

Yang bererti bahawa kita mahu suspend Standing Order untuk terus kecualikan Peraturan 53 (1), Peraturan 53 (4), perlu satu usul dikemukakan di bawah Peraturan 26 (1) (m) untuk suspend Standing Order dan itu tidak dibuat.

Saya kemukakan keempat-empat perkara ini oleh kerana Usul atau Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri, satu Rang Undang-undang yang mustahak, yang ada repercession yang besar, yang perlu masa untuk semua Ahli-ahli untuk bincang dan mungkin kalau Yang Berhormat Menteri rela untuk tarik balik, besok atau lusa untuk kemukakan, tentulah kita akan mengatasi masalah-masalah yang kita hadapi supaya kita ada masa yang cukup.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat telah mendengar huraian Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, Ketua Pembangkang tadi sama ada sekiranya diteruskan mesyuarat ini mengikut Aturan Urusan Mesyuarat yang tertera, mesyuarat ini telah melanggar Peraturan Mesyuarat, secara mensifatkan seandai Peraturan Mesyuarat telah tergantung sebelum Majlis menentukan ianya ataupun mengusulkan ianya digantung.

Setelah mendengar huraian Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, Ketua Pembangkang tadi ada dua isu di sini:

Yang pertama, sama ada sekiranya dikemukakan Rang Undang-undang ini oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan, kita telah menyalahi ataupun membuat supaya Peraturan Mesyuarat tergantung.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya memutuskan setelah meninjau sekali lagi Peraturan Mesyuarat 53 (1) mengikut susunan perkataan Bahasa Malaysianya dan juga versi bahasa Inggerisnya dan dengan pendirian bahawa kita berpegang kepada naskah Bahasa Malaysia sebagai naskah rasmi dan saya bacakan.

"53 (1).. Jika hendak dibincangkan Rang Undang-undang itu dalam persidangan atau mesyuarat yang

akan datang, maka pemberitahu hendak dibacakan kali yang kedua mestilah dikeluarkan sebaik-baik sahaja selepas bacaan kali yang pertama."

Dalam membentangkan Rang Undang-undang ini semalam, pencadang ataupun Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bila ditanya bacaan kali yang kedua hari apa? Pencadang menjawab mengikut susunan perkataan yang diiktirafkan sebagai susunan yang sah mengikut perjalanan mesyuarat. Maka tidak menyalahi Peraturan Mesyuarat dan tidak membabitkan supaya Peraturan Mesyuarat menjadi tergantung bilamana diteruskan Bacaan Kali Yang Kedua Rang Undang-undang tersebut. Itu keputusan saya mengenai isu pertama.

Yang kedua ialah mengenai pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Ahli dari Kota Melaka dengan kuatkuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat yang sama, maka usul, itu juga akan dikemukakan untuk Majlis memutuskannya sama ada mesyuarat menerima pindaan itu ataupun tidak.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak cukup sehari untuk notis yang dikehendaki dalam Peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya rasa apa yang dikehendaki oleh Peraturan Mesyuarat ialah jelas, bahawa Rang Undang-undang ini jika ditinjau daripada *Hansard*, Datuk Setia-usaha.....

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya ada baca Peraturan Mesyuarat kelmarin, tetapi saya tidak buka peraturan itu, di bawah itu ada tanda bintang (*)

katanya menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di Mesyuarat ini. Ini tidakkah merupakan satu notis yang akan dibawa pada bila-bila masa?

Timbalan Yang di-Pertua: Nanti saya tinjau Hansard.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Peraturan Mesyuarat semalam.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya mohon maaf kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, kerana saya tidak mempengerusikan mesyuarat ketika itu dan saya terpaksa meneliti *Hansard* semalam.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa dalam Aturan Urusan Mesyuarat semalam ada petanda yang menyatakan, bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di Mesyuarat ini tetapi bukan bererti boleh dibawa dalam mesyuarat ini melanggar peraturan-peraturan yang ada dalam Aturan Urusan Mesyuarat.

Saya bukan tentang bahawa kita berbahas Rang Undang-undang ini dalam mesyuarat ini, tetapi hari ini bukan sahaja melanggar peraturan-peraturan, tetapi saya rasa tidak memberi masa yang cukup untuk Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengkaji dengan mendalam Rang Undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sama ada masa yang cukup atau tidak diberi adalah isu yang asing daripada masalah di hadapan kita. Masalahnya ialah adakah pembentangan Rang Undang-undang ini hari ini menyalahi Peraturan Mesyuarat atau tidak; keputusan saya, tidak. Sila teruskan.

RANG UNDANG-UNDANG TELEKOMUNIKASI (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.00ptg.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok); Tuan Yang di-Pertua, saya merasa Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu mungkin membangkitkan perkara-perkara dengan tujuan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Telekomunikasi 1950 dan mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibacakan bagi kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini akan menimbang satu Rang Undang-undang bernama Akta Perkhidmatan Telekomunikasi (Syarikat Pengganti) 1985 bagi tujuan membolehkan Kerajaan mengalihkan sebahagian dari tugas Jabatan Telekom sekarang kepada satu syarikat yang bercadang akan diberi lesen di bawah seksyen 3 (3) Akta Telekomunikasi 1950 untuk mengendalikan perkhidmatan telekomunikasi di negara ini. Polisi Kerajaan ialah untuk mengasingkan tugas peraturan dan kawalselia daripada tugas pengendatian perkhidmatan telekomunikasi di negara kita. Walaupun Kerajaan memang bercadang selaras dengan polisi penswastan untuk menyerahkan tugas pengendatian perkhidmatan telekomunikasi kepada satu syarikat, namun demikian Kerajaan perlu mengekalkan tugas dan tanggungjawab bersabit dengan peraturan dan kawalselia terus secara langsung di bawah tanggungjawab Jabatan Kerajaan. Untuk berbuat demikian, perlu Akta Telekomunikasi 1950 dipinda dan diubahsuai.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa pindaan adalah dicadangkan terutamanya termasuk seksyen-seksyen baru 3 (a), 3 (b), 1 (a) dan 7 (b) serta, dengan izin, saving provision terhadap peruntukan-peruntukan di Bahagian VI Akta Telekomunikasi 1950. Saya tidak bercadang untuk menghuraikan seksyen-seksyen pindaan secara satu-persatu. Tujuan saya ialah untuk menarik perhatian kepada pindaan-pindaan yang tertentu yang difikirkan perlu diambil perhatian oleh Dewan ini.

Seperti yang termaklum, Kerajaan mempunyai hak istimewa, dengan izin, exclusive privilege of establishing, maintaining and working telecommunication in Malaysia untuk menubuh pengendali dan mendirikan perkhidmatan telekomunikasi di negara ini selaras dengan seksyen 3 Akta Telecommunication 1950. Walau bagaimanapun, di bawah seksyen 3 (3) Kerajaan boleh memberi lesen kepada pihak-pihak yang tertentu bagi mengendalikan perkhidmatan telekomunikasi dan lesen ini bolehlah mengandungi syarat-syarat yang difikirkan perlu. Tujuan Kerajaan ialah untuk memberi lesen bagi pengendalian perkhidmatan telekomunikasi kepada sebuah syarikat yang pada mulanya dipunyai oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun, untuk menentukan tanggungjawab Kerajaan terpelihara, difikirkan perlu juga diadakan undang-undang yang tepat untuk mendapatkan Kerajaan menjaga peraturan dan kawalselia berkaitan dengan perkhidmatan telekomunikasi.

Dirasa penting juga kita menggalakkan perkembangan industri telekomunikasi di negara kita ini, memandangkan perusahaan telekomunikasi ialah sebahagian dari perusahaan yang mungkin berkembang di masa akan datang selaras

dengan apa yang dikatakan, dengan izin, the emergence of information society dan penaruman kegunaan komputer dan telekomunikasi sebagai perkembangan dagangan dunia.

Dalam konteks negara kita walaupun kita perlu mengikut perkembangan teknologi telekomunikasi, kita sebaliknya tidak dapat melupakan beberapa kepentingan awam bagi penduduk-penduduk desa atau di luar bandar di negara kita ini, biar kepentingan mereka itu tidak ketinggalan. Selaras dengan hasrat-hasrat sedemikian, Rang Undang-undang Pindaan ini antara lain bercadang mengadakan satu Jawatankuasa Ketua Pengarah Telekom dan memberi tugas-tugas kepadanya yang selaras dengan kehendak itu. Misalnya, untuk memajukan keperluan pengguna-pengguna, pembeli-pembeli dan lain-lain pengguna perkhidmatan telekomunikasi atau alat-alat telekomunikasi di Malaysia, termasuk khususnya yang tidak berkeupayaan berhubung dengan harga-harga, kualiti dan jenis alat kelengkapan yang diberi, menggalakkan pengguna utama yang menjalankan perniagaan di luar Malaysia supaya menubuhkan perniagaan mereka di negara kita ini dan juga memenuhi kehendak-kehendak yang munasabah terhadap perkhidmatan telekomunikasi.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga merasa perlu ianya mempunyai tanggungjawab bagi menjaga bahawa tarif atau rate perkhidmatan telekomunikasi di negara ini mengambil kira bukan sahaja pandangan syarikat yang mengendalikan perkhidmatan itu, tetapi juga kepentingan awam. Oleh itu, peruntukan telah juga dimasukkan di mana permohonan untuk mengubah kadar tarif perlu mendapat kelulusan Menteri yang bertanggungjawab sebelum ianya dapat dilaksanakan

oleh syarikat itu. Di samping menjaga kepentingan awam, Kerajaan juga berpendapat operasi syarikat itu bagaimanapun patut juga dipelihara bersama dan bagi tujuan itu peruntukan keputusan Menteri perlu dibuat dalam tempoh 6 bulan dan kalaulah keputusan Menteri itu perlu dirayu, mereka boleh merayu semula dan keputusan atas rayuan itu perlu juga dibuat dalam tempoh tertentu, iaitu 3 bulan, Kerajaan berpendapat provision seperti ini mengambil kira kelicinan operasi syarikat dan juga kepentingan awam yang difikirkan munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa tidak payah bagi saya menghuraikan satu persatu pindaan-pindaan lain. Apa yang saya suka menegaskan semula ialah hasrat Kerajaan di waktu menyerahkan tanggungjawab mengendalikan operasi dan perkhidmatan telekomunikasi kepada satu organisasi yang dapat menjalankan tugasnya dengan licin dalam bentuk sebagai satu syarikat, kttta tidak juga lupa untuk menjaga kepentingan awam dan negara kekal dipelihara.

Saya mohon mencadangkan.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Telekomunikasi 1950, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kota Melaka.

4.09 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, di peringkat sekarang saya baru mahu kemukakan

pindaan yang saya ada beri notis hari ini. Saya tidak mahu di peringkat ini untuk berbahas mengenai peruntukan-peruntukan dalam Rang Undang-undang Telekomunikasi (Pindaan) oleh kerana di bawah Peraturan Mesyuarat 53 (4) perbincangan dalam peringkat pindaan ialah patut kemukakan pindaan bahawa Bacaan Kali Yang Kedua sekarang dipinda dengan tambah di hujung masalah itu, bahawa pindaan dibuat demikian:

"Bahawa ditinggalkan perkataan "sekarang" dan tambah di hujung masalah itu "6 bulan dari hari ini".

Saya mahu kemukakan enam sebab kenapa Dewan yang mulia ini patutlah tangguhkan perbincangan bacaan kali yang kedua, bukan sahaja Rang Undang-undang Telekomunikasi tetapi nanti lagi dua Rang Undang-undang, Rang Undang-undang Perkhidmatan Telekomunikasi (Syarikat Pengganti) dan pun Rang Undang-undang Pencen, oleh kerana ketiga-tiga Rang Undang-undang ini ialah boleh disifatkan sebagai satu brood dengan tujuan untuk metaksanakan penswastaaan Telekom oleh Kerajaan dan ketiga-tiga Rang Undang-undang ini ada satu tujuan.

Tuan Yang di-Pertua, sebab yang pertama saya kemukakan cadangan bahawa Rang Undang-undang ini dibaca enam bulan daripada sekarang ialah oleh kerana Yang Berhormat Menteri tidak memberi masa yang cukup untuk Dewan yang mulia ini bincang, kaji implikasi-implikasi ketiga-tiga Rang Undang-undang ini untuk melaksanakan tujuan penswastaaan Telekom,

Sebenarnya, Rang Undang-undang Telekomunikasi dan Rang Undang-undang Perkhidmatan Telekomunikasi (Syarikat Pengganti) dibaca kali yang pertama semalam sahaja dan teks Rang Undang-undang diletak di meja semalam. Sebenarnya saya rasa selain daripada ada sebab darurat kalau tidak ambil tindakan

yang serta-merta akan menimbulkan kacau-bilau, huru-hara di tanahair kita. Sesiapa Menteri yang datang ke Dewan yang mulia ini hari ini kemukakan Rang Undang-undang, besok mahu Dewan bincang dan bahas secara automatik Rang Undang-undang itu patutlah ditangguh enam bulan oleh kerana Yang Berhormat Menteri tak hormat Dewan yang mulia ini, tak hormat Ahli-ahli Parlimen, menganggap Ahli-ahli Parlimen sebagai rubber stamp sahaja.

Mungkin Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional semua pandai, satu hari boleh baca, boleh kaji, boleh tahu semua implikasi ketiga-tiga Rang Undang-undang ini dengan tujuan mahu melaksanakan penswastan Telekom tetapi Kerajaan ambil berapa lama untuk gubal Rang Undang-undang ini. Dua tahun, tiga tahun, berapa committee (jawatankuasa) ditubuhkan, berapa kali mesyuarat. Saya percaya ada pakar-pakar yang digajikan, diupahkan daripada luar negeri, perunding (consultant) kepada Kerajaan Thatcher yang ada nasihatkan Perdana Menteri Britain untuk menswastakan firma-firma atau perusahaan awam. Satu perkara yang complex, satu perkara yang bukan senang.

Saya percaya Yang Berhormat Menteri bersetuju. Sebab itu sungguhpun ada berita bahawa ketiga-tiga Rang Undang-undang ini untuk menswastakan Telekom akan dibawa ke Dewan yang mulia ini tahun dahulu, tahun 1984 tidak wujud oleh kerana complex, perlu masa yang panjang untuk faham implikasinya tetapi Kerajaan yang perlu dua tahun, tiga tahun, begitu ramai orang pakar, begitu banyak mesyuarat jawatankuasa untuk gubal Rang Undang-undang ini, mahu Dewan yang mulia ini satu hari pun tak cukup untuk baca, faham, bahaskan dan luluskan Rang Undang-undang ini.

Inikah ditunjuk hormat kepada Dewan yang mulia ini? Saya tak tahulah apa fikiran, apa perasaan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, tetapi saya rasa kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada maruah, yang ada dignity, inilah contempt, factor contempt, dengan izin, dan sebenarnya secara tingkah-laku seperti ini perlu ditolak; bukan tolak Rang Undang-undang tetapi lambatkan dan kalau Yang Berhormat Menteri sebenarnya hormat Dewan yang mulia ini patutlah sekarang tarik balik. Ada lagi tiga hari supaya Ahli Parlimen ada cukup masa consult, bukan semua Ahli Parlimen pakar—mungkin ada Ahli Parlimen yang rasa mereka pakar nanti akan bercakap tetapi semua tak kena-mengena dengan Rang Undang-undang, dengan isu penswastan, isu ekuiti, isu saham, isu sama ada efficient, isu sama-sama ada patut tak patut; itu complex. Kita mahu berunding dengan pakar-pakar ekonomis, dengan pekerja-pekerja dalam Telekom, dengan siapa pun, adakah satu hari cukup. Itulah sebab yang pertama. Yang Berhormat Menteri tak bakal masa yang cukup. Sebenarnya tak masa pun untuk MP faham, kaji, untuk bahas dengan erti.

Sebab yang kedua, ialah apa yang sekarang kita diminta untuk buat satu keputusan yang mustahak yang melibatkan bukan sahaja perusahaan awam yang besar. Yang pertama, dengan izin, first major public sector enterprise yang akan diswastakan, Telekom. Kalau tak silap dengan asset hampir \$2.5 billion seperti BMF skandal, janganlah dalam Telekom pun lagi Parlimen buat \$2.5 billion Telecoms scandal. Itu mengikut laporan 1981, \$2.6 billion asset, sekarang berapa, saya tak tahulah fixed asset. Sebab ini kita patut lebih masa untuk Ahli-ahli Parlimen untuk kaji. Sebenarnya ini test case, boleh dikatakan satu langkah yang mustahak yang pertama. Lain-lain ada diswastakan, firma-firma yang kecil.

Inilah yang melibatkan first major public sector enterprise sama ada konsep penswastaaan, implikasi khususnya public sector enterprise, Parlimen patut sebelum bincang specific mengenai Telekom mengadakan satu kajian yang lebih mendalam.

Ketiga, mengenai isu spesifik Telekom patutkah Telekom diswastakan, oleh kerana ia bukan satu urusan berniaga, ia boleh dikatakan bersangkut-paut dengan infrastructure service (perkhidmatan infrastruktur) bukan untuk dapat keuntungan. Itu lagi satu aspek, bukan satu ayat atau dua ayat boleh dihabiskan tetapi perlu kajian, fahaman, perundingan.

Keempat, sama ada dalam langkah penswastaaan Telekom bahawa public interest (kepentingan orang ramai) akan dijaga. Ini bukan satu assurance (jaminan) daripada Yang Berhormat Menteri cukup. Menteri-menteri di Kerajaan sudah buat banyak jaminan. BMF banyak jaminan, sampai sekarang kosong. Sekarang buat jaminan Telekom diswastakan public interest akan dijaga, apa guna. Lagi dua tiga tahun Yang Berhormat Menteri tidak ada lagi di sini, mungkin balik Sarawak, harap menjadi Ketua Menteri. Oleh sebab itu implikasi yang jauh.

Yang kelima, sama ada selepas penswastaaan Telekom akan lebih efficient, lebih cekap, sama ada pertukaran daripada sebuah badan public monopoly menjadi satu private monopoly akan lebih efficient. Tukar sahaja public monopoly menjadi private monopoly siapa untung. Bagaimana safeguard public interest?

Mana prinsip accountability? Sekarang rakyat mahu badan-badan Kerajaan accountable begitu susah, BMF begitu susah, PETRONAS begitu susah. Sekarang kalau Telekom daripada public monopoly jadi private monopoly sungguhpun Kerajaan lagi

jamin akan accountable tentulah lain ini, lebih jauh rakyat akan lebih jadi mangsa.

Kelima, apakah nasib masa depan pekerja-pekerja Telekom? Lagi ada jaminan dalam satu Rang Undang-undang mereka tidak akan dapat menghadapi apa-apa kerugian bahawa syarat-syarat, terms of condition, dengan izin, tidak kurang daripada apa yang mereka dapat sekarang, jaminan lagi NEB, Dasar Ekonomi Baru jaminan dalam pelaksanaannya tiada sesiapa yang akan menghadapi apa kerugian mana pergi, pun tidak ada dikota, semua ini implikasi.

Dan keenam, siapa yang akan dapat untung dalam penswastaaan sama ada segelintir orang UMNO-Putra, segelintir orang yang boleh dapat memperolehi keuntungan menjadi jutawan daripada penswastaaan. Semua keenam-enam aspek ini, perlu masa yang lebih panjang. Saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri perkara ini bukan satu perkara yang personal, saya ada tujuan yang lain, saya tidak tahulah tadi Yang Berhormat Menteri apabila bermula bercakap buat dakwaan saya ada tujuan yang lain, mungkin beliau kata saya harap Usul saya boleh timbul, tidak oleh kerana kalau Rang Undang-undang Telekomunikasi dan lagi dua tidak dibahas, lagi ada satu Rang Undang-undang Kerajaan, Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara, di mana Yang Berhormat Menteri sudah masuk, tunggu dan saya percaya ada cukup Yang Berhormat dari Barisan Nasional yang boleh bercakap satu minggu dalam Rang Undang-undang ini.

Kalau satu perenggan dalam Federal Road, tiga hari itu sangat pandai. Sebab itu bukan oleh saya mahu knock-out, dengan izin, Government business supaya Usul saya NEB boleh timbul, tetapi saya rasa dalam ketiga-tiga Rang Undang-undang ini implikasi yang jauh,

implikasi yang besar yang kita perlu masa untuk berunding, consult dan kalau tidak, kita sudah gagal, kita datang ke sini tidak cukup masa untuk mengkaji dan faham Rang Undang-undang di hadapan kita. Mungkin ada orang yang kata kita bodohlah, tidak tahu, kita bodoh itu terpujanglah kepada rakyat tengok siapa bodoh, orang tidak tahu perkara pun boleh berani berdiri cakap mereka tahu ialah mereka tidak orang yang lebih bodoh daripada mereka dan itulah sebab enam-enam sebab yang saya rasa sangat kuat dan saya percaya Yang Berhormat Menteri reasonable bukan ada axe to grind, Rang Undang-undang ini boleh dibahas dan diputus dalam mesyuarat ini supaya memberi masa yang cukup supaya kita boleh bincang dengan lebih orang, demi kepentingan rakyat, demi menjaga maruah Parlimen dan makna System Partimentary Democracy.

Tuan Sim Kwang Yang: Saya berdiri untuk menyokong Ketua Pembangkang, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan saya menyokong Usul pindaan ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah bahawa Usul ini dipinda dengan ditinggalkan perkataan sekarang dan ditambah di hujung masalah itu enam bulan dari hari ini, terbuka untuk dibahas.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, kalaulah kita cuma melihat dan mendengar sekali ucapan dan hujah-hujah Ahli dari Kota Melaka sebentar tadi, mungkin kita terpaksa terikat oleh hujah-hujah dikemukakan oleh beliau itu.

Seolah-olah tujuan untuk meminta Rang Undang-undang ini ditangguh dalatn enam bulan lagi untuk tujuan yang baik dan halus. Kita tidak mahu mengatakan tujuan itu tidak seperti itu. Tetapi sebelum Yang Berhormat

dari Kota Melaka duduk sebentar tadi, beliau juga ada membayangkan bahawa ada Usul beliau sendiri yang masih tinggal.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat beri izin?

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat rela bersetuju menangguhkan perbincangan dalam Rang Undang-undang ini esok atau lusa, saya rela tarik balik Usul pindaan saya enam bulan dibahaskan, itu reasonable, relaxah?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini tidaklah payah membuang masanya untuk mendengar hujah-hujah yang biasa dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu, yang sebenarnya sudah mengambil peluang dan masa Dewan ini, kalaulah diserahkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain untuk membahaskan Undang-undang di hadapan muka kita ini sudah tentu peluang didapati oleh Dewan ini untuk membahas dengan dalam dan tetiti Undang-undang yang dikemukakan pada petang ini.

Jadi saya tidak bercadang untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu oleh kerana kebanyakan soalan-soalan yang ditimbulkan dalam ucapan itu boleh dibahas dan dibincang dalam waktu kita membahaskan nanti, tetapi saya suka mengatakan, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan menyangkal dan menentang Usul yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat hendak menggulung dan hendak menjawab?

Tuan Lim Kit Siang: Gambaran saya bahawa Yang Berhormat Menteri seorang yang sangat reasonable nampaknya tidak ada berasas oleh kerana beliau tidak rela menerima hujah yang saya rasa sesiapa yang wajar boleh menerima, khasnya seorang Menteri yang mencintai nama baik Parlimen, nama baik Ahli Parlimen supaya tidak dalam dan luar Dewan yang mulia ini dianggap bahawa rubber stamp, Menteri kata sehari cukup, luluskan apa Kerajaan perlu dua tiga tahun untuk menggubal semua ikut sahaja. Semua pak turut, tidak ada fikiran mereka sendiri, nampaknya Yang Berhormat Menteri akan letak semua Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, bukan Barisan Nasional, MP Pembangkang akan letak semua Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional dalam dilemma ini bahawa mereka akan ditunjukkan bahawa tidak payahlah faham apa-apa Rang Undang-undang yang dikemukakan mereka "yes man"; Menteri cakap "yes", mereka "yes". Itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah Usul bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang dipinda dengan ditinggalkan perkataan sekarang dan ditambah di hujung masalah itu enam bulan dari hari ini hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah bahawa Usul terbuka sekali lagi untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

4.30ptg.

Tuan Sim Kwan Yang (Bandar Kuching): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk mengambil bahagian

dalam perbincangan atas satu Akta untuk meminda Akta Telekomunikasi, 1950, walaupun pada pendapat saya, mungkin lebih adil dan teratur jika Akta yang lain iaitu Akta Perkhidmatan Telekomunikasi (Syarikat Pengganti) 1985 ini dibincangkan dahulu sebelum Akta yang dikemukakan sekarang dibincangkan.

Walau bagaimanapun, ketiga-tiga Rang Undang-undang ini sepatutnya diambil sama sekali oleh kerana mereka berhubungan satu dengan lain terhadap satu perkara yang amat penting iaitu perkara penswastan perkhidmatan telekomunikasi.

Tuan Yang di-Pertua, langkah Kerajaan untuk menswastakan perkhidmatan telekomunikasi adalah langkah yang pertama untuk menswastakan public utilities atau perkhidmatan awam yang merupakan perkhidmatan sosial yang perlu (essential social services).

Sama ada perkhidmatan sosial awam itu perlulah diswastakan ataupun tidak adalah satu perkara yang berkontroversi, bukanlah di dalam negara kita sahaja tetapi di seluruh dunia ini termasuk negara yang maju seperti Great Britain dan Amerika Syarikat. Saya bersetuju dengan Ketua Pembangkang bahawa dalam pertimbangan atas perkara yang amat penting dan sangat rumit ini, kurang masa dan kurang peluang yang diberikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk meminta nasihat daripada pakar-pakar, pengguna-pengguna, pengundi-pengundi dan pihak-pihak tertentu seperti Pertubuhan Pengguna supaya mendapat satu gambaran yang mendalam dan lengkap supaya benar-benar memberi sumbangan kepada perbincangan yang kita adakan sekarang.

Maka dengan itu juga saya ingin dari permulaannya menentang Rang Undang-undang ini untuk menswastakan perkhidmatan telekomunikasi di negara kita kerana kami dalam DAP menganggap perkhidmatan telekom sebagai bukan luxury, tetapi sebagai satu perkhidmatan yang perlu dan perkhidmatan yang perlu mestilah diberikan kepada semua, rakyat Malaysia dengan kos yang minima. Jika perkhidmatan ini ditukarkan, dipindahkan kepada pihak swasta, satu faktor yang amat penting dalam membekalkan perkhidmatan ini, iaitu public accountabilities akan dihilangkan, oleh kerana pada masa sekarang apa kesalahan-kesalahan, penyelewengan-penyelewengan ataupun aduan-aduan yang diterima daripada pengundi-pengundi boleh dibangkitkan di Dewan yang mulia ini dan pihak Kerajaan melalui wakil-wakil rakyat dalam Dewan yang mulia ini. Dan pihak Kerajaan bertanggungjawab kepada rakyat keseluruhannya secara langsung. Tetapi jika kita luluskan Rang Undang-undang ini tanggungjawab ini akan dipindahkan kepada satu syarikat sama ada syarikat ini di bawah Kementerian Kewangan ataupun syarikat persendirian dan apa-apa kesalahan, aduan-aduan pun tidak boleh lagi dibangkitkan kepada pihak berkenaan secara langsung. Inilah sebab yang pertama mengapa saya dan kami daripada pihak DAP menentang Rang Undang-undang ini.

Perkara yang kedua jika kita ingin menimbang sama ada meluluskan Rang Undang-undang ini, kita mesti ingat sebab-sbab dan alasan-alasan asal yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila beliau mengumumkan dasar penswastakan. Sebab-sebab itu ialah bahawa langkah-langkah menswastakan perkhidmatan awam bolehlah mengurangkan tanggungjawab yang hebat dari segi ke-

wangan, dari segi kakitangan, dari segi pentadbiran Kerajaan dan juga satu sebab lagi ialah bahawa prestasi untuk membekalkan perkhidmatan perlu ini akan ditingkatkan atau mutu kecekapan akan dipastikan secara proses penswastakan ini. Jika kita memeriksa Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita, kita boleh mendapat tahu bahawa walaupun perkhidmatan sosial ini perlu dipindahkan kepada satu syarikat, soal pencen ataupun terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan kakitangannya sekurang-kurangnya tidak lebih teruk daripada syarat perkhidmatan yang asal, yang pokok. Dan jika kita boleh mengambil kira pandangan daripada pihak-pihak tertentu bahawa satu daripada masalah kekurangan kecekapan dalam perkhidmatan awam ialah bahawa "security" yang diberikan kepada kakitangan Kerajaan tidaklah begitu menggalakkan mereka untuk berkerja dengan rajin. Jika kita mengambil kira alasan itu, kita tidak dapat apa-apa perbezaan dari segi motivasi, tidak begitu banyak perbezaan di antara apa yang diadakan dalam perkhidmatan Kerajaan dan perkhidmatan yang diswastakan.

Jika syarikat ini tidak dapat memecat sesiapa daripada kakitangan syarikat itu, masalah kurang kecekapan akan timbul lagi dan tidak ada apa-apa langkah yang tambahan yang boleh menghapuskan punca-punca kelemahan atau ketidakcekapan itu.

Yang ketiga, satu pandangan daripada pihak-pihak tertentu lagi yang menganggap masalah birokrasi, masalah red-tape yang berada di dalam jentera dan sistem pentadbiran negara kita sebagai satu langkah yang pertama untuk melicinkan dan melaksanakan program-program Kerajaan dan dengan penswastakan ini, sejak perkhidmatan telekom dipindahkan kepada satu syarikat swasta bolehkah

syarikat itu mengelakkan pelanggaran-pelanggaran yang timbul daripada birokrasi?

Pada mulanya syarikat ini akan menjadi satu Syarikat Pengganti di bawah Kementerian Kewangan. Dan kita boleh mengandaikan suatu perihal, suatu keadaan yang timbul di mana syarikat ini hendaklah meminjam wang daripada bank-bank tempatan ataupun institusi-institusi kewangan luar negeri, maka Kerajaan Persekutuan terpaksa untuk bertindak sebagai garantor bagi pinjaman ini. Dan jika ini berlaku, Kementerian ataupun Menteri yang berkenaan akan, bukan Menteri berkenaan sahaja tetapi syarikat ini akan terlibat lagi dalam birokrasi Kerajaan yang pertamanya dengan pihak Treasury dan lain-lain, agensi-agensi yang melibatkan diri mereka dalam proses pinjaman wang. Dan tidak ada apa garanti yang boleh diberikan bahawa masalah birokrasi atau red-tape boleh dielakkan. Hanya oleh kerana perkhidmatan sosial ini dipindahkan kepada satu syarikat.

Yang keempat, Tuan Yang di-Pertua, sebab mengapa saya tidak dapat menyokong Rang Undang-undang ini ialah bahawa Kerajaan sentiasa memberi alasan ataupun hujah bahawa jika satu perkhidmatan awam boleh dipindahkan kepada satu syarikat persendirian ataupun satu syarikat mengganti, prestasi perkhidmatan ini akan ditingkatkan dan produktiviti akan dinaikkan.

Maklumat-maklumat yang terakhir yang saya mendapati ialah laporan Ketua Audit Negara ke atas Jabatan Telekom dan melaporkan bahawa Jabatan Telekom ialah satu jabatan yang boleh mendapat keuntungan dan perenggan keenam berbunyi seperti berikut:

"Jabatan telah mencapai keuntungan bersih sebanyak \$265.6 juta pada akhir tahun iaitu tahun 1980".

Ini merupakan pertambahan sebanyak 19.7% jika dibandingkan dengan keuntungan tahun 1980 berjumlah \$205.2 juta dan sebanyak 44.8% dari keuntungan tahun 1970 berjumlah \$169 juta sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, mungkinlah laporan ini ataupun gambaran yang biasanya diberikan kepada rakyat jelata ialah Jabatan Telekom adalah sebuah Jabatan Kerajaan yang menguntungkan. Akan tetapi kita tidak boleh lupa bahawa di bawah perjalanan yang ada sekarang, Jabatan Telekom tidak perlu membayar Bayaran-bayaran tertentu seperti "postage", seperti cukai jalan, seperti Customs Excise Tax, dengan izin, dan sebagainya. Dan laporan Ketua Audit Negara juga menyatakan bahawa pertambahan dalam keuntungan ini iaitu \$200 juta lebih. Pertambahan dalam keuntungan ini adalah sangat besar apabila dibandingkan dengan keuntungan dua tahun sebelumnya.

Walau bagaimanapun perlu diingatkan bahawa Jabatan Telekom telah dikecualikan dari membayar berbagai duti dan cukai Kerajaan seperti yang dikenakan ke atas barang-barang import dan kenderaan-kenderaan, cukai jalan ke atas kenderaan-kenderaan, cukai-cukai atas pembelian minyak petrol dan cukai syarikat. Dan jika kos tambahan ini ditambahkan kepada kos untuk membekalkan perkhidmatan telekomunikasi oleh syarikat yang akan ditubuh, bolehkah syarikat ini masih mendapat keuntungan yang sebegitu banyak, dan jika tidak, bagaimanakah syarikat rancangan ini mendapat satu akaun dan kira-kira yang sihat yang boleh diimbangkan. Saya boleh mengandaikan satu cara sahaja iaitu untuk menaikkan kos ataupun harga-harga untuk membekalkan perkhidmatan telekom iaitu rakyat jetata seluruh negara kita terpaksa untuk membayar lebih kadar-kadar sewa dari alat-alat telekom

ataupun panggilan telefon. Dan akibat daripada ini ialah rakyat jelata seluruh Malaysia akan mengalami daripada kesan yang buruk daripada inflasi yang akan timbul daripada kenaikan kadar-kadar telekom ini.

Walaupun Rang Undang-undang yang dibentangkan membuat peruntukan supaya kenaikan kadar-kadar telekomunikasi dijaga oleh Kementerian Kewangan, walaupun peruntukan telah dimasukkan supaya apa-apa permohonan untuk menaiki kadar-kadar perkhidmatan telekom mestilah diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, tetapi saya ingin ulangi sekali lagi, cara dan perjalanan kawalan ini bukan secara langsung seperti yang kita ada sekarang. Jika saya boleh sebutkan satu contoh, satu case yang berkait, dalam lima enam tahun kebelakangan ini, beberapa kali syarikat-syarikat minyak mentah memohon kepada Menteri berkenaan supaya menaiki harga-harga minyak dan beberapa kali rakyat tidak ada peluang untuk menyampaikan pandangan-pandangan dan cita-cita mereka kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dan akibatnya kenaikan harga minyak diluluskan dan menyebabkan kesan-kesan yang buruk kepada rakyat jelata. Dan saya boleh anticipate, dengan izin, keadaan yang seperti itu yang akan timbul jikalau satu syarikat diberikan kuasa dan tanggungjawab untuk membekalkan perkhidmatan telekom.

Dan soalan-soalan boleh dibangkitkan walaupun saya tidak diberi masa dan peluang yang mencukupi untuk memeriksa Rang Undang-undang ini dengan teliti, tetapi satu soalan yang mestilah diambil kira ditimbang rasa ialah soalan tentang kakitangan-kakitangan Telekom di bawah Jabatan Telekom sekarang yang sebanyak mungkin lebih kurang 30,000 orang. Walaupun langkah penswastan telekom

dirancang sekarang membuat peruntukan supaya kakitangan Telekom diberi kuasa untuk memilih ataupun "optional powers", dengan izin, untuk menyertai dan terus-menerus dan kerja di dalam satu syarikat yang dirancang, walaupun begitu, saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri apabila beliau menggulung jawapannya, sama ada kakitangan-kakitangan dan Kesatuan Sekerja telah diminta nasihat supaya kita boleh pastikan kelulusan Rang Undang-undang ini tidak timbul apa-apa "industrial action" ataupun bantahan-bantahan ataupun perasaan kesal di antara kalangan kakitangan-kakitangan Telekom.

Antara satu langkah pertukaran yang rumit seperti ini walaupun peruntukan telah dibuat supaya seorang pegawai ataupun kakitangari Jabatan Telekom akan digajikan oleh syarikat yang dirancang atas terma-terma dan syarat-syarat yang, dengan izin, "not less favourable than the terms and conditions of service to which he was entitled.....". Ini adalah satu garis panduan atau satu ruling yang sangat am yang mungkin tidak boleh meliputi semua perkara-perkara yang tertentu ataupun beribu-ribu individu yang akan terlibat.

Pada akhirnya, saya ingin mengutangi point yang dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang, malangnya usulnya tidak diterima oleh Dewan yang mulia ini tetapi point ini masih valid iaitu dalam satu perkara yang akan mendatangkan kesan-kesan dan implikasi-implikasi dalam bidang legal,- sosio-ekonomi, dan struktur pentadbiran yang amat penting, yang amat besar kepada masa depan negara kita, malangnya langkah ini tidak diberi peluang untuk dibincangkan bukan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sahaja tetapi rakyat keseluruhannya.

Jika Kerajaan Barisan Nasional adalah jujur dan ikhlas untuk menghormati prinsip demokrasi berparlimen seperti mereka akui tidak lama dahulu, jikalau demikian, ketiga-tiga Rang Undang-undang ini haruslah dirujuk kepada satu Jawatankuasa Khas Parlimen ataupun Parlimentary Select Committee supaya berjumpa dengan semua rakyat di seluruh negara kita untuk mendapatkan apa teguran-teguran ataupun nasihat-nasihat seperti yang dibuat apabila kita sebagai satu Dewan meluluskan satu Akta Dadah Berbahaya Langkah-langkah Pencegahan. Jika tidak, kita akan "guilty" lagi, kena salah lagi, suatu kesalahan iaitu kita tidak ingat kepentingan awam dan perasaan rakyat jelata apabila kita membuat dan menjalankan tugas kita untuk menimbang dan mengambil kira langkah yang terbesar ini.

Dengan ini saya ingin ulangi sekali lagi bahawa saya menentang Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bagan Datok.

4.54 ptg.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria (Bagan Datok): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi menyokong Rang Undang-undang (Pindaan) yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi. Sokongan saya ini bukanlah seperti yang didakwa oleh Ketua Pembangkang ataupun Yang Berhormat dari Bandar Kuching bahawa kami daripada Barisan Nasional ini hanya mengiakan sahaja ataupun tukang yes sahaja kepada apa yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri-menteri ataupun Kerajaan bagi diluluskan di dalam Dewan yang mulia ini.

Sesungguhnya, Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang yang akan kita luluskan ini adalah satu

pindaan Rang Undang-undang yang seharusnya diberi pujian bukan sahaja kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tetapi kepada seluruh kakitangan Kementerian ini oleh kerana telah bertungkus-lumus menyiapkan satu Rang Undang-undang yang begitu baik bagi mengikuti atau menyusuli akan hasrat Kerajaan yang telah lama disuarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita iaitu dasar penswastan Kerajaan. Dengan lulusnya pindaan ketiga-tiga Rang Undang-undang ini saya rasa dan saya yakin bahawa rakyat menyetujui dan menyambut baik akan kelulusan Rang Undang-undang ini.

Seperti yang dikatakan oleh Ketua Pembangkang dan Ahli Pembangkang yang baharu bercakap tadi mengatakan undang-undang yang begini besar melibatkan rakyat mestilah dirujuk kepada rakyat. Sebenarnya pada hemat saya apabila Rang Undang-undang ini dibentangkan di Parlimen bermakna Kerajaan telah merujuk Rang Undang-undang ini kepada rakyat kerana kita yang menghadiri Parlimen ini adalah mewakili seluruh rakyat di dalam negara kita ini yang mana mendapat undi daripada rakyat semasa pilihanraya. Bagi diri saya, saya mewakili lebih daripada 100,000 rakyat di kawasan saya dan yang saya suarakan ini ialah suara 100,000 rakyat di kawasan saya menyokong pindaan Rang Undang-undang ini.

Apa yang kita harapkan ialah dengan adanya dasar penswastan ini nanti dilaksanakan prestasi perkhidmatan yang kita anggap bahawa perkhidmatan ini sudah merupakan satu perkhidmatan sosial untuk rakyat keseluruhannya yang akan memberikan perkhidmatan yang lebih baik dan lebih sempurna daripada apa yang ada sekarang ini. Ini saya tekankan bukanlah kerana perkhidmatan yang ada sekarang ini

tidak baik, saya tegaskan bahawa perkhidmatan ini adalah baik tetapi diperbaiki lagi ataupun ditinggikan lagi mutu perkhidmatannya. Apatah lagi di dalam seksyen-seksyen peruntukan di dalam pindaan ini memberi peruntukan kepada Ketua Pengarah kuasa yang sepenuhnya untuk mengendalikan perkhidmatan telekom ini saya rasa sudah semestinya Rang Undang-undang yang kita luluskan ini akan memberi kebaikan kepada rakyat keseluruhannya.

Seperti yang didakwa oleh Pembangkang mengatakan tidak cukup masa dan sebagainya itu, itu semata-mata hanya adalah helah mereka sahaja menentang pindaan dan sebagainya. Walaupun saya tadi mengatakan saya bersetuju dipinda ertinya bukanlah dengan secara spontan telah saya fikirkan dengan mendalam bahawa kita bersetuju dengan Rang Undang-undang ini kerana telah diteliti dengan secara halus dan secara mendalam bukan dengan sewenang-wenang sahaja Menteri dan juga Kementerian ini mengemukakan pindaan Undang-undang ini. Tetapi memanglah ini tugas Pembangkang tetapi pada hemat saya Pembangkang ini kalau hendak berkesan biarlah ada 50/50 tetapi kalau setakat 4/5 kerat ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak payah ada Pembangkang pun demokrasi berparlimen kita ini boleh berjalan dengan baik, sebagaimana dikatakan hakisan dan sebagainya, tidak ada hakisan. Yang sebenarnya demokrasi kita ini berjalan dengan baik dan ditadbirkan oleh Kerajaan Barisan Nasional tetapi telah dinodai oleh parti Pembangkang, inilah dia. Ini yang sedang kita bentangkan di dalam Parlimen ini Rang Undang-undang dan sebagainya ini demokrasi sedang berjalanlah, dibahaslah, kita beri peluang, Tuan Yang di-Pertua beri peluang dan Parlimen ini memberi peluang kepada parti-parti

Pembangkang, ucaplah, bahaslah tidak pula tidak dibenarkan, apakah itu namanya tidak demokrasi?

Pada hemat saya, parti Pembangkang ini setiap apa juga permintaannya mestilah Tuan Yang di-Pertua Dewan ini meluluskan. Apabila tidak lulus mengikut kehendak hati dan nafsunya, itu dikatakan tidak demokrasi. Inilah pada pentafsiran parti Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin hendak membuang masa yang banyak untuk memperkatakan tentang Rang Undang-undang ini. Sekali lagi saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini, cuma saya berharap setelah kita meluluskan pindaan Rang Undang-undang ini supaya perkhidmatan telekomunikasi ini akan memberikan kesan yang lebih baik kepada rakyat bukan sahaja rakyat golongan atasan tetapi golongan sederhana dan bawahan juga sama-sama dapat menikmati perkhidmatan yang baik ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Nerus.

5.01 ptg.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman (Ulu Nerus): Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka turut sama membahaskan Rang Undang-undang Telekomunikasi (Pindaan) 1985 ini.

Saya sungguh yakin bahawa Rang Undang-undang ini dikemukakan setelah pihak Kementerian dan pihak Kerajaan berpuas hati bahawa sudah sampai masanya langkah kita hendak menswastakan perkhidmatan telekomunikasi di negara kita ini dijalankan sekarang dan saya tidak ragu-ragu lagi malah sangat yakin bahawa persediaan-persediaan untuk pelancaran skim ini telah pun dibuat, tidak perlu dipersoalkan lagi. Memang kita faham, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Kerajaan sememangnya tidak

sewenang-wenangnya melaksanakan sesuatu program lebih-lebih lagi dalam soal penswastaaan perkhidmatan telekomunikasi ini yang pada pandangan saya adalah sangat mustahak dan penting.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pada asasnya tidak ada apa yang menghairankan saya ataupun hendak diragukan tentang niat dan hasrat Kerajaan hendak melaksanakan skim ini oleh kerana saya mendapati bahawa model bagi rancangan ini bukan tidak ada, bukan belum ada dan ini bukan satu-satunya perkara yang baru yang hendak dimulakan oleh kerana sebagaimana yang diterangkan, tujuan Kerajaan untuk menswastakan perkhidmatan telekomunikasi ini bukanlah secara penswastaaan satu khidmat Kerajaan yang besar sebagaimana penswastaaan dalam Televisyen Rangkaian Ketiga ataupun sebagainya, tetapi penswastaaan yang dipilih untuk dilaksanakan ini ialah penswastaaan ala-MAS di mana Syarikat MAS itu telah lama beroperasi sebagai sebuah syarikat swasta dan Kerajaan sebenarnya mempunyai pengalaman yang cukup untuk melihat bahawa cara yang hendak dikemukakan oleh Kerajaan ini adalah perkara yang boleh jadi, bukan perkara yang tidak boleh jadi dan perkara yang sepatutnya dan tidak boleh menimbulkan masalah yang besar, lebih-lebih lagi di dalam menjaga kepentingan rakyat kita.

Saya memang bersetuju bahawa dalam soal menswastakan perkhidmatan telekomunikasi ini, soal kepentingan rakyat itu perlu dijaga sungguh-sungguh dan saya juga percaya bahawa ini menjadikan satu pertimbangan kepada Kerajaan. Saya tidak yakin bahawa ada tujuan yang lain pada Kerajaan di dalam menswastakan perkhidmatan telekomunikasi ini selain daripada tujuan untuk memastikan bahawa

perkhidmatan telekomunikasi di negara kita ini akan menjadi lebih cekap lagi, lebih efficient dan boleh maju lagi di masa-masa yang akan datang, memberi faedah dan manfaat kepada rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berpendapat sungguhpun kita hendak menswastakan perkhidmatan telekomunikasi ini tetapi janganlah sampainya dalam kita menswastakan perkhidmatan telekomunikasi ini Kerajaan hilang langsung kawalan terhadap syarikat ini nanti, oleh kerana kalaulah sekiranya Kerajaan ataupun Kementerian akan hilang langsung kawalan terhadap syarikat telekomunikasi yang akan ditubuhkan ini, saya takutlah kalau-kalau syarikat itu akan membuat sesuatu tindakan ataupun membuat sesuatu keputusan yang menjejaskan kepentingan rakyat dan tidak dapat dikawal oleh Kerajaan.

Oleh kerana itu saya mencadangkan dan mengesyorkan dan mengharapkan sangat supaya dicari jalan supaya representation, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, daripada pihak Kerajaan itu akan dapat dipastikan supaya ada wakil-wakil daripada Kerajaan, daripada Kementerian yang akan menduduki di dalam syarikat ini nanti. Dan janganlah pula syarikat ini bila diswastakan nanti akan menganggap dirinya sebagai sebuah syarikat yang monopoli. Saya fikir soal syarikat ini akan menjadi sebuah syarikat yang monopoli tidaklah akan timbul oleh kerana pada masa sekarang ini pun soal perkhidmatan telekomunikasi ini memang menjadi monopoli kepada Jabatan itu sendiri, cuma penukaran ini.

Berkenaan dengan perkara ini, oleh kerana syarikat ini akan menjadi satu-satunya syarikat yang akan memonopoli perkhidmatan ini, saya berharaplah supaya syarikat ini akan mengambil sikap, kalau bolehnya, untuk mencari jalan melalui

kecekapan, melalui penyelamatan kos, melalui pengurusan yang lebih baik supaya pada jangka panjangnya kadar-kadar caj yang dikenakan bagi perkhidmatan ini akan dikurangkan dan diperturunkan lagi dan supaya syarikat ini akan menjaga kepentingan Kerajaan kita sendiri oleh kerana perkhidmatan telekomunikasi ini merupakan perkhidmatan kemudahan asas yang kesannya itu adalah sangat besar kepada suasana bagi kemajuan pelaburan dan pembangunan negara selain daripada kemudahan-kemudahan untuk rakyat kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak bertanya satu perkara iaitu berkenaan dengan satu peruntukan di sini dalam Fasal 4, 3A (2) di mana dikatakan, saya bacakan di sini:

"3A. (2) No person shall be appointed to the office of Director General unless he is a telecommunication engineer".

Peruntukan ini meminta untuk memastikan supaya seseorang yang dilantik sebagai Director General itu hendaklah seorang yang berkelayakan jurutera telekomunikasi. Saya tidak faham mengapa perlunya seseorang itu bila hendak dilantik sebagai Director General itu perlu menjadi seorang telecommunication engineer. Saya faham bahawa ia adalah ketua kepada Jabatan itu tetapi saya berpendapat dan selalu beranggapan takkanlah seseorang itu menjawab satu jawatan yang tinggi, yang bertanggungjawab terhadap satu Jabatan, terhadap satu institusi yang memerlukan kepada pengurusan. Maka yang terlebih utama dan hendak diutamakan itu bukanlah kelayakan teknikalnya tetapi kelayakan pengurusannya. Ertinya, Tuan Yang di-Pertua, sebagai Director General, dia sebagai ketua kepada Jabatan yang berkenaan, saya lebih mementingkan supaya orang ini lebih mempunyai

kelayakan pengurusan oleh kerana Jabatan sebagaimana Jabatan Telekom ini ataupun syarikat sebagaimana yang akan diswastakan itu nanti, hendaklah menjadi satu syarikat perniagaan yang mesti mahir dengan pengurusan-pengurusan dan biasanya latar belakang dan kemahiran pengurusan ini tidak ada kepada orang-orang yang berkelayakan macam ini.

Kelayakan pengurusan biasanya kurang terdapat kepada engineer kerana bidangnya khusus kepada kejuruteraan, dia khusus di situ, sedangkan pengurusan itu adalah satu bidang pengkhususan yang lain pula dan tanggungjawab beliau itu adalah untuk memastikan supaya pada akhirnya perniagaan dan juga usaha Kerajaan itu akan mendatangkan keuntungan. Saya berpendapat kalau pegawai-pegawai yang lain itu boleh disyaratkan, pegawai-pegawai yang di bawah Director General ini boleh kita syaratkan supaya mereka itu terdiri daripada telecommunication engineer kerana mereka itu dapat membantu Director General.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengharapkan sangat bahawa syarikat ini nanti akan dapat mewujudkan sistem perakaunan secara perniagaan yang baik. Saya sedar bahawa satu pindaan terhadap Rang Undang-undang yang berkenaan telah dibawa ke dalam Parlimen ini pada sidang yang lepas untuk membolehkan Jabatan Pos, kalau tidak salah saya, dan mungkin Jabatan ini juga, menggunakan sistem perakaunan syarikat untuk menyediakan langkah Kerajaan ke arah penswastan perkhidmatan telekomunikasi ini. Saya berharap supaya ada peringkat awalnya itu dipastikan benar-benar bahawa sistem perakaunan syarikat ini telah diwujudkan dengan sebaik-baiknya dan akan dapat berjalan dan beroperasi dengan sebaik-baiknya pula. Saya juga mengharapkan

bahawa dengan langkah ini perkhidmatan telekom kita, Jabatan yang berkenaan dan syarikat yang berkenaan itu tidaklah nantinya akan terlalu bergantung kepada Kerajaan untuk punca-punca kewangan bagi membiayai program-program, projek-projek perkembangan seterusnya.

Saya berharap sangat supaya syarikat ini nanti akan bersikap "profit conscious", dengan izin, supaya sentiasa menjaga kepentingan syarikat supaya tidaklah menghadapi kerugian tetapi tidak pula saya mengesyorkan untuk mendapat keuntungan ini perlu dinaikkan charge dan sebagainya. Tetapi dari segi pengurusan yang cekap dan perencanaan program-program yang baik dan pelaksanaan projek-projek secara yang viable, saya harapkan nanti syarikat ini akan membuat keuntungan pada kadar yang berpatutan sahaja supaya tidak akan terus bergantung kepada Kerajaan dan segala punca pembiayaannya dalam program-program pada masa yang akan datang akan ditanggung oleh syarikat itu sendiri daripada pendapatan yang diperolehi oleh syarikat itu juga.

Saya juga suka menyentuh di sini berkenaan dengan kedudukan kakitangan Jabatan Telekom yang ada sekarang sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching tadi. Memang saya menjangakan mungkin timbul masalah kesulitan tentang kakitangan yang sedia bekerja dengan Jabatan Telekom bila diswastakan nanti. Oleh kerana mereka sekarang ini di bawah satu skim perkhidmatan Kerajaan, sedangkan nantinya kalau mereka pilih mengambil option untuk menjadi kakitangan syarikat telekomunikasi yang akan ditubuhkan ini, mereka tidak lagi tertakluk kepada skim perkhidmatan Kerajaan dan ini akan menimbulkan pada peringkat awalnya berbagai-bagai masalah dan berbagai-bagai kekeliruan. Oleh

kerana itu, saya fikir elok sangatlah soal skim perkhidmatan, perpindahan kakitangan daripada perkhidmatan Kerajaan kepada perkhidmatan syarikat ini dapat dibuat dengan baik dan dengan licin dan dirundingkan.

Saya mengatakan begini, Tuan Yang di-Pertua, bukan kerana apa, tetapi kerana saya takut nanti kalau berlaku sesuatu masalah, terdapat pekerja-pekerja yang sekarang ini oleh kerana tidak dapat bersetuju dengan skim perjawatan, skim gaji dan sebagainya yang akan ditawarkan oleh syarikat yang baru ini, nanti mungkin mereka tidak hendak masuk ke dalam syarikat ini, dan kalau terlalu ramai orang yang tidak dapat bersetuju dengan skim perkhidmatan baru dalam syarikat swasta ini, mungkin akan berlaku penjejasan, akan terjejas soal kakitangan yang akan memberikan khidmat di dalam syarikat yang baru ini. Saya berharap sangat sebagai sebuah syarikat swasta, sepatutnya skim-skim yang ditawarkan kepada pekerja-pekerja dalam syarikat yang baru ini sepatutnya lebih baik lagi dan lebih competitive lagi, kerana mereka terpaksa melepaskan berbagai-bagai dan beberapa kemudahan yang diperolehi di dalam perkhidmatan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah beberapa perkara yang suka saya bangkitkan dan saya berharap sangat supaya program kita untuk menswastakan perkhidmatan telekomunikasi ini akan mendapat kejayaan dan akan memberi faedah yang besar kepada rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong.

5.15 *ptg.*

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong pendapat-pendapat, cadangan-cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Bandar Kuching.

Saya setelah membaca Rang Undang-undang ini yang dibentangkan di sini 26 jam dari semalam dan implikasinya, bukan sahaja implikasi kewangan yang dicatatkan di sini melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan, bahkan juga implikasi yang luas bagi setiap orang yang mempunyai telefon ataupun alat-alat telekomunikasi yang lain. Semua orang di sini yang mempunyai dan menggunakan telefon tiap-tiap hari termasuk Tuan Yang di-Pertua, memang memikirkan dengan sedalam-dalamnya implikasi penswastaaan perkhidmatan telekomunikasi. Adakah dengan cara begini Kerajaan telah melepaskan satu "hantu" ataupun satu "raksaksa"? Bolehkah Menteri ataupun Perdana Menteri akan datang dapat mengawal raksaksa yang mengambil alih tugas Kerajaan untuk menjalankan perkhidmatan telekomunikasi ini.

Selepas menelitinya, saya akan membangkitkan beberapa soalan daripada Rang Undang-undang ini, untuk menyokong cadangan pihak kami untuk mengemukakan sekurang-kurangnya 6 bulan bagi meneliti dengan.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, perkara itu tidak boleh dibangkitkan lagi. Perkara itu telah pun diputuskan. Mengikut Peraturan Mesyuarat, sesuatu perkara yang telah diputuskan tidak boleh dibangkitkan di dalam Mesyuarat yang sama.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, setelah meneliti Seksyen 3B (1)-Fungsi-fungsi serta tugas-tugas Ketua Pengarah adalah, dengan izin:

- (a) to exercise regulatory functions in respect of the conduct of telecommunications and the running of telecommunication services in Malaysia including

the establishment of standards and their enforcement".

Tuan Yang di-Pertua, penjelasan yang lebih terperinci harus diberi mengenai maksudnya "regulatory functions". Dari penterjemahan pindaan ini, kita dapati bahawa tugas serta kekuasaan yang ada di tangan Ketua Pengarah adalah sangat meluas dan sempadan penguasaannya tidak jelas. Inilah soalnya, syarikat pengganti merupakan seolah-olahnya sebagai tenaga kerja yang hanya mengesyorkan kecekapan dan kekesan perkhidmatan telekomunikasi di samping menjadi, dengan izin, "the bill collector Kerajaan". Adakah pihak Kerajaan masih jadi, dengan izin, "The power behind the Throne" dalam Jabatan Telekomunikasi walaupun ianya dikatakan telah diswastakan. Soalan ini soalan pokok, dan saya bukan seorang pakar dalam bidang ini, sebab itulah saya memerlukan masa untuk meneliti dan malangnya tidak diberi oleh Yang Berhormat Menteri untuk berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 3B (d) mengatakan, dengan izin, "to represent the Government in respect of international telecommunication matters which are on a government-to-government basis and to do all things necessary for this purpose". Walaupun ianya adalah perlu bagi Kerajaan untuk mengekalkan serba sedikit pengawalan terhadap syarikat pengganti, ianya juga harus mempertimbangkan sesuatu atau mengajak pihak syarikat pengganti supaya menghadiri bersama-sama sebarang Mesyuarat Telekomunikasi Antarabangsa yang diadakan di antara Kerajaan dengan Kerajaan.

Ini adalah kerana sebarang undang-undang atau persetujuan atau pembaharuan yang akan dilaksanakan berikutan dengan mesyuarat-mesyuarat itu akan melibatkan juga

pihak syarikat pengganti. Pihak ini mempunyai minat ekonomi di dalam pertaruhan, dengan izin, "vested economic interest at stake" dan pada dasarnya sebagai pelabur dan penguasa mereka harus mempunyai pandangan serta kefahaman yang lebih mendalam dan profesional mengenai cara-cara pengeluaran yang paling cekap dan berkesan.

Sebagai sebuah parti yang sangat berminat dan berpengetahuan mengenai haluan yang akan diambil oleh bidang telekomunikasi pendapat mereka berkenaan perkara-perkara yang diperbincangkan semasa mesyuarat dijalankan harus dipertimbangkan. Jika mereka dibenarkan menghadiri mesyuarat tersebut maka sebarang perubahan yang kurang menguntungkan atau akan menjejaskan kepentingan pengguna dapat dibahaskan pada masa itu juga.

Tuan Yang di-Pertua, sebaliknya pihak Kerajaan mesti menghadiri sebarang mesyuarat yang dikelolakan oleh sektor swasta. Ianya lebih baik daripada menunggu laporan ataupun maklumat dikemukakan oleh syarikat pengganti mengenai perjalanan mesyuarat dan topik-topik yang telah dibincangkan. Inilah satu soalan yang pokok kepada syarikat swasta yang dapat menggantikan Kerajaan untuk menjalankan tugas dengan vested interest, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Dan 3B (e) "to promote the provision of international transit services by persons providing telecommunication services in Malaysia"; dan

3B (f) "to promote the interests of consumers, purchasers and other users of telecommunication, services or telecommunication, apparatus in Malaysia (including in particular, those who are disabled) in respect of the prices charged for, and the quality

and variety of, services provided and apparatus supplied"; dengan izin, Tuan Yang di-Pertua; kerana hampir semua pindaan di dalam Rang Undang-undang ini dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan harus menjelaskan cara-cara bagaimana pihak Ketua. Pengarah akan meningkatkan bekalan perkhidmatan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, international transit oleh syarikat pengganti, kepentingan pengguna dan sebagainya. Adakah perjanjian yang dibuat di antara pihak Kerajaan dengan syarikat pengganti yang mempunyai syarat-syarat khas yang akan membawa kepada pencapaian fungsi atau tugas Ketua Pengarah ini dengan cemerlangnya.

Pada masa yang sama orang ramai harus diberi peluang untuk menambahkan syarat-syarat perjanjian tersebut. Ini adalah untuk mengesyorkan bahawa syarikat yang dipilih adalah berkelayakan dan di samping memberikan mereka serba sedikit kelebihan serta keuntungan pihak pengguna juga terpaksa dilindungi.

Tuan Yang di-Pertua, 3B (h) "to promote research into and the development and use of new techniques by persons engaged in commercial activities connected with telecommunications in Malaysia".

Bagi soal penyelidikan dan pembangunan teknik-teknik baru di dalam bidang ini siapakah yang akan memberi sumbangan kos perbelanjaan penyelidikan tersebut? Adakah pihak Kerajaan dan pihak syarikat pengganti yang menjalankan penyelidikan mereka yang berasingan ataupun yang bekerjasama? Jika dijalankan berasingan kenapa tidak bekerjasama? Pernahkah pihak Kerajaan mempertimbangkan kemungkinan matlamat kerja penyelidikan yang dijalankan oleh

kedua-dua belah pihak mungkin bercanggah ataupun bertindih-tindih. Kedua-dua keadaan ini iaitu apabila matlamat bercanggah dan apabila ianya bertindih-tindih hanya akan membazirkan sumber-sumber penyelidikan dan juga mungkin akan menjejaskan kepentingan pengguna-pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, penyelidikan seharusnya dijalankan bersama-sama oleh kedua-dua pihak untuk mengesyorkan ianya bukan sahaja bersesuaian dengan bentuk penggunaan masyarakat tetapi akan juga mempertimbangkan kepentingan pengguna-pengguna. Jika pihak Kerajaan membenarkan syarikat pengganti menjalankan penyelidikannya yang tersendiri maka Kerajaan harus mengawal dengan rapinya penyelidikan tersebut supaya tidak akan menyeleweng dari garis-garis panduan yang tercatat di dalam perjanjian di samping menjejaskan kepentingan pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 7B (1) bahagian Akta ini mesti dirangkakan semula kerana ini akan menguntungkan syarikat pengganti. Saya menyatakan begini kerana birokrasi Kerajaan negara kita memanglah bekerja dengan tidak begitu cekap. Ini adalah masa yang baik di mana, dengan izin, red-tape pentadbiran Kerajaan kita harus digunakan dengan sepenuh-penuhnya untuk memperlambatkan pelaksanaan sebarang perubahan dengan sewenang-wenangnya. Jika perkara kewangan yang penting seperti surat-surat kredit \$136,552,165 pada tahun kewangan berakhir pada 31hb Disember, 1981 yang dikenakan dalam akaun penyelesaian merujuk kepada laporan Ketua Audit Negara ke atas Jabatan Telekom bagi tahun kewangan tersebut di atas telah mengambil masa di antara satu hingga satu setengah tahun untuk diselesaikan. Apatah lagi bagi

pelulusan memorandum yang dikemukakan oleh syarikat pengganti. Jika tidak diperbetulkan Seksyen ini maka oleh sebab penglembapan aktiviti Kerajaan, syarikat pengganti akan dapat mengadakan sebarang perubahan kepada kadar dan sebarang perkara yang lain dengan mudah sekali.

Tuan Yang di-Pertua, yang menderitanya adalah pihak pengguna yang mungkin akan dikenakan kadar-kadar yang tidak berpatutan. Ini juga menimbulkan satu persoalan yang lain. Dicatatkan di dalam Seksyen 3B (2) (e) "the provision of domestic and overseas telecommunication services at rate consistent with efficient service;".

Bagaimanakah satu perkara yang sebegitu subjektif seperti darjat kecekapan akan diukur, iaitu efficient service. Seterusnya bagaimanakah kadar-kadar tersebut akan ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 9J (a) dan (b) perkataan, dengan izin, "Profits" digantikan dengan perkataan "operating surplus". Apakah tujuannya Kerajaan berbuat demikian? Perkataan "Profits" dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, jika sesuai digunakan semasa Kerajaan menguruskan perkhidmatan telekomunikasi mengapakah ianya tidak sesuai sekarang setelah diswastakan? Tambahan lagi Kerajaan adalah sebuah "Non Profit Organisation", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, manakala syarikat pengganti sudah tentunya melaburkan modal dalam projek ini disebabkan oleh jangkaan keuntungan yang akan diperolehi kelak.

Dengan penukaran definisi tersebut bagaimanakah butir operating surplus akan diambil kira dalam buku akaun syarikat dan seterusnya di dalam pengiraan keuntungan untuk maksud-maksud percukaian. Satu persoalan yang juga timbul adalah Kerajaan

harus juga mengauditkan akaun-akaun syarikat tersebut untuk mengesyorkan kedisiplinan kewangan wujud di dalamnya, bagaimanakah operating surplus ini akan digunakan oleh syarikat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 42A (1), dengan izin, "42A (1) Any officer, being authorised in writing in that behalf by the Minister, may compound any offence under this Act or under any regulations made under this Act, being an offence prescribed under subsection (2), by accepting from any person reasonably suspected of having committed such offence a sum of money not exceeding three hundred ringgit"

Adakah ini bermakna bahawa seseorang pegawai yang telah menerima jumlah wang yang lebih besar daripada \$300 tidak melakukan jenayah? Apakah tindakan yang akan diambil terhadap mereka yang mengambil jumlah wang yang melebihi \$300 ini? Persoalan ini melibatkan perkara rasuah, ianya tidak harus mempunyai sebarang had, had kepada jumlah wang yang diterima oleh pesalah-pesalah tersebut, sama ada jumlah itu satu sen pun jika diambil melalui saluran-saluran yang tidak sah di sisi undang-undang untuk maksud yang tidak baik, adalah juga didefinisikan sebagai rasuah, apatah lagi jika wang jumlah yang terlibat adalah di dalam lingkungan beratus-ratus ataupun berjuta-juta ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, soalan-soalan yang pokok, yang telah saya bangkitkan tadi memerlukan masa yang panjang bukan 26 ataupun 27 jam kerana dalam lingkungan 27 jam ini saya seorang yang tidak pakar dalam bidang ini, tidak dapat mengupas, menyelidik dan memahami dengan sedalam-dalamnya terutamanya dengan Rang Undang-undang di hadapan kami semuanya yang

mempunyai implikasi yang begitu besar. Dengan ini saya tidak menyokong Rang Undang-undang ini kerana saya tidak dapat cukup masa untuk meneliti kandungannya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda.

5.34 ptg.

Tuan Othman bin Abdul (Ulu Muda): Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya hendak menyatakan persetujuan saya terhadap cadangan penswastaaan perkhidmatan telekom ini.

Saya mengucapkan tahniah pada pihak Kerajaan yang telah pun berjaya melangkah sepertimana yang dicitacitakan. Kita tidak boleh hendak mengharapkan pandangan-pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat DAP semata-mata dalam Dewan yang mulia ini. Keputusan yang dapat saya lihat hasil perbahasan 3 orang anggota Pembangkang hanya menimbulkan soal 27 jam pembentangan Rang Undang-undang ini. Soal yang harus kita perbahaskan adalah soal teknikal, bukan soal konsep, konsep penswastaaan ini telah pun dikemukakan oleh Kerajaan 2-3 tahun dahulu dan Kerajaan pun telah mengumumkan bahawa Kerajaan akan menswastakan perkhidmatan telekom ini. Ini soal pokok bukan menjadi anjing menyalak bukit, sepertimana pepatah Melayu yang menyebutkan. Soalnya sekarang ini kita hendak memperbahaskan soal technicality, dengan izin, soal dasar semuanya telah bersetuju, jadi soalnya sekarang ini Ahli Yang Berhormat dari Kepong selalunya bercakap seolah-olah DAP keseluruhannya, dahulu membangkang, membantah, soal red-tape Kerajaan melambatlambatkan sesuatu kerja. Dalam Dewan ini hari ini Ahli Yang Berhormat dari Kepong ini

menyuarakan soal inilah perlu red-tape Kerajaan diperlambatkan, ini menghairankan saya, bertelagah pendapat dengan pandangannya memberi pandangan kepada masyarakat, kadang-kadang berkehendakkan red-tape, malah katanya kerana red-tape Kerajaan inilah menyekat perkembangan mempercepat sesuatu urusan Kerajaan, sekarang hendakkan red-tape itu diperlambatkan.

Saya tidak mahulah hendak menyebut bentuk manusia apakah Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP ini. Saya cuma hendak melihat sedikit kepada perkara-perkara yang perlu dilihat di dalam penswastan, di mana syarikat pengganti yang akan ditubuhkan oleh Kerajaan di dalam usaha untuk menamatkan, yang akan diberi tugas, untuk memegang tugas bila Kerajaan menswastakan perkara ini.

Pertama sekali dalam soal kebijakan pegawai-pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat dengan Jabatan Telekom, soal kebijakan ini termasuklah soal pencen yang akan dibentangkan oleh Kerajaan bersama-sama, ianya akan memberi kemudahan atau keselesaan yang benar-benar ataupun tidak? Ini soal yang hendak kita perbincangkan, bukan soal hendak bawa 27 jam pembentangan Rang Undang-undang. Jadi ini permohonan saya daripada pihak rakyat untuk Kerajaan mempertimbangkan supaya memperbanyakkan ataupun memperbaiki sistem perkhidmatan bagi kakitangan yang akan menyertai syarikat pengganti. Ini kita adakan insentif yang tertentu, mungkin setengah orang, setengah pegawai Kerajaan berpendapat bahawa apabila kita menyertai sesuatu skim yang telah diswastakan, mereka mungkin rugi dari beberapa segi terutama soal pencen misalnya. Jadi soal ini perlulah dipertimbangkan oleh Kerajaan.

Soal yang kedua dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan lain-lain Ahli DAP adalah soal kadar bayaran. Saya rasa soal kadar bayaran walaupun syarikat ini diswastakan, Kerajaan menswastakan perkhidmatan telekom, tetapi Kerajaan masih memegang kuasa, syarikat pengganti ini perlu memohon kepada Kerajaan untuk menaikkan chargenya bukan boleh dinaikkan sewenang-wenangnya. Ini anggapan yang salah, suatu pandangan yang tidak boleh diterima oleh semua masyarakat. Apa yang saya lihat pada pihak DAP ini, dan soal ini kalaulah boleh kita membuat kajian semula mengenai kenaikan kadar bayaran bagi panggilan-panggilan dalam negeri yang telah pun diputuskan oleh Kerajaan, kita kekalkan kadar yang lama dan untuk menambahkan panggilan keluar itu kita turunkan. Jadi tidak adillah kalau kita naikkan bayaran dalam negeri, kita turunkan bayaran luar negeri, itu pada pandangan saya. Saya rasa tidak adil, jadi kita kekalkan yang dalam negeri, kalau kita hendak banyak panggilan keluar negeri, kita kurangkan yang itu dan kita tambah pendapatan kita yang lain dalam soal untuk melihat perkembangan telekomunikasi kita yang baik.

Soal yang ketiga yang saya hendak tekankan di sini ialah perkembangan perkhidmatan telekom yang telah pun menjadi suatu alat yang penting, alat perhubungan yang utama. Sekarang ini telah menjadi satu kepentingan kepada seluruh masyarakat, termasuklah masyarakat di desa-desa, di kampung-kampung terpencil yang amat memerlukan alat perhubungan ini untuk mereka menggunakan. Sekarang ini Kerajaan membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk perkhidmatan telefon luar bandar. Jadi, dengan itu saya hendak memohon kepada Kerajaan cara ini walaupun syarikat ini bila ditubuhkan, perkhidmatan telekom diswastakan,

syarikat pengganti mengambil tempat, jadi soal pemasangan telefon luar bandar ini janganlah diabaikan, kita tambah perkhidmatannya. Caranya itu adalah bergantung kepada pertimbangan Kerajaan yang sekarang ini Kerajaan memasang dengan percuma walaupun perkara ini tidak mendatangkan keuntungan kepada Kerajaan. Saya faham, ini saya beri terima kasih kepada Kerajaan, telefon luar bandar ini memang tidak membawa keuntungan kepada Kerajaan, tetapi Kerajaan masih lagi memberi perkhidmatan itu ke kampung-kampung pedalaman. Ini tidaklah diketahui oleh Ahli-ahli Yang Berhormat DAP semua yang duduk di dalam bandar, saya ini orang Ulu Muda—kampung, saya tahulah perkhidmatan ini.

Ini perkara yang hendak kita lihat, ini perkara yang hendak kita tengok, bukan mencaci, bukan memberi pandangan-pandangan yang begitu emotional, penuh perasaan dengan suara yang lantang, sepertimana Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bukan caranya, dia pernah menegur Ahli Yang Berhormat yang lain daripada membahaskan perkara-perkara yang munasabah dan berfaedah dalam Dewan ini, tetapi Ahli Yang Berhormat sendiri pun sudah hilang pertimbangan akal, sudah hilang pertimbangan sebagai seorang Ahli Yang Berhormat bercakap dalam Dewan ini dengan penuh perasaan bengis, penuh perasaan marah yang tidak seharusnya wujud kepada diri seorang Ketua Pembangkang yang begitu berpengalaman, yang begitu lama berkhidmat kepada Dewan yang mulia ini, saya ingat telah pun 3, 4 penggal, kalau saya tidak salah.

Jadi, soal yang dibangkitkan oleh Ahli DAP, soal kuasa yang luas kepada Ketua Pengarah, ini boleh mendatangkan perasaan cemas kepada DAP. Jadi, tiap-tiap kali kita

membentangkan Rang Undang-undang, DAP merasakan suatu tekanan, merasakan bahawa tekanan-tekanan tertentu akan dikeluarkan, akan timbul hasil daripada pemberian kuasa ini tiap-tiap kali. Jadi sikap DAP ini seolah-olahnya memandang orang lain semua jahat, semua tak baik, semua buruk perangai, yang baik ialah DAP. Begitu jugalah dengan setiap kali ada sesuatu Rang Undang-undang itu dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini adalah Ahli DAP yang meminta supaya Rang Undang-undang itu dikemukakan kepada satu Jawatankuasa Pilihan untuk dibawa kepada masyarakat. Kalaulah begini keadaannya, kalaulah ini yang dibuat, satu Rang Undang-undang yang mustahak hendak kita luluskan memakan masa hampir satu tahun. Kalaulah Rang Undang-undang itu memang melibatkan seluruh rakyat yang akan menerimanya akibat daripada itu, sepertimana Rang Undang-undang Dadah Berbahaya itu kita semua bersetuju, tetapi ini hanya untuk menswastakan Perkataan "menswastakan" itu hanya satu perkataan yang perlu ditafsirkan, ini pun telah menimbulkan satu perasaan yang takut, cemas di kalangan pihak DAP.

Satu tidak tahulah Ahli Yang Berhormat dari Kepong mengatakan Kerajaan melepaskan "hantu", "raksaksa" yang mungkin tidak dapat dikawal oleh Kerajaan, Saya tak hendak menggunakan bahasa yang lebih baik daripada itu, tetapi "hantu" ini katau dilepaskan adakah mungkin Kerajaan dapat mengawal? Serupalah Kerajaan ini tak ada syarikat swasta yang kita telah tubuhkan, beberapa puluh syarikat Kerajaan ada. Dia tidak pernah mengkaji, seolah-olahnya inilah penswastaan pertama yang kita jalankan di dalam negara kita ini. Buat kajianlah Ahli-ahli Yang Berhormat daripada DAP yang ada 3 orang dalam Dewan ini, buat kajian

dahulu, ada beberapa puluh anak syarikat yang menjalankan perniagaan yang Kerajaan mempunyai kuasa yang penuh dalam usaha mengawalkannya. Ini "bukan hantu", bukan raksaksa", boleh jadi Ahli-ahli DAPlah hendak jadi "hantu" ini, hendak menimbulkan suasana yang tidak baik di kalangan masyarakat sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan perkara ini satu lagi yang disebutkan penderitaan masyarakat, penderitaan orang yang menggunakan telefon. Saya tak nampak langsung macam mana orang yang menggunakan telefon ini boleh menderita hasil daripada penswastaaan ini, kerana asasnya telah pun diperuntukkan oleh Kerajaan, dasarnya telah pun dibuat oleh Kerajaan. Sekarang ini Kerajaan telah pun mengkaji bertahun-tahun, bukan baru mengkaji 26 jam, sepertimana dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Kepong, malahan 2 tahun mungkin kajian telah dibuat daripada semua segi sebelum daripada Kerajaan mengemukakan pindaan Rang Undang-undang untuk menswastakan Telekom ini. Kalaulah Kerajaan membuat kajian seminggu, dua minggu, itu patutlah kalau kita memberi teguran, sepertimana Ahli-ahli DAP buat, kita pun bukan pak turut. Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional tidak menjadi pak turut, kita memberi pandangan-pandangan yang constructive kepada Kerajaan, yang jadi pak turut DAPlah. Kalau tidak boleh bercakap mengikut selera Ketua Pembangkang, nasib tak baiklah, akhirnya boleh mungkin akan diketepikan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan selepas daripada langkah pertama ini Kerajaan menswastakan perkhidmatan telekom ini dengan menubuhkan syarikat pengganti, saya berharap Kerajaan akan menswastakan lagi banyak

perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan dengan tujuan untuk mengurangkan beban Kerajaan yang begitu hebat sekarang ini, beban Kerajaan itu perlu dikurangkan. Jadi caranya itu telah pun diputuskan oleh Kerajaan dahulu bahawa dengan cara menswastakan beberapa perkhidmatan Kerajaan yang perlu, yang boleh diswastakan. Inilah langkah yang saya katakan bijak, langkah yang baik yang seharusnya mendapat sokongan daripada semua rakyat, termasuklah Ahli-ahli Parlimen daripada DAP. Tujuan maksud Kerajaan itu baik, cuma sudut pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat DAP ini saya tak tahu mereka pandang daripada sudut mana, yang nampak cuma perkara-perkara yang tidak baik semata-mata. Ini soalnya perlulah kita fikirkan bersama oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan Rakyat yang mulia ini. Ini suara rakyat. Kalau kita hendak kemukakan pandangan DAP bahawa ini bukan suara rakyat, maka itu memang betul untuk Ahli-ahli Yang Berhormat DAP. Mereka bukan bercakap bagi pihak rakyat, tetapi bagi pihak nafsu mereka sendiri semata-mata, nafsu mereka itu tinggi, bercadang untuk menjadi pemerintah di negara kita ini, tetapi itu khayalan semata-mata.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Telekomunikasi yang dibentangkan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Balik Pulau.

5.48 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh (Balik Pulau): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk menyokong usul yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri, iaitu Akta Telekomunikasi (Pindaan) 1985 yang bertujuan untuk menswastakan perkhidmatan telekom.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Akta ini tidak diterangkan dengan sejas-jelasnya adakah penswastaan ini ertinya seluruh rangkaian perkhidmatan telekom ini akan diberikan kepada sebuah syarikat sahaja ataupun akan diberikan kepada beberapa buah syarikat dengan dibahagi-bahagikan kawasan-kawasan, misalnya Kawasan Utara Semenanjung, Kawasan Tengah, Kawasan Selatan, Sabah dan Sarawak, sebab kalau perkhidmatan telekom ini diberikan kepada hanya sebuah syarikat sahaja, maka kita yakin kalau hanya sebuah syarikat yang memonopolikan perkhidmatan telekom ini maka tidak ada saingan. Bila tidak ada saingan, kemungkinan besar perkhidmatannya tidak akan cekap dan bayarannya barangkali mahal.

Ada dua tiga contoh yang saya boleh berikan di mana bila sesuatu perkhidmatan itu dimonopoli oleh sebuah syarikat, maka perkhidmatannya tidak cekap. Sebagai contoh, Kontena Nasional. Pada satu masa dahulu Kerajaan hanya membenarkan Syarikat Kontena Nasional sahaja boleh mengangkut barang-barang menggunakan kontena, maka berlonggok-longgoklah barang-barang di Port Klang sehingga beberapa bulan tak dapat diselesaikan, tak dapat diberikan untuk menghantar barang-barang tadi kepada pihak yang berkenaan. Kemudian Kerajaan sedar atas perkara itu dan telah memberikan lesen kepada syarikat-syarikat lain. Hari ini ada 3_ buah syarikat yang menjalankan perkhidmatan kontena dan didapati perkhidmatan kontena ini makin hari makin baik.

Oleh yang demikian, saya suka mengesyorkan, saya tengok dalam Akta ini tak ada, saya tak tahulah barangkali pihak Kementerian telah pun menetapkan supaya penswastaan ini akan diberikan kepada lebih

daripada sebuah syarikat, jangan hanya satu syarikat sahaja dan dibahagi-bahagikan ikut kawasan, utara, tengah, selatan, Sabah dan Sarawak. Dengan adanya banyak syarikat yang mengendalikan perkhidmatan telekom ini maka di antara syarikat-syarikat itu akan bersaing, masing-masing akan memberikan perkhidmatan yang lebih cekap dan mengenakan bayaran yang paling murah dan memberi khidmat telefon yang up-to-date, yang kemas-kini sebab daripada segi perkhidmatan Telekom ini setiap tahun ada sahaja perkara-perkara baru, alat-alat baru yang direka, yang telah dijual dalam pasaran. Jadi, tujuan saya mencadangkan supaya lebih daripada sebuah syarikat ini diberi untuk menjalankan Perkhidmatan Telekom ini dengan tujuan untuk mendapatkan perkhidmatan yang cekap dan kalaulah kita beri kepada empat buah syarikat, kita dapati mana-mana satu syarikat kurang cekap dalam masa tempoh kontrak habis, kita tak boleh beri kepada syarikat yang berkenaan kerana dia tidak memberi perkhidmatan yang baik, kita boleh beri kepada syarikat yang telah menunjukkan prestasi yang baik.

Selain ,daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, ada kalanya bila kita menjalankan dasar penswastaan ini hanya syarikat yang dianggotai oleh dua tiga orang sahaja yang dapat. Apa yang saya mengharapkan supaya peluang ini dapat dinikmati oleh ramai orang maka . Kerajaan patutlah mensyaratkan syarikat-syarikat yang hendak diberi kontrak menjalankan Perkhidmatan Telekom ini hendaklah menjualkan saham mereka misalnya 30% kepada koperasi-koperasi yang di mana anggotanya beribu orang supaya memberi peluang rakyat kita ini menikmati keuntungan daripada penswastaan yang akan dijalankan oleh Kerajaan ini. Pastikan 30% atau 40% daripada syer atau saham syarikat yang hendak menjalankan

khidmat telekom ini hendaklah diberi kepada koperasi-koperasi di mana kita tahu koperasi ini dianggotai oleh sekurang-kurangnya pun 500 atau 600 orang. Ada koperasi yang ahlinya 10,000 dan 20,000 orang.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya juga bersetuju dengan pandangan Ahli dari Ulu Muda tentang telefon luar bandar. Kalau dikira daripada segi perniagaan tentulah khidmat telefon luar bandar ini tidak memberi keuntungan bahkan akan merugikan Syarikat yang berkenaan. Jadi, kita harap pihak wakil Kerajaan yang menyeliakan perkara khidmat ini akan memastikan bahawa setiap permohonan tambahan telefon-telefon di luar bandar mestilah diberi keutamaan, mesti dipastikan Kalau tidak, saya bimbang dengan penswastan ini orang-orang kampung akan menjadi mangsa, orang di luar bandar tidak akan mendapat perkhidmatan telefon yang baik yang selama ini telah pun dijalankan oleh Kerajaan dengan memberi faedah yang banyak kepada orang-orang kampung.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menyentuh tentang kerja-kerja menanam talian telefon yang sedang dijalankan oleh Kerajaan sekarang. Dalam kerja-kerja menanam talian-talian telefon ini, kita dapati Kerajaan telah memberi banyak petuang kepada syarikat-syarikat kontraktor bumiputera menjalankan khidmat-khidmat ini.

Di tempat saya di Pulau Pinang sendiri yang saya tahu lebih daripada 20 orang kontraktor bumiputera yang hari ini sedang menjalankan kerja-kerja menanam kabel talian telefon ini dan mereka ini telah menunjukkan kemajuan dan prestasi syarikat-syarikat mereka begitu baik, maka ini daripada satu masa ke satu masa mendapat lebih banyak kontrak. Ini menunjukkan mereka telah maju dalam perkara ini. Jadi, sekarang saya

ingin mengemukakan pertanyaan kepada Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah Kerajaan dapat mengawal perkara ini untuk memastikan bahawa apabila kerja ataupun khidmat telefon ini kita berikan kepada swasta, pihak kontraktor-kontraktor yang menjalankan kerja menanam kabel ini tidak akan hilang peluang kerja mereka. Ini saya ingin tahu, apakah peruntukan-peruntukan dalam Akta ini sama ada atau tidak hendak memastikan supaya kontraktor-kontraktor yang sedia ada yang menjalankan kerja-kerja ini sekarang ini akan terus mendapat peluang menjalankan kerja-kerja ini setelah Kerajaan menswastakan khidmat telefon ini.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai pengambilan tanah dalam hendak membekalkan khidmat telefon ini tak dapat tidak pihak mereka atau syarikat yang menjalankan khidmat telefon ini terpaksa menggunakan tanah, barangkali tanah itu tanah orang ramai, tanah private; bagaimanakah kedudukan perkara ini.

Kalau pihak Kerajaan, Kerajaan mempunyai kuasa untuk acquire atau mengambil balik tanah-tanah private ini untuk digunakan untuk memberi khidmat talian telefon kepada orang ramai. Jadi, apabila penswastan tni kita jalankan, bagaimanakah kedudukan pengambilan tanah. Adakah untuk pengambilan tanah ini masih dalam kuasa Kerajaan ataupun syarikat yang berkenaan akan menjalankan sebab sekiranya syarikat yang berkenaan juga akan mengambil tanah-tanah ini tentulah mereka terpaksa mengambilnya dengan harga pasaran.

Kalau dalam bandar misalnya hendak disambung kabel melalui satu tanah private, dalam bandar tanah harganya \$200 satu kaki persegi, kalau

dalam golden triangle (tiga segi emas) di Kuala Lumpur ini harganya sampai \$300 satu kaki persegi. Jadi, kalau swasta hendak ambil tanah dengan tujuan untuk hendak menyambung kabelnya dan terpaksa membeli tanah dengan harga \$300 satu kaki persegi dan semua kos perbelanjaan ini bukan syarikat yang hendak tanggung, kita tahu syarikat akan membebaskan kos ini kepada pengguna. Jadi, dengan sendirinya harga yang akan dikenakan kepada pemasangan telefon ini yang akan melalui tanah swasta itu terpaksa ditanggung oleh pengguna dan pengguna terpaksa membayar dengan harga yang begitu tinggi.

Dalam hal ini, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah kuasa pengambilan tanah untuk hendak menyambung kabel ini masih dalam tangan Kerajaan atau diserahkan kepada pihak swasta. Saya harap perkara ini Kerajaan masih lagi ada kuasa untuk mengambil tanah ini. Kalau Kerajaan tidak berkuasa maka kemungkinan orang-orang yang harus mendapat perkhidmatan telekom ini tak akan dapat kerana tuan-tuan tanah berdegil tidak mahu menjual tanah misalnya, kalau dia hendak jual dengan harga mahal pun kita boleh beli, tetapi dia kata saya tak mahu jual tanah ini kerana barangkali orang yang hendak dapat pemasangan telefon itu musuh dia di belakang rumahnya, dia tak benar. Saya tidak benar pengambilan ini walaupun ditawarkan satu juta ringgit sekaki. Dia tak benar. Jadi dalam hal ini sekali lagi saya harap Yang Berhormat' Menteri dapat menjelaskan bagaimanakah kedudukan pengambilan tanah apabila perlu untuk menyambungkan perkhidmatan telefon kepada pihak-pihak pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya harap pihak Kerajaan akan memastikan supaya • pihak syarikat yang akan mengambilalih

perkhidmatan ini akan sentiasa menggunakan alat-alat yang baru dan teknik yang up-to-date. Kalau kita lihat di negara-negara yang telah maju di Eropah dan Amerika, pihak Telekom telah menggunakan suatu sistem di mana teleibn ini boleh diubah dalam rumah kita di bilik mana juga kita boleh ubah dengan menggunakan plug tetapi sehingga hari ini di Malaysia ini hanya terhad, saya tahulah, tetapi kebanyakan rumah orang ramai terpaksa kalau hendak gunakan dua telefon dia terpaksa minta untuk menggunakan dua tiga telefon dan sebagainya tetapi kalau kita tengok sistem yang paling kemaskini di negara-negara Amerika, Eropah dan lain-lain negara maju, telefon ini dalam rurriah kita itu boleh diubah ke mana bilik yang kita suka hanya dengan menggunakan plug.

Jadi dengan adanya penswastan ini saya mengharapkan supaya pihak syarikat-syarikat ini akan mengemaskinikan sistem atau teknik yang mereka gunakan itu supaya dapat kita menikmati kemudahan-kemudahan teknik yang paling baru yang digunakan oleh lain-lain negara yang telah maju.

Tuan Yang di-Pertua, dengan hujah-hujah itu maka saya sekali lagi menyokong Akta ini dengan tujuan hendak menswastakan Perkhidmatan Telekom.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

6.01 ptg.

Tuan Lim Kit Siang: Saya ingin menambah beberapa perkara kepada apa yang saya kemukakan. Yang pertama, saya rasa Yang Berhormat Menteri patut memberitahu Dewan yang mulia ini butir-butir lebih lengkap mengenai kajian, hasrat Kerajaan dalam penswastan Telekom. Apa yang kita ada di

hadapan kita ialah rangka undang-undang, yang perlu diisikan dengan cara penswastaaan, cara permintaan equiti atau saham dan lain-lain.

Saya percaya dalam kajian yang ada dibuat oleh Kerajaan dalam dua tahun ini atau lebih semua perkara ini atau kemungkinan ada ditimbang dan rakyat dan Parlimen ada hak untuk tahu apa di mana berbagai option boleh dijalankan dalam penswastaaan tetapi sebelum kita sampai kepada peringkat penswastaaan Telekom, saya mahu bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada Kerajaan ada membuat satu kajian yang lebih awal sama ada tanpa penswastaaan, sama ada Telekom atau Perkhidmatan Telekom boleh diperbaiki dan untuk mencapai hasrat rakyat dan negara.

Kita di sini bukan dogmatic secara dogma menentang penswastaaan tetapi kita mahu memeriksa setiap cadangan dan menimbang sama ada usaha-usaha untuk menswastakan setiap perkhidmatan sekarang dalam bidang kuasa dan tanggungjawab Kerajaan akan membawa faedah dan kepentingan kepada rakyat dan kepada negara masa depan.

Sekarang Telekom ialah di bawah satu Jabatan Kerajaan dan Kerajaan mahu menswastakan. Bukankah ada lagi satu kemungkinan di mana satu corporation—perbadanan ditubuhkan untuk mempertingkatkan kecekapan Perkhidmatan Telekomunikasi. Kita semua tahu bahawa ada banyak sungutan rakyat, komplek mengenai berbagai aspek perkhidmatan, dan kita semua berharap, kita semua mahu bahawa Perkhidmatan-perkhidmatan Telekomunikasi diperbaiki tetapi adakah penswastaaan ini satu jalan yang boleh mengatasi masalah. Saya rasa ini adalah satu soalan yang besar yang tidak ada seorang yang berani bercakap, inilah satu jawapan. Adakah satu perbadanan Telekomunikasi yang boleh menjaga

kepentingan orang ramai di mana cost benefit, dengan izin, sosial akan diberi keutamaan. Mungkin boleh satu formula, saya tidak percaya bahawa kita boleh berkata bahawa semua corporation tentulah tidak cekap dan tidak efektif. Kalau kita tengok semua perusahaan awam mengikut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan sikap-sikap semua Menteri sekarang, semua perusahaan awam gagal oleh kerana dijalankan oleh kakitangan Kerajaan yang tidak ada fikiran bersaing, produktiviti dan kecekapan.

Tadi saya ada pergi ke Library, Perpustakaan Parlimen untuk mencari sama ada laporan-laporan mengenai Telekom, tetapi apa yang saya dapati ialah Laporan Juru Audit 1981. Ini saya mengakui menunjukkan lagi satu aspek tidak kecekapan Telekom, tetapi ini bukan bererti bahawa di hadapan kita ialah satu jalan keluar dan saya pun dapat satu Annual Report Telecoms Singapore 1982, 1984 dalam Library dan Telecommunication Authority of Singapore dari 1982 sampai 1984 tetapi di Malaysia laporan Jabatan Telekom ialah 1981. Ini menunjukkan sebuah corporation boleh cekap, kalau ada pinjaman, kalau ada semangat, kalau ada satu prestasi, semua kakitangan-kakitangan corporation untuk menjalankan tugas mereka.

Saya tidak tahulah apa mutu Perkhidmatan Telecommunication Authority of Singapore tetapi saya rasalah mungkin mutu perkhidmatan prestasi bukan satu corporation yang menjadi black-mark dalam record Public Authority di dunia.

Dalam sebab itu point saya ialah sama ada pihak Kerajaan dalam satu perkhidmatan infrastruktur semacam Telekomunikasi mencari cara yang lain selain daripada penswastaaan di mana orang-orang swasta ambalalih tanggungjawab, satu perkhidmatan infrastruktur. Telekom bukan satu

badan yang menghadapi kerugian, saya percaya Yang Berhormat Menteri pun ada dapat memorandum-memorandum dari Kesatuan Perkhidmatan Teknik Semenanjung Malaysia (MTSU) yang membantah dan cadangan menjadikan Jabatan Telekom sebagai benda untuk diswastakan; yang ada dalam memorandum ini bahawa Jabatan Telekom ialah sebuah jabatan yang mendatangkan hasil kewangan dan kutipannya tiap-tiap tahun adalah \$800 juta dan dengan keuntungan sebanyak \$300 juta setahun.

Saya setuju kecekapan perkhidmatan telekom patut dipertingkatkan tetapi bukannya ada cara yang lain?

Yang Berhormat Menteri pun harus sedar bahawa Jabatan Telekom yang bertanggungjawab tentang telekomunikasi pun ada peranan yang ada bersangkut-paut dengan keselamatan negara (national security). Jabatan Telekom sekarang ada membekalkan perkhidmatan "wireless" untuk Polis dan Tentera yang melibatkan rahsia, talian telefon Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri-menteri dan Diplomatic Corps, kedutaan asing.

Kalau sekarang di bawah tanggungjawab Jabatan Telekom ada sensitif, maka kalau diswastakan akan menimbulkan masalah sama ada dari segi keselamatan negara akan menimbulkan masalah seumpama "wire tapping" dan lain-lain, bukan sahaja dalam Kerajaan tetapi juga

maklumat-maklumat sensitif dalam bidang perniagaan pihak swasta, semua akan timbul.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, apabila Telekom diswastakan sungguhpun Kerajaan akan mengambil keputusan muktamad mengenai "rates", kadar-kadar, sebelum kadar-kadar dinaikkan kelulusan Menteri perlu didapati, tetapi perkhidmatan telekom bukan sahaja dari segi bayaran kos, bayaran perkhidmatan atau kadar bayaran tetapi juga dari segi perkhidmatan kepada orang ramai. Bagaimanakah satu Syarikat Telekom boleh, dengan izin, "render to public account" di mana rakyat boleh komplek dan membetulkan apa-apa yang tidak diinginkan yang berlaku dalam syarikat itu? Kalau badan-badan Kerajaan yang dalam prinsipnya "accountable", bertanggungjawab kepada orang ramai sudah begitu susah, dalam lingkungan "accountability", tentulah satu syarikat swasta rakyat akan lebih susah kalau mahu syarikat itu "accountable" kepada mereka.

Di sini saya mahu menimbulkan satu perkara yang pun boleh berbangkit apabila perkhidmatan telekom diswastakan. Saya ada dapat komplek-komplek mengenai ketidakseimbangan dalam pengambilan pekerja-pekerja, kakitangan dalam Telekom, pengambilan -jurutera-jurutera graduate di Telekom dan saya ada diberi maklumat untuk Semenanjung Malaysia. Dalam 8 tahun daripada 1977 hingga 1984, pengambilan (recruitment) jurutera graduate adalah seperti berikut:

	<i>Jumlah</i>	<i>Melayu</i>	<i>Cina</i>	<i>India</i>
Jurutera (Semenanjung Malaysia)	408	367 79%	39 9.5%	2 0.5%
Jurutera (Bahagian Traffic)	79	76	2	1
Jurutera (Bahagian Supply)	26	25 96.2%	1 3.8%	0

Perkara semacam ketidakseimbangan ini di Telekom adalah satu perkara yang tidak patut berlaku dan patut dibetulkan tetapi kalau dalam satu syarikat swasta, seterusnya perkara semacam ini bukan sahaja berlaku, tetapi lebih serius pula, apakah tindakan terbuka kepada rakyat Malaysia untuk membetulkan masalah semacam ini?

Tuan Yang di-Pertua, tadi rakan-rakan saya daripada Kuching dan Kepong ada beri hujah-hujah mereka dan saya tidak ada lain-lain perkara untuk tambah. Saya harap point-point yang saya ada kemukakan apabila saya kemukakan pindaan lebih awal boleh dapat perhatian Yang Berhormat Menteri.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda ada kata bahawa Kerajaan sudah kaji perkara ini dua-tiga tahun dahulu, Parlimen tak payah kaji lagi, Parlimen tak payah timbang lanjut perkara ini, cukuplah. Ini menunjukkan bukan sahaja saya rasa tidak bertanggungjawab kepada tugas Ahli Parlimen yang bertanggungjawab kepada.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Ahli dari Ulu Muda minta jalan, hendek bagi?

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak kata kita tidak payah mempertimbangkan, saya kata kita boleh mempertimbangkan dan diadakan perbahasan tetapi ini dari segi teknikalitinya. Urusan Kerajaan dahulu telah mengkaji masalah penswastaan, saya kata. Yang Berhormat Ketua Pembangkang tidak ada dalam Dewan tadi, jadi saya tahu dia tidak ada dalam Dewan dia hendak marah begitu sahaja, jadi tak kena. Saya katakan tidak perlu Kerajaan mengkaji begitu lama untuk menswastakan. Tentang Rang

Undang-undang ini kita memperbahaskan soal teknikalnya, bukan konsep.

Tuan Lim Kit Siang: Sungguhpun saya tidak ada dalam Dewan, saya pun ada dengar, saya pun tahu apa yang Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda cakap. Komplek kita ialah bahawa kita hanya ada satu hari sahaja, semalam dapat Rang Undang-undang ini dan hari ini perbahasan, tak cukup masa. Dia kata tak payahlah Kerajaan sudah kaji selama dua tahun. Mungkin itulah standard Ahli Parlimen Barisan Nasional khasnya Ahli Parlimen dari Ulu Muda yang "yes man" yang utama dalam Dewan yang mulia ini. Saya harap bahawa perkara-perkara yang pokok semua ini boleh dapat satu perhatian yang serius daripada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri menjawab.

Dato Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan bersabit dengan pindaan Akta Telekomunikasi 1950. Mungkin saya tidak dapat menjawab satu persatu komen-komen yang telah dilafaskan itu tetapi suka saya menegaskan juga ianya akan diambil perhatian dan jika munasabah kita akan mengkaji dan menimbangkan.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya suka pada permulaannya memberi terima kasih khususnya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional yang telah menyokong Rang Undang-undang ini, khususnya Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok, Ulu Nerus, Ulu Muda dan juga Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk mendapatkan Kerajaan melaksanakan polisi penswastaannya

bersabit dengan perkhidmatan telekom di negara kita ini. Seperti yang saya telah terangkan tadi, perkara telekomunikasi di negara kita ini boleh dibahagikan kepada dua asas. Asas yang pertama ialah sebagai menjaga dan mengawasi perkhidmatan telefon dan alat-alat telekomunikasi yang boleh diguna di negara kita ini. Tugas yang kedua ialah tugas untuk mengendali dan menjaga, menyediakan dan memasang network telekomunikasi di negara kita ini.

Banyak soal-soal yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap tadi, termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat dari Parti Pembangkang menyentuh undang-undang yang belum dikemukakan dalam Dewan ini iaitu undang-undang bersabit dengan syarikat pengganti Jabatan Telekom dari segi tugas pengendalian dan memasang network telekomunikasi. Walau bagaimanapun, walaupun undang-undang itu akan dikemukakan kemudian kelak, saya merasa juga baik kalau saya membuat pandangan sedikit bersabit perkara-perkara yang disentuh di waktu perbahasan dengan pindaan Akta Telekomunikasi Tahun 1950.

Pertamanya, soalan apakah tujuan menswastakan perkhidmatan telefon di negara kita ini? Apakah tujuan ini cuma difikir dan dikirakan dalam masa 27 jam atau 26 jam sahaja? Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, yang juga telah diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda dari segi konsep dan polisi penswastakan yang diamalkan di negara kita' ini oleh Kerajaan ialah bukan konsep yang baru. Konsep ini telah diperbahaskan dan menjadi persoalan dalam beberapa media walaupun pada hari ini kita menimbangkan satu Rang Undang-undang yang teknikal. Kalau kita mengingat kebelakang, kita mengingat bahawa Kerajaan sudah

membayangkan polisi penswastakan ini sebelum Pilihanraya tahun 1982. Dan hujung pilihanraya itu telah menetapkan kejayaan semula parti-parti Kerajaan dan boleh dianggap sebagai penerimaan rakyat di negara kita ini bahawa penswastakan itu ialah satu polisi yang diterima dan disetujui.

Berbentuk dengan perkara telekomunikasi pula, Kerajaan mengambil langkah untuk berbuat dan menswastakan perkhidmatan telekomunikasi bukan secara sewenang-wenangnya. Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pembangkang juga telah mengakui bahawa banyak laporan-laporan dan kajian-kajian telah dibuat dan diadakan beberapa masa yang dahulu. Hasil dari semua kajian ini meyakinkan Kerajaan bahawa bagi tujuan kita memperbaiki kedudukan perkhidmatan telecommunication di negara kita ini, perlu diasingkan tugas yang dua saya huraikan tadi iaitu tugas mengawasi dari tugas pengendalian. Tujuan pindaan Rang Undang-undang ini ialah untuk menetapkan tugas mengawasi itu langsung kepada tanggungjawab Jabatan Kerajaan, tidak diserahkan kepada pihak swasta dan Rang Undang-undang yang kita bincang ini ialah bertujuan untuk menetapkan pada pertamanya kuasa-kuasa yang patut dijelaskan bagi pegawai Ketua Pengarah Telekom yang baru untuk menjaga dan menentukan bahawa perkhidmatan telecommunication di negara kita ini dijaga untuk menjamin kepentingan rakyat di negara kita ini tidak ketinggalan di waktu syarikat yang menjalankan tugas pengendalian menjalankan tugasnya. Jadi, Kerajaan berpendapat, Kerajaan tidak bertujuan melepaskan tanggungjawab bersabit dengan perkara ini. Dan saya merasa kita tidak payah ragu-ragu lagi dari segi keikhlasan dan tujuan dan niat Kerajaan ini.

Saya juga suka menerangkan sedikit bahawa sikap dan tujuan untuk melaksanakan penswastaan perkhidmatan telecommunication bukan soalan yang dipertimbangkan oleh negara kita sahaja. Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, di kebanyakan negara-negara yang lain juga soalan ini telah juga dipertimbangkan. Bahkan kita tahu di negara-negara yang lain yang terdahulu dari sekarang di mana perkhidmatan telecommunication dikendalikan sebagai satu tugas langsung Kerajaan juga telah diserahkan kepada pihak-pihak lain dari Kerajaan atau pihak swasta.

Di Great Britain umpamanya, walaupun pada ketika dahulu perkhidmatan telefon dikendalikan oleh sebuah badan Kerajaan, baru-baru ini telah diswastakan di mana modal dan equitinya pun boleh dipegang oleh pihak-pihak luar. Tetapi dalam Great Britain pula mereka juga mengadakan satu badan kawatselia yang juga dipertanggungjawabkan untuk mengawasi perkhidmatan dan tugas-tugas dan cara-cara syarikat-syarikat yang mengendalikan telekomunikasi di negara itu berjalan. Kalau kita melihat di Amerika Syarikat pula di mana perkhidmatan telekom di negara itu memang biasanya dikendalikan oleh pihak swasta. Namun demikian, mereka juga mewujudkan satu bentuk yang dikatakan "Federal Communication Commission", dengan izin, yang bertanggungjawab sebagai badan mengawasi dan kawalselia juga.....

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh sambung esok. Saya menjemput seorang Menteri mengemukakan usul

iaitu mengikut Peraturan Mesyuarat 16 (3). Mesyuarat ditangguhkan sekarang.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 16 (3), Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

LORI MELEBIHI MUATAN MAKSIMA/KEBISINGAN

6.30 ptg.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, anggaran yang dipinda bagi tahun 1984 untuk kerja pembaikan jalan raya satu, dua, tiga dan Persekutuan, pemulihan lebuhraya dan menaikkan taraf jalan dan jambatan adalah \$104,630,000, penyelenggaraan serta pembaikan lebuhraya dalam tahun 1983 ialah \$1,146,788, pembinaan jalan raya serta lebuhraya berbillion-billion ringgit.

Jumlah wang perbelanjaan yang besar ini tidak harus dibazirkan dengan sebegitu sahaja oleh lori-lori yang melebihi muatan had maksima. Mereka lalu mengakibatkan jalan-jalan raya dan lebu-lebuhraya mereka dan berlubang-berlubang. Tambahan lagi rakyat Malaysia juga mengalami pencemaran kebisingan yang melebihi had yang selamat. Kesemua pembaziran sumber dan bahaya kepada kesihatan orang ramai disebabkan oleh tindakan Kerajaan yang tidak cukup tegas. Apakah gunanya membaiki jalan raya jika

lori-lori ini akan merosakkannya kelak. Apakah keberkesanan tindakan Kerajaan untuk mengawal lori yang masuk ke kawasan kediaman seperti Jinjang dan Kepong yang mempunyai jalan yang substandard.

Kerajaan harus mempertimbangkan untuk meningkatkan kualiti jalan raya di samping merangkakan undang-undang yang ketat bagi menjamin keselamatan pengguna jalan raya.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.32 *ptg.*

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu mengenai muatan maksima lori-lori, kalau Yang Berhormat itu sedar, kita sudah pun mengkaji beberapa kali dan perkara ini sedang dalam kajian.

AKTA KAWALAN SEWA 1966—SEMAKAN

6.34 *ptg.*

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mencadangkan bahawa Akta Kawalan Sewa 1966 dikaji semula bagi tujuan untuk memastikan sama ada Akta itu telah ketinggalan zaman atau patut dikemaskinikan ataupun dibubarkan dan digantikan oleh perundangan yang lebih wajar untuk membela pihak-pihak yang berkenaan. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada pihak DAP ini tetapi sebenarnya dia

pun telah terlambat. Sungguhpun Akta Kawalan Sewa ini telah diwujudkan dalam tahun 1966 dan dikuatkuasakan pada tahun 1967 Kerajaan dalam tahun 1976 pula 10 tahun selepasnya telah pun menubuhkan satu Jemaah Menteri untuk mengkaji sama ada Akta Kawalan Sewa 1966 perlu dimansuhkan atau dipinda. Jawatankuasa tersebut telah mengemukakan laporannya kepada Jemaah Menteri pada tahun 1986.

Tuan Yang di-Pertua: 1976.

Puan Napsiah binti Omar: 1976?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Puan Napsiah binti Omar: Ya. Jemaah Menteri telah mengkaji perakuan-perakuan jawatankuasa tersebut dan telah menangguhkan keputusannya kerana mendapati perakuan yang dikemukakan adalah rumit dan memerlukan kajian selanjutnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian hari ini sekali lagi membuat kajian supaya kita dapat membuat penentuan-penentuan yang akan memberi faedah yang saksama kepada mereka yang terlibat di dalam perkara ini. Kemungkinan Akta ini boleh dimansuhkan, ada juga kemungkinan Akta ini akan diganti dengan satu bentuk undang-undang yang lebih sesuai atau disemak semula dan dipinda dengan tujuan untuk mengemaskinikan sesuai dengan keperluan semasa. Jadi, insya Allah, tunggu sahajalah Kementerian akan membuat keputusannya dan akan memberitahu pula kepada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan usul bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 16 (3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan,
dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan
Mesyuarat 16 (3), Majlis Mesyuarat
ini ditangguhkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat
ditangguhkan sehingga pukul 2.30
Petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul
6.37 petang.*